

Jilid II
Bil. 13



Hari Khamis
24hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2225]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Kertas Putih: Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara [Ruangan 2282]

USUL-USUL:

Kelayakan Ahli-ahli Dewan—Pembatalan Mahkamah:

Y.B. Dato' Zainol Abidin bin Johari (Sik)

Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali (Kinabatangan)

} [Ruangan 2286]

Kertas Putih: Ke arah Memelihara Keselamatan Negara—

Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan 2282]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2368]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2286]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) [Ruangan 2288]

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba [Ruangan 2322]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**HOSPITAL DAERAH MUAR—
PESAKIT OTOPEDIK/MATA**

1. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa pesakit-pesakit otopedik dan pesakit-pesakit mata dari Hospital Daerah Muar terpaksa dirujuk ke Hospital Besar, Johor Bahru iaitu 174 km. jauh apabila ada doktor pakar otopedik dan doktor pakar mata di Hospital Besar Melaka cuma 44 km. sahaja jauh dari Muar dan bolehkah Kementerian Kesihatan bertimbang rasa menghantar pesakit-pesakit tersebut ke Hospital Besar di Melaka pada masa akan datang; dan
- (b) adakah Kementerian memikirkan memberikan seorang Doktor Pakar Mata dan seorang Doktor Pakar Otopedik ke Hospital Daerah Muar, yang sedang dijadikan hospital rujukan bagi lebih kurang 800,000 penduduk di Johor Utara.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada kebiasaannya kes-kes otopedik dan mata di Hospital Daerah Muar yang memerlukan rawatan segera dirujuk kepada Hospital Besar Melaka, kecuali apabila pakar-pakar berkaitan tiada ataupun bercuti maka kes-kes tersebut dirujuk kepada Hospital Besar Johor Bahru. Tetapi bagi kes-kes otopedik dan mata yang memerlukan rawatan biasa sahaja pesakit-pesakit akan dirujuk ke Hospital Besar Johor Bahru. Ini adalah kerana pakar otopedik daripada Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru memang membuat lawatan sekali dalam 2 minggu dan pakar bedah mata daripada hospital yang sama membuat lawatan sekali dalam sebulan ke Hospital Daerah Muar untuk memberikan perkhidmatan mereka. Dengan ini juga untuk kebaikan pesakit-pesakit rawatan "follow up" akan dirujuk kepada Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru.

Walau bagaimanapun kes-kes otopedik dan mata yang biasa dirujuk ke Hospital Besar Melaka atau lain-lain hospital di Semenanjung Malaysia sekiranya mereka iaitu pesakit atau keluarganya membuat permohonan.

(b) Kementerian Kesihatan sedar tentang ketiadaan pakar otopedik dan pakar bedah mata di Hospital Daerah Muar. Ini adalah disebabkan pada masa sekarang Kementerian masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar dalam bidang-bidang ini. Oleh yang demikian pakar-pakar tersebut tidak dapat ditempatkan di Hospital Daerah Muar ketika ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, tadi ada dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kekurangan doktor. Oleh itu, saya ingin bertanya berapakah jumlahnya doktor pakar otopedik dan juga doktor mata yang ada sekarang ini di seluruh Malaysia dan di atas kekurangan ini, apakah cara-cara untuk mendapatkan pakar-pakar yang dikehendaki itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, saya perlu notis di atas soalan ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ingin merujuk soalan saya kepada klinik mata di Hospital Besar Kuala Lumpur di mana saya menyaksikan sendiri keadaan kesesakan di sana amatlah serius. Beratus-ratus pesakit-pesakit mata menunggu dari awal pagi hingga lewat petang barulah sampai peluang mereka untuk mengadakan rawatan dan kekurangan doktor pun serius juga. Adakah cadangan untuk memperluaskan klinik mata di Hospital Besar Kuala Lumpur dan adakah juga cadangan untuk melebihikan pakar-pakar atau doktor-doktor mata?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi

dapat berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari Muar, aturkan manakah perlu kita tempatkan pakar mata yang akan melapor diri di Kementerian dan kita dapatlah tempatkan dia. Siapa-siapa menang dia punya fasallah, tetapi dari segi priority Kementerian memang memberi perkhidmatan sejauh yang boleh untuk menyenangkan rakyat kita dan kita akan cuba meletakkan pakar-pakar di mana perlu. Di Hospital Besar Kuala Lumpur saya rasa tidak kurang daripada 3 atau 4 pakar bedah mata tetapi keadaan di situ sesak bukan kerana tidak cukup doktor tetapi kerana ramai pesakit.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri menyatakan pesakit otopedik dihantar ke Hospital Melaka, jika doktor otopedik itu masih bertugas, tetapi saya difahamkan iaitu kes-kes yang dihantar ke Johor Bahru bukan kepada Melaka sebab daripada ulasan yang diberi oleh pentadbir negeri mengatakan Melaka di luar negeri Johor tetapi Muar di dalam negeri Johor, sebab itu terpaksa hantar patient otopedik kepada General Hospital Johor Bahru. Dan lagi saya hendak minta Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa kes-kes otopedik yang amat serius yang mempunyai patah tulang yang buruk atau head injuries, dengan izin, mereka dihantar dengan ambulans yang mempunyai suspensi yang standard sahaja dan dengan setiap lekak-lekuk di jalan ambulans melambung naik turun. Keadaan ini menambahkan lagi kesengsaraan pesakit. Saya pasti Timbalan Menteri kita tidak akan membenarkan pesakit-pesakit ini menderita begini. Ada dua cara untuk menyelesaikan masalah ini. Pertama sekali ialah membeli ambulans-ambulans dengan suspensi yang amat bagus atau super suspensi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan apa ini?

Tuan Chua Jui Meng: Saya akan datang. Kedua, Kementerian boleh mencari

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Datang sekarang juga. (*Ketawa*)

Tuan Chua Jui Meng: . . . mencari dan menggaji seorang pakar otopedik ke hospital Muar. Soalan saya ialah adakah Kementerian akan menimbangkan semula seriusnya kemungkinan menggaji seorang pakar otopedik untuk Hospital Daerah Muar atau membeli ambulans-ambulans dengan suspensi yang amat baik.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang kita berhasrat untuk memperbaiki segala-galanya jika ada sumber punca budget dan sebagainya dan jika boleh kita lebih suka hantar pesakit melalui helikopter ke Johor Bahru kerana jalan raya kadangkala tidak baik walaupun suspensi ambulans itu baik. Jadi, apa yang ada dalam keupayaan kita, kita buatlah dan demi kepentingan pesakit itu kita menjalankan tugas-tugas itu.

Saya rasa mengenai soalan yang pertama itu Ahli Yang Berhormat tidak begitu dengar baik apa yang saya kata. Saya kata dalam emergency, iaitu kes-kes yang mendesak, rujukan boleh dibuat ke Hospital Besar Melaka dan dibuat juga ke Hospital Besar Melaka. Tetapi untuk kesenangan dan kebaikan pesakit, rujukan biasa dibuat kepada Hospital Besar Sultanah Aminah di Johor Bahru kerana di bawah jagaan mereka dalam satu department dan jagaan berterusan dapat diberikan. Saya memang faham dan dapat menerima seruan untuk menempatkan seorang pakar bedah otopedik di Hospital Daerah Muar kerana Hospital Daerah Muar adalah satu-satu hospital untuk melatih doktor-doktor muda dan

kita memang memberi keutamaan untuk menempatkan seorang pakar bedah otopedik di Muar apabila seorang dapat diperolehi.

JEMAAH HAJI URUSAN SWASTA

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapakah syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan yang gagal menyempurnakan kewajipan yang telah dijanjikan kepada bakal-bakal haji yang telah berdaftar untuk menunaikan haji melalui orang-orang atau syarikat yang berkenaan. Adakah orang-orang yang berkenaan sudah dikenalpasti.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, hanya sebuah syarikat swasta sahaja, iaitu Syarikat Timur Hire Sdn Bhd yang telah diluluskan oleh Tabung Haji untuk mengendalikan jemaah Haji secara swasta pada tahun 1987. Syarikat ini telah mengendalikan seramai 119 orang jemaah Haji yang telah selamat mengerjakan Haji pada tahun berkenaan.

Lain-lain syarikat dan orang-orang perseorangan yang tidak melalui Tabung Haji dan gagal menyempurnakan kewajipan yang telah dijanjikan kepada bakal-bakal Haji yang telah berdaftar untuk menunaikan Haji melalui mereka hanya diketahui oleh Tabung Haji melalui laporan akhbar sahaja. Oleh itu, butir-butir mengenai syarikat dan orang-orang perseorangan ini tidak diketahui kerana mereka tidak melalui Tabung Haji dan tidak mendapat kelulusan daripada Tabung Haji.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, tidakkah ada cadangan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji

atau pihak Kerajaan sendiri bagi mewajibkan setiap bakal-bakal Haji yang ingin menunaikan fardu Haji dimestikan menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji kerana bagi menjamin niat suci setiap bakal-bakal Haji ini tidak tergendala.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tabung Haji ataupun Kerajaan tidaklah bercadang untuk mewajibkan bakal-bakal Haji bagi menunaikan fardu Haji melalui Tabung Haji semata-mata kerana Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah pun meluluskan beberapa buah syarikat bagi mengendalikan pemergian jemaah Haji secara swasta bagi tahun 1988.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan bahawa pihak Tabung Haji tidak mengetahui terdapatnya syarikat-syarikat swasta yang mengelola pemergian jemaah-jemaah Haji dengan tanpa melalui Tabung Haji, tetapi ada orang perseorangan yang telah mengelolakan kumpulan ini berkali-kali. Adakah ini juga pihak Tabung Haji tidak mengetahui sedangkan kesnya sudah diperkatakan, sudah terdapat dalam akhbar-akhbar?

Yang kedua, mengapakah perkara ini sering boleh berlaku sedangkan pemergian jemaah Haji ke Tanah Suci memerlukan kebenaran daripada Kerajaan Arab Saudi dan adakah ini bermakna bahawa orang perseorangan ini mendapat kerjasama daripada Kerajaan Arab Saudi ataupun mendapat perlindungan secara tidak rasmi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada sebuah syarikat yang berpusat di Seberang Perai, iaitu Syarikat Masria Travel Agency yang dipunyai oleh Tuan Haji Ahmad Hassan Sallehudin

mengendalikan pemergian jemaah-jemaah Haji ke Mekah pada tahun lalu. Daripada perkara yang telah dimaklumkan, Tuan Haji Ahmad Sallehudin ini mempunyai saudaranya di Arab Saudi. Dengan sebab itu Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Yang Berhormat Dato Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun menghubungi Kerajaan Arab Saudi supaya tidak membenarkan visa dikeluarkan untuk jemaah-jemaah Haji yang pergi dengan swasta yang tidak diluluskan oleh Lembaga Tabung Haji. Insya Allah, saya menyatakan bahawa masalah ini akan dapat kita selesaikan bagi tahun 1988 dan tahun-tahun yang berikutnya bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang mungkin berlaku terhadap orang ramai yang telah pun berdaftar dengan syarikat-syarikat yang berbentuk seperti ini.

ANAK-ANAK REMAJA LARI DARI KELUARGA

3. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (i) berapa ramaikah anak-anak remaja yang lari daripada keluarga mereka bagi tahun 1985, 1986 dan 1987; dan
- (ii) apakah sebab-sebabnya mereka lari dan berapa ramaikah yang balik semula ke pangkuan keluarga mereka sejak tahun 1985 sehingga sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (i) Ahli Yang Berhormat, angka-angka yang dikehendaki ialah seperti ini. Seramai 3,196 remaja di bawah umur 18 tahun telah melarikan diri daripada keluarga, iaitu seramai 161 orang

dalam tahun 1985, 912 orang dalam tahun 1986 dan 1,623 orang dalam tahun 1987.

Jawapan untuk soalan bahagian (ii) ialah, di antara sebab-sebab anak remaja lari daripada keluarga ialah:

- (a) perhubungan yang kurang mesra antara remaja dengan ibubapa atau ahli-ahli keluarganya;
- (b) perselisihan faham mengenai nilai-nilai hidup dan sikap remaja dan ibubapa yang bertentangan;
- (c) keadaan rumahtangga yang kurang sihat dan tenteram terutama kedatangan krisis rumahtangga di antara ibu dan bapa;
- (d) tekanan pembelajaran yang dihadapi tanpa mendapat bimbingan;
- (e) pengaruh rakan-rakan sebaya serta keadaan persekitaran yang mendorong remaja mencari penyelesaian terhadap suatu masalah diluar keluarga; dan
- (f) salah tafsiran dari kalangan remaja terhadap kepercayaan ataupun galakan berdikari yang diberikan oleh keluarga selama ini.

Sejak tahun 1985 hingga tahun ini seramai 1,887 remaja telah balik semula ke pangkuan keluarga.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah anak-anak remaja yang lari ini tadi dan balik semula ke pangkuan keluarga mereka, berapakah angka yang lari semula? Dalam hal budak-budak remaja yang lari ini, saya ingin tahu siapakah yang harus dipersalahkan atas perkara ini dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah seperti ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama ialah mengenai angka anak-anak remaja yang lari semula apabila mereka sudah pulang ke pangkuan keluarga. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya tidak ada angka-angka yang diminta oleh sebab masalah pelarian anak-anak remaja sebenarnya dikuasai oleh Kementerian Dalam Negeri. Kementerian saya selalu bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri tentang masalah ini dan jika Ahli Yang Berhormat menghendaki angka-angka ini bolehlah diberikan secara bertulis oleh pihak berkenaan.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, dia belum habis lagi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Kepada soalan kedua, siapa yang sepatutnya dipersalahkan kepada perkara ini, saya rasa kita tidaklah dapat tentukan siapa yang dapat dipersalahkan dalam perkara ini, oleh kerana ada beberapa sebab seperti yang saya sebutkan semasa menjawab soalan asal itu iaitu kita ada menghadapi berbagai jenis masalah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau dapat, jumlah remaja yang lari itu iaitu daripada jumlah 3,196 orang, berapa peratuskah bilangan gadis-gadis yang lari dari jagaan keluarga masing-masing. Adakah gadis-gadis yang lari ini menerima nasib yang tidak baik seperti dirogol atau dibawa ke sarang pelacuran? Apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai analisa angka-angka yang saya beri tadi

sejumlah 1,912 orang ialah gadis. Mengenai berapa yang dirogol dan sebagainya, saya minta maaf, saya tidak ada angka-angka.

PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

4. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar tentang pesatnya perkembangan pendidikan pra-sekolah di tanahair kita yang mana bidang berkenaan juga merupakan bidang yang boleh diwujudkan peluang pekerjaan; jika ya, adakah Kementerian merancang untuk mewujudkan pusat-pusat latihan (selain dari KEMAS) yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau maktab-maktab untuk melatih bakal-bakal pendidik pra-sekolah; yang mana ia akan menjadi asset untuk mereka membuka kelas-kelas pra-sekolah mahupun taman asuhan kanak-kanak secara swasta.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang pesatnya perkembangan pendidikan pra-sekolah di negara ini. Walau bagaimanapun, pendidikan pra-sekolah tidak termasuk dalam sistem pendidikan berkanun atau statutory, di bawah Akta Pelajaran 1961. Oleh itu Kementerian Pendidikan belum ada apa-apa rancangan untuk melibat diri secara langsung dalam mana-mana aspek pendidikan pra-sekolah. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan telah menyediakan satu garis panduan kurikulum pendidikan pra-sekolah dan mencadangkan supaya semua pusat-pusat pendidikan pra-sekolah menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan kurikulum pra-sekolah ini adalah diusahakan bersama oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran dan Pusat Perkembangan

Kurikulum. Kementerian Pendidikan dan siapa pendidik yang berminat boleh memohon kepada Kementerian untuk mendapat satu salinan.

Untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat juga berkaitan dengan latihan perguruan untuk guru-guru pra-sekolah, FELDA mengadakan kursus latihan perguruan selama 6 bulan untuk guru-gurunya di Pusat Latihannya di Trolak dan KEMAS menganjurkan kursus selama 3 bulan untuk guru-gurunya dan juga guru-guru TADIKA, FELCRA, RISDA DAN DARA. Persatuan Tadika Malaysia juga menganjurkan kursus pendek untuk guru-guru tadika sektor swasta.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri secara seriusnya. Siapakah pakar dalam Malaysia ini yang diiktiraf, adakah Kementerian Pelajaran sendiri ataupun orang perseorangan atau pihak swasta yang boleh diiktiraf sebagai pakar bahagian pra-sekolah. Itu yang pertama.

Soalan kedua, kita lihat sekarang ini kita ada berbagai-bagai fahaman ataupun berbagai-bagai garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak swasta, di antaranya NURI INSTITUT, lepas itu KEMAS, lepas itu garis panduan yang dipakai sekarang, saya percaya, daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan bukan Kementerian Pendidikan dan ada lagi satu FELDA yang memakai konsep NURI—TASKI lagi satu. Jadi, apabila kanak-kanak ini masuk sekolah, yang masuk NURI INSTITUT pemikirannya lebih daripada budak-budak Darjah 3. Jadi soalan saya, bilakah Akta Pelajaran ini hendak dipinda supaya diperkanankan garis panduan ataupun kanak-kanak pra-sekolah ini sekali dengan sekolah supaya tidak ada sistem yang lebih bagus dengan yang tidak bagus. Apabila kanak-kanak ini sudah masuk

sekolah, dia ada berlainan daripada yang diajar di sekolah, sebab di sekolah bermula dari "A" tetapi mereka yang masuk sudah sampai ke "M" already, dengan izin. Jadi, soalan saya apakah Akta Pelajaran 1961 ini patut dipinda dan diperkanankan sistem pendidikan sekolah-sekolah? Akhir sekali

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini penting, siapakah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Walaupun penting, sudah 2 soalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini termasuk dalam soalan yang kedua tadi. (*Ketawa*) Apakah badan yang diiktiraf untuk mendaftar pra-sekolah? Adakah Kementerian Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Kementerian Pendidikan sendiri, sebab ada yang menganjurkan pra-sekolah ini tanpa pendaftaran.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu sangat panjang, sampailah saya sudah terlupa apa soalnya. (*Ketawa*) Tetapi bagaimanapun, saya rasa soalan itu adalah satu cadangan yang baik dari Ahli Yang Berhormat itu dan saya hendak menjelaskan di sini bahawa Kementerian Pendidikan sedang mengkaji untuk meminda Akta Pelajaran itu dan Kementerian akan kaji untuk meminda Fasal-fasal yang berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah juga. Pandangan serta cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Arau itu akan disampaikan kepada Kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan yang pertama tadi ialah siapa pakar dalam bidang pra-sekolah. Itu kena jawab.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu jawapan siapakah pakar untuk pra-sekolah dan sebab kanak-kanak yang sangat muda ini adalah bukan sahaja kita hendak memberi pendidikan tetapi kita hendak menjaga kebajikan mereka juga dan sebab itu kebajikan kanak-kanak seperti ini adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat juga.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan berkenaan dengan garis panduan yang boleh dijadikan sebagai ikutan oleh pendidikan pra-sekolah. Saya ingin bertanya, sejauh manakah garis panduan ini telah diikuti oleh pendidikan pra-sekolah kerana saya percaya garis panduan ini adalah merupakan satu garis panduan yang dibentuk dan dibuat berdasarkan kepada cita-cita negara dan hasrat negara, kerana ada di kalangan pra-sekolah ini menjalankan pendidikan ini secara komersial, maka tentulah ianya akan ataupun mungkin dipengaruhi oleh parti politik. Jadi mungkin dalam kurikulum yang hendak diadakan itu dipengaruhi sama ada oleh bentuk politik ataupun dipengaruhi oleh komersial. Jadi, kalau ini yang berlaku, maka sudah pasti dan barang tentu ianya tidak akan dapat mencapai hasrat dan cita-cita negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya Kementerian Pendidikan mengikut Akta Pelajaran itu tidak ada kuasa untuk mengendalikan perjalanan dan pendidikan pra-sekolah, sebab itu kita tidak dapat memaksa sesiapa untuk mengikut garis panduan kurikulum pra-sekolah yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Sebab itu saya tidak dapat memberikan angka-angka berapa yang tidak mematuhi

panduan ini. Pandangan dari Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan akan dikaji apabila kita meminda Akta kelak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad.

Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembedulan, dengan izin, perkataan "meter-meter air" dipotong. Soalan yang ke-5.

METER ELEKTRIK YANG BERKUNCI

5. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan meter elektrik yang berkunci dan diletakkan di luar pagar yang mana anak kuncinya dipegang oleh pihak pembaca meter itu sama ada air atau elektrik supaya pembacaan meter dapat dibuat dengan mudah dan tidaklah meter itu diolah oleh pengguna untuk mengurangkan bacaan meter yang berkenaan dan juga untuk kemudahan di mana rumah berkenaan sentiasa berkunci waktu pembacaan meter dibuat kerana suami dan isteri bekerja, jika ya, bilakah perkara ini akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, tempat jangka elektrik iaitu meter, dengan izin, dipasangkan adalah bergantung kepada cara tenaga elektrik dibekalkan kepada pengguna-pengguna; umpamanya, jika tenaga dibekalkan melalui sesalur atas maka jangka akan dipasangkan di dinding luar rumah-rumah berkenaan pada paras yang tidak membahayakan pengguna-pengguna dan orang-orang ramai. Memanglah benar bahawa pembacaan jangka tenaga adalah lebih

mudah sekiranya jangka berkenaan dipasang di tembok pagar rumah pengguna-pengguna tetap pemasangan jangka sedemikian itu akan hanya boleh dilakukan sekiranya bekalan tenaga elektrik dibuat melalui kabel bawah tanah. Tetapi ini akan menambahkan perbelanjaan kepada pengguna-pengguna berkenaan dan juga setakat ini bilangan pengguna yang memesan supaya jangka elektrik atau meter dipasang di tembok pagar mereka adalah kecil kerana perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengunci jangka-jangka meter jika dilaksanakan akan menambahkan perbelanjaan pemasangan dan penyelenggaraan. Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk membebaskan pengguna-pengguna dengan menguncikan jangka-jangka mereka kerana pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab masih boleh merosakkan jangka-jangka walau dikunci sekalipun.

GURU DAN BILIK DARJAH DI SABAH— KEKURANGAN

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar akan kekurangan teruk guru-guru terlatih dan bilik darjah di Sabah dan bahawa sekolah-sekolah diarah meningkatkan bilangan murid dalam setiap darjah dari 35 biasanya kepada maksimum 58; jika ya, sama ada beliau juga sedar bahawa prestasi para murid serta taraf pelajaran terjejas akibat ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru dan bilik darjah di Sabah tidaklah teruk seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya, kekurangan yang terdapat di Sabah itu

terdapat juga di negeri-negeri lain dan saya memberi sedikit contoh di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Di sekolah-sekolah rendah biasa di Semenanjung—saiz kelas puratanya 37.2 murid dalam satu kelas;

Di Sarawak—36.8 murid dalam satu kelas; dan

Di Sabah hanya 36 murid dalam satu kelas.

Di sekolah-sekolah yang kekurangan murid iaitu jumlah muridnya di satu sekolah kurang dari 149 orang:

Saiz kelas purata ialah 15.78 murid satu bilik;

Di Sarawak—19.82 murid dalam satu bilik; dan

Di Sabah—15.31 murid dalam satu bilik sahaja.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai saiz kelas, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak ada mengeluarkan arahan supaya saiz maksimum ditingkatkan kepada 58 orang murid satu kelas.

Mengenai prestasi murid-murid pula, keputusan peperiksaan-peperiksaan yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa pencapaian murid-murid di Sabah terus meningkat dari setahun ke setahun. Di sini saya beri sedikit contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Periksaan SRP:

Keputusan Peperiksaan di Sabah pada tahun 1984 ialah 52.9% kelulusan; pada tahun 1985 ialah 56.1% kelulusan; pada tahun 1986 ialah 82.1% kelulusan dan pada tahun 1987 ialah 60.4% kelulusan.

Periksaan SPM:

Tahun 1984 ialah 54.8% kelulusan dan pada tahun 1987 sudah sampai ke 59.4% kelulusan.

Periksaan Penilaian Darjah V (PPDL) di sekolah rendah:

Bahasa Malaysia pada tahun 1984 kelulusan ialah 57.9% dan pada tahun 1986 sudah sampai ke 62.3% kelulusan.

Bahasa Inggeris: dari 38.4% sampai ke 44.3%.

Sains Awalan: 47% sampai ke 55%.

Ini sebagai contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$260.9 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk membina sebanyak 1,115 bilik darjah di bawah Program Pendidikan Rendah dan Menengah di negeri Sabah.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada pendapat Kementerian beliau apakah saiz optimum yang patut diwujudkan supaya guru-guru dapat mengajar dengan efektif dan murid-murid dapat belajar dengan efektif? Dan apakah Kementerian beliau berprogram untuk memperbaiki keadaan begitu dan dalam jangka masa berapa tahunkah satu saiz yang optimum bilik darjah yang boleh wujud dalam negara kita ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saiz kelas yang sangat-sangat ideal, dengan izin, ialah 36 murid di sebuah kelas. Dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah untuk menambah lebih banyak bangunan-bangunan sekolah dan bilik-bilik darjah sebab peruntukan kewangan itu tidak mengizinkan, sebab itu kita

mengadakan dua sesi di satu hari untuk mengurangkan tekanan di tiap-tiap satu bilik darjah.

PERJANJIAN PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah yang akan diambil bagi menjamin keberkesanan perjanjian dagangan yang baru antara Malaysia-China dari segi mengurangkan ketidak seimbangan dagangan yang kini memihak China dan pengurangan tuduhan pencemaran terhadap minyak sawit dan susu getah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan adanya Perjanjian Perdagangan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, tarif import ke atas eksport Malaysia seperti minyak sawit, getah, kayu-kayan dan sebagainya ke negara tersebut akan berkurangan. Ini kerana sistem import Republik Rakyat China mengenakan kadar tarif import yang berbeza-beza terhadap negara-negara yang mempunyai perjanjian perdagangan dengannya dan yang tidak mempunyai perjanjian dengannya. Pada kebiasaannya perbezaan tersebut adalah di antara 10-20%.

Kerajaan berharap dengan adanya Perjanjian Perdagangan Duahala yang akan ditandatangani pada 1hb April 1988 di samping Perjanjian Perkapalan dan Perjanjian "Double Taxation" yang telah pun ditandatangani terdahulu, pengeksport-pengeksport Malaysia akan menggunakan kemudahan-kemudahan ini untuk meningkatkan eksport barangan ke negara tersebut.

Berhubung dengan tuduhan pencemaran terhadap minyak sawit dan susu getah Malaysia oleh RRC,

setakat ini Kerajaan tidak menerima sebarang maklumat mengenai perkara tersebut berlaku di RRC. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara sedemikian kebiasaannya berlaku sekiranya pengimportan dibuat melalui negara ketiga. Oleh itu adalah menjadi harapan Kerajaan dengan adanya perjanjian Perdagangan Duahala dengan RRC dagangan secara langsung dengan negara tersebut dapat digalakkan dan dipertingkatkan. Justeru itu masalah pencemaran ke atas barang-barang eksport Malaysia ke negara berkenaan dapat dielakkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini dari segi nilai jumlah eksport barangan kita ke Negeri China dan berapakah pula jumlah import yang kita beli daripada Negeri China daripada segi nilainya. Terima kasih.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai rekod untuk tahun 1987 ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 1985 eksport Malaysia ke China adalah sebanyak \$398.5 juta. Import Malaysia dari China adalah \$621.4 juta, yang tidak seimbangan adalah \$222.9 juta dan pada tahun 1986 eksport Malaysia ke China adalah \$422.1 juta. Import Malaysia dari China adalah \$727.7 juta dan yang tidak seimbangan adalah \$05.6 juta. Keadaan perdagangan yang tidak seimbang ini boleh diperbaiki apabila Perjanjian Perdagangan Duahala ditandatangani pada 1hb April, 1988.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana selama ini kekurangan bahan eksport kita ke negara China seperti kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi disebabkan oleh kerana wujudnya sistem import yang berbeza dengan Negara China. Dan disebut tadi bahawa setelah diberi

jaminan bahawa dengan tandatangannya perjanjian pada 1hb April, perkara ini akan dapat diatasi. Walau bagaimanapun, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan akan mengambil sikap yang lebih tegas bagi memperbetulkan perseimbangan perdagangan Malaysia dengan China ini:

- (i) mengadakan peraturan supaya tidak ada lagi eksport barang-barang Malaysia melalui negara yang ketiga kerana kita mesti memikirkan kepentingan negara kita dahulu.
- (ii) jika pada satu tahap nanti perdagangan kita juga tidak seimbang dengan Negara China, apakah kita akan mengurangkan import kita daripada Negara China ini.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (i) ini tidak berlaku apabila perjanjian ini ditandatangani pada 1hb April, 1988.
- (ii) Kerajaan akan cuba untuk mengurangkan import.

MAHKAMAH PERUSAHAAN— KEPUTUSAN

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan bilangan award Mahkamah Perusahaan yang telah dikeluarkan sehingga akhir Februari, 1988. Daripada jumlah ini berapa banyak award yang dipatuhi dan dilaksanakan oleh pengurusan dan apakah langkah yang telah diambil atau sedang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah award Mahkamah Perusahaan yang tidak dipatuhi itu.

Timbalan Menteri Buruh (Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, jumlah keputusan atau "award" Mahkamah Perusahaan yang telah diturunkan dari tahun 1980

sehingga akhir Februari 1988 ialah sebanyak 2,328 keputusan. Sekiranya sesuatu keputusan Mahkamah Perusahaan itu tidak dipatuhi, pihak yang terlibat boleh membuat aduan kepada Mahkamah Perusahaan di bawah Seksyen 56 (1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Bagi tempoh berkenaan jumlah aduan yang diterima ialah sebanyak 688 aduan atau 29.6% daripada jumlah keputusan yang diturunkan oleh Mahkamah Perusahaan. Aduan-aduan yang diterima akan dibicarakan oleh Mahkamah Perusahaan dan sekiranya didapati benar bahawa keputusannya tidak dipatuhi, Mahkamah Perusahaan akan menurunkan keputusan memerintahkan pematuhan. Sekiranya perintah pematuhan ini masih tidak dipatuhi maka adalah terpulung kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan selanjutnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 56 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Mahkamah Perusahaan tidak dikehendaki menentukan selanjutnya sama ada keputusan-keputusan tersebut dipatuhi ataupun tidak. Oleh itu Kementerian Buruh tidak menyimpan rekod mengenai bilangan keputusan yang tidak dipatuhi setelah perintah pematuhan dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan. Walau bagaimanapun adalah difahamkan bahawa peratusan tidak mematuhi perintah pematuhan Mahkamah adalah dalam lingkungan 0.45% hingga 0.6% sahaja.

Untuk memastikan agar keputusan Mahkamah Perusahaan dipatuhi, Kementerian Buruh sedang menyemak peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dengan tujuan untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan ke atas pihak-pihak yang enggan mematuhi perintah-perintah pematuhan yang diturunkan oleh Mahkamah Perusahaan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar di mana pekerja-pekerja hanya boleh dapat wang award 6 bulan selepas award telah dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan oleh kerana cek yang diberi oleh majikan adalah di atas nama Jabatan Buruh dan Jabatan Buruh akan menghantar cek itu ke A.G.'s Chambers dan barulah satu waran dikeluarkan oleh A.G.'s Chambers kepada Perbendaharaan dan satu cek dikeluarkan kepada pekerja berkenaan. Kelewatan itu akan memberi kesusahan kepada pekerja-pekerja yang telah hilang kerja. Oleh yang demikian, bolehlah Timbalan Menteri memberitahu sama ada tindakan akan diambil untuk mengurangkan masa itu untuk membantu pekerja-pekerja itu?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kelambatan ini disebabkan oleh urusan pentadbiran, Kementerian akan menyasiat seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tindakan selanjutnya akan diambil untuk mempercepatkan perkara ini demi untuk kepentingan pihak-pihak yang terlibat terutama pekerja-pekerja.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peratusan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang tidak dipatuhi adalah kecil sepertimana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, tetapi adakah beliau sedar bahawa sungguhpun begini, ini merupakan satu ketidakadilan yang amat serius yang patut diatasi. Oleh yang demikian saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan dengan tujuan untuk mewajibkan bahawa semua keputusan-keputusan yang

dibuat oleh Mahkamah Perusahaan akan dipatuhi oleh pihak majikan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu. Walau bagaimanapun, setakat ini kita bergerak dan mengambil tindakan mengikut bidangkuasa seperti yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan yang ada. Juga kita menyedari bahawa walaupun perintah ini tidak dipatuhi, jalannya masih terbuka oleh yang terlibat itu untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 56 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967—membuat laporan Polis dan mengambil tindakan selanjutnya.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang saya sebut, saya boleh katakan begini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita sedang mengkaji apa-apa juga kelemahan dalam peruntukan Akta ini sekarang dan akan mengemukakan cadangan pindaan ini yang lebih bersesuaian demi untuk mengatasi masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi.

PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS

9. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kebajikan Masyarakat menjelaskan tentang apakah pendekatan pemulihan dan latihan yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan wanita-wanita di bawah Kementerian Kebajikan dan sejauh mana keberkesanan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, iaitu sebuah institusi yang ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 adalah bertujuan untuk memberi perlindungan selama tiga tahun terhadap wanita dan gadis yang berumur di bawah 21 tahun yang

terdedah kepada bahaya moral ataupun menjadi mangsa pelacuran. Kementerian Kebajikan Masyarakat kini mempunyai lima buah institusi seumpama itu yang dikenali sebagai Taman Seri Puteri. Semua kemasukan ke institusi ini adalah atas perintah Mahkamah setelah penyiasatan awal dijalankan terhadap keperluan mereka itu diberikan perlindungan.

Pendekatan pemulihan yang dijalankan di institusi ini merangkumi program pemulihan fizikal, sosial, psikologikal, pendidikan agama dan juga latihan vokasional yang kesemuanya bertujuan untuk membentuk keperibadian dan akhlak wanita serta melengkapkan kemahiran diri supaya setelah tamat pemulihan kelak, wanita ini dapat menyesuaikan diri di dalam masyarakat dan mempunyai ketahanan diri untuk menjadi warganegara yang lebih berguna.

Dari penilaian Kementerian Kebajikan Masyarakat, adalah didapati hampir semua wanita dan gadis yang telah tamat menjalani pemulihan di Taman Seri Puteri dapat diterima semula oleh keluarga dan berupaya menyesuaikan diri di dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, Kementerian ini menghadapi masalah bagi mendapatkan pekerjaan untuk mereka yang telah memperolehi kemahiran semasa berada di institusi berkenaan dengan terdapatnya sebilangan masyarakat yang masih lagi menaruh prasangka atau memandang rendah terhadap kebolehan mereka itu. Oleh yang demikian, Kementerian Kebajikan Masyarakat kini sedang berusaha untuk meningkatkan lagi latihan vokasional di institusi tersebut supaya mereka ini dapat berusaha niaga sendiri atau menandingi tenaga pekerja dalam pasaran. Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyarankan supaya masyarakat umum khususnya para

majikan dapat tampil ke hadapan bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada lepasan Taman Seri Puteri yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kekurangan pakar dan ketidakcukupan pusat-pusat pemulihan dan latihan yang dikenali sebagai Seri Puteri seringkali dikatakan menjadi faktor utama terhadap ketidak-berkesanan method ataupun cara-cara pemulihan wanita-wanita anjuran Kementerian ini. Adakah ini benar-benar berlaku dan kalau sekiranya berlaku, apakah langkah-langkah untuk mengatasinya terutama dalam bentuk penambahan wanita-wanita yang ternyata begitu mendesak kini? Soalan kedua, dikatakan pendekatan secara dakwah (agama) dan juga sivik amat berkesan untuk memulih dan melatih wanita-wanita yang bersalah. Tetapi saya juga difahamkan bahawa usaha-usaha seperti ini seringkali gagal kerana kekurangan guru-guru atau pengajar-pengajar berkenaan. Soalannya, apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya terutama dalam melahirkan guru-guru agama atau guru-guru sivik yang bertauliah dan juga lebih profesional?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama mengenai pakar yang tidak mencukupi dalam institusi-institusi berkenaan, di sini saya hendak menyatakan, bahawa Kementerian saya tidak bersikap untuk mencari banyak lagi pakar-pakar dalam institusi berkenaan oleh sebab Kementerian buat masa sekarang merasa apa jenis aktiviti atau latihan yang diberikan di institusi itu adalah dianggap mencukupi.

Bahagian kedua soalan ialah mengenai agama dan sivik. Di sini saya hendak menjelaskan ialah setiap

institusi yang berada dan sejumlah 5 institusi semuanya adalah guru-guru agama masing-masing seperti guru agama Islam dan lain-lain. Guru-guru ini dibenarkan masuk ke dalam institusi untuk memberi latihan dan bimbingan kepada penghuni-penghuni di institusi. Masalah kadangkala timbul seperti guru-guru ini menamatkan perkhidmatan mereka di institusi tetapi masalah ini bukan berpanjangan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa lepasan daripada pusat latihan ini sukar mendapat pekerjaan. Apakah kalau mereka yang dahulunya terdapat di sarang-sarang pelacur atau di rumah-rumah urut akan kembali semula menjalankan dagangnya yang begitu mudah setelah umur mereka telah meningkat lebih daripada had bawah umur itu dan berapa ramai mereka sekarang ini yang berada di pusat-pusat latihan ini dan apakah lagi tindakan Kementerian supaya usaha-usaha dapat mencegah mereka ini balik semula ke tempat usaha-usaha mereka seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini Kementerian memang sedar ada gadis yang kembali kepada usaha mereka sebelumnya dimasukkan dalam pusat-pusat ini tetapi mengikut kadar yang kita ada ini yang tidak berapa banyak. Dalam usaha Kementerian ini pekerja sosial yang sedia ada terus berhubung dengan bekas penghuni dalam institusi supaya mereka dapat menyusul perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 38 adalah diberi dibawah ini).

WARNA SERAGAM BAS SEKOLAH

10. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan perkembangan Peraturan "Warna Seragam bagi Bas Sekolah", sejak ianya diumumkan. Adakah pihak Kementerian puashati di atas kemajuan peraturan tersebut. Adakah pihak Kementerian peka di atas masalah-masalah yang timbul terutamanya sungutan-sungutan bas sekolah, tukang-tukang cat, dan juga murid-murid sekolah dan ibubapa terutamanya murid-murid yang baru masuk ke sekolah rendah.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar): Kementerian saya berpuashati dengan kemajuan pelaksanaan peraturan warna seragam bas sekolah. Sejak diumumkan pada bulan Ogos 1987, sejumlah 299 buah bas sekolah yang telah diluluskan lesen pada bulan September 1987 telah dicat dengan warna kuning pinang masak/ "amber". Baki sebanyak 9,132 buah bas sekolah lagi yang lesennya diluluskan sebelum bulan September 1987 juga perlu dicat dengan warna tersebut kerana kaedah-kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987 akan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1-1-1989. Selepas tarikh tersebut, pemegang lesen yang bas sekolahnya tidak dicat dengan warna "amber" adalah melakukan kesalahan di bawah kaedah ini dan boleh didenda tidak lebih daripada \$1,000/- atau dihukum penjara tidak lebih dari 3 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya peka dengan masalah-masalah yang mungkin berbangkit akibat daripada penganan peraturan sedemikian. Walaupun begitu, suka saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa peraturan tersebut dikenakan setelah Kementerian ini mengkaji semasak-masaknya akan

faedah jangka panjang, baik dari segi keselamatan murid-murid, mahupun dari segi penguatkuasaan.

**UNIT RAWATAN JANTUNG
HOSPITAL BESAR
KUALA LUMPUR**

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Unit Rawatan Jantung di Hospital Besar Kuala Lumpur belum cukup lengkap untuk mengendalikan rawatan pembedahan dan sebagainya. Kalau sudah lengkap, sila nyatakan sebab-sebab mengapa pemimpin-pemimpin negara masih menggunakan klinik luar negeri. Adakah mereka tidak yakin dengan kebolehan doktor-doktor kita. Kalau belum lengkap, adakah Kerajaan bercadang untuk melengkapkannya dan bila.

Dato' K. Pathmanaban: Unit Rawatan Pembedahan Jantung Hospital Besar Kuala Lumpur mempunyai keupayaan merawat beberapa jenis penyakit jantung seperti "congenital heart disease, valvular heart disease and coronary heart disease". Misalnya dalam tahun 1983, Unit ini telah melakukan 421 pembedahan jantung manakala dalam tahun 1987 sebanyak 639 pembedahan telah dilakukan, iaitu kenaikan 51.8% dalam masa 4 tahun. Bagaimanapun, bilangan pesakit yang masih menunggu untuk mendapatkan rawatan adalah ramai. Dari itu kadangkala bila seseorang pesakit itu memerlukan rawatan yang segera, ianya terpaksa dirujuk ke luar negeri.

Bagi jenis penyakit jantung yang lebih kompleks ataupun yang menghadapi risiko yang tinggi, pesakit terpaksa dirujuk ke luar negeri. Bagaimanapun Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan secara berperingkat dan mengikut kemampuan meninggikan taraf kemudahan tersebut.

**PERSIDANGAN KOMANWEL
DI KUALA LUMPUR**

12. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan dalam menganjurkan Persidangan Komanwel ke 33 di Kuala Lumpur pada tahun lepas dan berapakah anggaran wang yang akan dibelanjakan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang akan datang ini yang akan diadakan di Malaysia pada tahun hadapan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang akan berlangsung pada tahun hadapan di Kuala Lumpur merupakan Mesyuarat yang pertama kali diadakan di Malaysia.

Anggaran perbelanjaan bagi Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989 sedang dalam proses persiapan. Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang terlibat di dalam persiapan mesyuarat ini telah pun diminta mengemukakan belanja masing-masing. Adalah dijangka anggaran belanja tersebut dapat disiapkan pada bulan hadapan.

**JALAN GUAL PERIUK-BUKIT
GARU/BUKIT TANDAK-
BARUH PIAL**

13. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kerjaraya menyatakan jalan dari Gual Periuk ke Bukit Garu, Bukit Tandak dan Baruh Pial di bawah Jabatan Kerjaraya atau tidak. Kalau ya, bilakah jalan itu akan ditarkan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Nama sebenar jalan dari Gual Periuk ke Bukit Garu ialah Jalan Pengkalan Rakit/Batu Karang, manakala nama sebenar Jalan Baruh Pial ialah Jalan Lubuk Kiat/Kubang Kuau. Kedua-dua jalan tersebut

adalah jalan Kerajaan Negeri. Saya telah difahamkan Jabatan Kerjaraya Negeri Kelantan telah merancang untuk menaikkan taraf dan menegar jalan-jalan tersebut. Kerajaan sememangnya sedar keadaan jalan-jalan tersebut yang sentiasa becak terutama di musim hujan dan berdebu di musim-musim panas. Memandangkan keadaan inilah, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi menaikkan taraf jalan-jalan tersebut. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat bersabar sedikit, kerana keadaan kewangan negara sekarang tidak begitu menggalakkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi kerja-kerja menaikkan taraf kedua-dua jalan tersebut ialah \$4.65 juta.

Berhubung dengan Jalan Bukit Tandak pula, saya juga difahamkan bahawa jalan tersebut adalah jalan Majlis Daerah dan bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Kerjaraya negeri Kelantan. Walau bagaimanapun Kerajaan sedang mengambil tindakan mendapatkan peruntukan bagi menaikkan taraf jalan tersebut.

PENGEMIS YANG DITANGKAP

14. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap peminta-peminta sedekah yang masih berkeliaran terutama di bandaraya Kuala Lumpur yang mana peminta-peminta sedekah ini menggunakan anak-anak kecil terutama di hari Jumaat di masjid-masjid. Ini memburukkan imej negara di mata pelawat-pelawat yang berkunjung ke negara ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk menjaga imej negara, Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh

negara telah mengadakan jadual tertentu meronda dan menangkap pengemis di hampir semua bandar-bandar besar dari semasa ke semasa. Di samping itu tindakan juga diambil apabila sesuatu aduan diterima dari orang ramai.

Pengemis yang ditangkap akan dimasukkan di pusat pemulihan atau dikembalikan kepada kaum keluarga yang sanggup menerima dan menjaga mereka. Pengemis yang menggunakan anak kecil akan dibimbing supaya memperbaiki cara hidup dan di mana perlu bantuan akan diberi bagi membantu keluarga mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang amat menyulitkan rancangan Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menghapuskan masalah pengemis ialah rakyat Malaysia pada lazimnya bermurah hati dan sentiasa memberi sedekah kepada pengemis-pengemis. Jika perkara ini tidak diperbetulkan, maka masalah pengemis tidak akan dapat diatasi. Oleh yang demikian, salah satu daripada usaha Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah untuk mendedahkan kepada orang ramai melalui media massa supaya tidak memberi sedekah kepada pengemis di kaki lima dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk merayu supaya orang ramai yang ingin menderma boleh menyalurkan wang derma mereka itu kepada Pertubuhan-pertubuhan Sukarela di negara kita ini dan bukan kepada individu-individu yang meminta sedekah.

JUALAN MURAH/ ISTIMEWA—TAWARAN

15. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bahawa Kementerian telah membuat Undang-undang bahawa "Tawaran Jualan Murah", "Jualan Istimewa" dan lain-lain jualan

lagi bila menjelang musim perayaan adalah salah diiklan oleh mana-mana pekedai dan bahawa pihak Kementerian sedang menyasiat beberapa kes bersabit dan akan dihadapkan ke pengadilan. Sejak undang-undang tersebut dikuatkuasakan berapa banyak tindakan diambil terhadap pengusaha-pengusaha jualan seumpama ini dan mengapakah masih ada lagi kedai-kedai besar mengiklankan "Jualan Murah, Istimewa" malahan ada yang diiklankan di dalam media massa.

Tuan M. G. Pandithan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, "Tawaran Jualan Murah", "Jualan Istimewa" dan sebagainya boleh dijalankan oleh peniaga-peniaga dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987. Salah satu daripada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan ini ialah setiap tawaran jualan murah mestilah memberikan notis kepada Penolong Pengawal Perihal Dagangan di kawasan di mana tawaran jualan murah itu akan diadakan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tawaran jualan murah itu bermula. Jika tawaran jualan murah itu tidak melebihi dari 5 hari, notis berkenaan hendaklah dikemukakan tidak kurang daripada 24 jam daripada tarikh bermulanya tawaran jualan murah itu. Setiap tawaran jualan murah mestilah mempamerkan 2 harga iaitu satu harga yang ditawarkan dahulu dan satu harga jualan murah. Harga tawaran dahulu itu mestilah harga yang terendah sekali ditawarkan dalam masa 30 hari sebelum tawaran jualan murah bermula. Sehingga akhir bulan Februari 1988 sebanyak 1,836 notis berkenaan telah diterima dari seluruh negara.

Semenjak Peraturan-peraturan Jualan Murah dikuatkuasakan, Kementerian telah mengambil sebanyak 126 kes terhadap peniaga-peniaga yang tidak mematuhi

Peraturan-peraturan ini. Peniaga-peniaga ini akan didakwa di mahkamah apabila segala siasatan telah selesai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedai-kedai boleh mengiklankan tawaran jualan murah dengan memuatkan iklan mengenai jualan murah itu di media massa. Jualan-jualan murah seperti disebutkan ini adalah dibenarkan kerana Peraturan-peraturan Jualan Murah telah dipatuhi oleh kedai-kedai berkenaan.

MINI KOMPLEKS SUKAN

16. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan rancangan pembinaan mini Kompleks Sukan dan apakah Kerajaan telah meluluskan peruntukannya. Apakah Kerajaan telah memilih tempat-tempat untuk didirikan mini-kompleks sukan dan memberi keutamaan di luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Sempena dengan perasmian Kongres Sukan Kebangsaan pada 13-1-1987, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak \$5 juta untuk membina kemudahan sukan di seluruh negara (iaitu sebuah bagi tiap-tiap satu negeri). Kementerian bercadang untuk menggunakan peruntukan bagi pembinaan mini kompleks sukan yang akan mengandungi sebuah dewan serbaguna, sebuah padang bolasepak dan kawasan gelanggang sepak takraw. Perbelanjaan bagi membina sebuah mini kompleks berkenaan dianggarkan \$300,000.00.

Walaupun demikian, peruntukan yang diluluskan belum lagi di terima oleh Kementerian ini. Tempat-tempat untuk didirikan mini kompleks sukan akan ditentukan selepas peruntukan diperolehi.

Perlulah ditegaskan, pembinaan mini kompleks sukan ini adalah untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar. Selain daripada peruntukan tersebut, Kerajaan juga telah pun memperuntukkan sebanyak \$9.69 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Namun demikian, oleh kerana kemelesetan ekonomi negara, projek tersebut terpaksa ditangguhkan untuk sementara waktu.

PROGRAM SUSU SEKOLAH

17. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah yang menyertai Program Susu Sekolah;
- (b) jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Kementerian sejak Program ini dilancarkan pada tahun 1983; dan
- (c) bilangan murid-murid yang menerima bekalan susu dengan percuma berbanding dengan bilangan yang membayar.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah sekolah yang melaksanakan Program Susu Sekolah adalah sebanyak 3,000 buah. Jumlah ini tidak termasuk sekolah-sekolah rendah di Sabah kerana ia mempunyai programnya sendiri.
- (b) Semenjak Program ini dilaksanakan pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan telah pun membelanjakan sebanyak \$8.00 juta sehingga tahun lalu.
- (c) Bilangan murid yang akan menerima Skim Susu Percuma dalam tahun 1988 adalah seramai 45,000 orang, manakala murid yang membayar adalah dianggarkan seramai 350,000 orang.

PUKAT TUNDA

18. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan ingin menghapuskan pukat-pukat tunda, jika tidak, mengapa tindakan dan langkah-langkah yang berat telah diambil terhadap mereka, termasuk menahan nelayan-nelayan walaupun mereka adalah dalam perjalanan pulang dari menangkap ikan. Adakah pihak Kementerian sedar tentang penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Polis Merin Jabatan Perikanan terhadap nelayan-nelayan, jika ia, sila berikan alasan-alasannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Setakat ini, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menghapuskan pukat-pukat tunda di negara ini. Namun begitu bot-bot pukat tunda yang dilesenkan hanya dilarang menangkap ikan dalam kawasan 5 batu daripada pantai dan zon-zon yang lain mengikut peraturan yang ditetapkan. Ini adalah bagi menjamin sumber perikanan kita terpelihara dan tidak pupus serta bagi melindungi kepentingan bot-bot nelayan tradisional.

Sehubungan dengan ini, selain daripada rondaan-rondaan biasa, pihak Jabatan Perikanan dan Polis Merin memang ada menjalankan operasi-operasi khas dari masa ke semasa, bagi menguatkuasakan undang-undang Akta Perikanan 1985.

Bot-bot pukat tunda ditangkap di atas kesalahan mencerobohi Zon Larangan ataupun mengusahakan tangkapan pukat tunda tanpa lesen. Adalah tidak benar yang bot-bot nelayan ditahan ataupun ditangkap ketika mereka di dalam perjalanan balik ke pengkalan.

Namun begitu, di atas sebab-sebab keselamatan yang lain pemeriksaan ke atas bot-bot nelayan terpaksa

dijalankan. Ini bagi memastikan kegiatan haram yang lain tidak dijalankan.

Pegawai dan anggota penguatkuasaan pula telah pun diberi amaran keras supaya tidak menyalahgunakan kuasa mereka.

Setakat ini pihak Kementerian tidak pernah menerima apa-apa aduan penyalahgunaan kuasa dan kita memberi jaminan bahawa tidak ada tolak ansur terhadap mana-mana anggota yang melakukannya. Oleh itu, kita menyeru supaya laporan dibuat bagi membolehkan siasatan dijalankan.

BAHASA IBAN DI SEKOLAH-SEKOLAH SARAWAK

19. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Bahasa Iban boleh diajar di setiap sekolah di Sarawak dan masa mengajar bahasa tersebut tidaklah sesudah lepas masa belajar.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Iban boleh diajar di sekolah-sekolah di Sarawak apabila ada permintaan daripada ibubapa murid dan ada guru yang berkemampuan dan sanggup untuk mengajar bahasa tersebut.

Di sekolah-sekolah yang menawarkan Bahasa Iban kepada muridnya, peruntukan dalam jadual waktu sekolah bagi matapelajaran ini boleh dibuat sekiranya dapat disesuaikan dengan keperluan mata-mata pelajaran lain.

SOSIO—EKONOMI MASYARAKAT MISKIN

20. Tuan Maidom bin Pansai minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan jangka pendeknya dalam membantu untuk mempertingkatkan

sosio ekonomi masyarakat miskin yang kebanyakannya terdapat di luar bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Usaha-usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan miskin di kawasan luar bandar adalah merupakan strategi penting dalam proses pembangunan negara. Antara langkah-langkah jangka pendek yang dilaksanakan termasuklah aktiviti-aktiviti yang bertujuan mempelbagaikan punca pendapatan golongan miskin bukan sahaja di bidang pertanian sendiri seperti penanaman tanaman jangka pendek, ternakan ayam, itik serta kambing biri-biri tetapi juga di sektor bukan pertanian seperti pertumbuhan industri-industri kampung. Langkah-langkah ini telah diperhebatkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini apabila negara merasai kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia.

Selari dengan usaha ini, taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar juga terus dipertingkatkan melalui perluasan liputan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jalan-jalan dan kemudahan-kemudahan kesihatan serta program-program jangka pertengahan dan jangka panjang seperti yang terkandung dalam strategi halacara baru pembangunan luar bandar.

LAGU SETIA

21. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) memandangkan lagu Setia begitu memikat dan menarik perhatian ramai dan menjadi bahan siaran serta tema utama Kementerian akhir-akhir ini, adakah Kementerian bercadang menjadikan lagu tersebut sebagai sebahagian

daripada aturcara upacara rasmi pihak perhimpunan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak Kementerian atau agensi yang lain. Kalau tidak, adakah Kementerian cuba mencari jalan lain melalui lagu tersebut bagi meningkatkan kesetiaan rakyat kepada negara; dan

- (ii) apakah konsep dan tujuan utama "Perhimpunan Setia" diadakan. Apakah langkah dan tindakan yang sedang diusahakan bagi memastikan keberkesanan konsep kesetiaan kepada Agama, bangsa dan tanahair dapat berjalan serentak, berpadu dan menyeluruh bagi semua lapisan masyarakat di negara ini melalui program Perhimpunan Setia yang sedang diadakan di seluruh negara kini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):

- (i) Lagu Setia memang sudah menjadi sebahagian daripada aturcara dalam upacara dan perhimpunan rasmi bagi kebanyakan agensi-agensi Kerajaan termasuk yang diaturkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu Kementerian Penerangan tidak berasa perlu perkara itu dipaksakan kepada sesiapa kerana ia telah berlaku dengan sendirinya sebagai ekoran dari kepopularan dan kekuatan lagu itu sendiri. Lain-lain usaha sedang juga berjalan bagi meningkatkan kesetiaan kepada negara khususnya melalui program Gerakan Setia Bersama Rakyat atau "Semarak" yang akan diadakan di seluruh negara untuk merapatkan hubungan rakyat dengan Kerajaan dan

Kerajaan dengan rakyat di samping menanamkan semangat membangun dan cinta negara di setiap lapisan masyarakat.

- (ii) Perhimpunan Setia seperti yang diadakan oleh Kementerian Penerangan dan juga agensi-agensi Kerajaan lain serta firma-firma tertentu bertolak dari konsep bahawa perhimpunan begitu di mana lagu setia dan lagu-lagu patriotik dinyanyikan beramai-ramai dan nasihat daripada Ketua-ketua dapat diberikan, akan dapat menanamkan semangat setia dan cinta negara, semangat bekerjasama, ketekunan dedikasi kerja dan seterusnya dapat meningkatkan lagi produktiviti.

Langkah mengadakan perhimpunan-perhimpunan ini hendaklah diikuti pula oleh pelaksanaan berbagai-bagai aspek Setia seperti Setia Khidmat, Setia Bakti, Setia Jasmani, Setia Rohani, Setia Kawan dan Setia Negara. Semuanya memerlukan pekerja-pekerja di sesuatu agensi atau rakyat mengambil bahagian dalam berbagai-bagai aktiviti. Tujuannya adalah supaya pemimpin-pemimpin dan Ketua-ketua akan bekerja, bermain dan melaksana berbagai-bagai kerja amal bersama-sama pekerja atau rakyat tanpa mementingkan perbezaan atau kedudukan dan bekerja semata-mata untuk kepentingan rakyat, bangsa dan negara.

Kementerian Penerangan berasa yakin bahawa jika usaha ini dijalankan

dengan ikhlas dan ber-sungguh-sungguh semangat setia dan cintakan negara di kalangan pekerja-pekerja dan rakyat dapat dipertingkatkan dan negara akan menjadi lebih maju, aman dan makmur.

KWSP—KEUNTUNGAN PELABURAN

22. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menerusi pelaburan dalam tahun 1987 dan dua bulan pertama tahun ini. Adakah KWSP bercadang hendak menaikkan kadar faedah daripada 8.5 peratus yang diberikan kepada pencarum sekarang ke suatu tahap yang lebih tinggi memandangkan keuntungan yang diperolehi oleh KWSP.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Jumlah keuntungan (yang belum diaudit) yang diperolehi oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi pelaburannya dalam tahun 1987 adalah sebanyak \$2,539 juta. Manakala jumlah keuntungan (yang belum diaudit) bagi dua bulan pertama tahun ini ialah sebanyak \$253 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar dividen yang ditetapkan pada setiap tahun adalah bergantung kepada jumlah pendapatan bersih KWSP untuk diagihkan sebagai dividen kepada pencarum-pencarum KWSP. Selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (3) Akta KWSP 1951, Lembaga KWSP akan mengumumkan kadar dividen untuk tahun tersebut pada atau selepas tahun kewangan berakhir 31hb Disember bagi setiap tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 1987, Lembaga KWSP telah mengisytiharkan pembayaran kadar dividen sebanyak 8.5% kepada ahli-ahli dan kadar ini adalah lumayan berbanding dengan

kadar faedah yang dibayar oleh bank-bank tempatan pada masa ini. Juga sebagai usaha untuk memberi pulangan yang lebih bermakna kepada pencarum-pencarum, mulai 1hb Januari 1987 KWSP memberi dividen berdasarkan kepada baki bulanan akaun-akaun pencarum.

PENGAJAR KERJAYA DI UNIVERSITI

23. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya beberapa “tutor” di Universiti Malaya tidak dapat kenaikan pangkat walaupun mereka telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun di universiti dan adakah benar mereka tidak ada peluang untuk naik pangkat hingga mereka bersara. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah “discontentment” golongan tersebut.

Tuan Woon See Chin: Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa beberapa “tutor” di Universiti Malaya tidak diberi kenaikan pangkat, adalah tidak benar. Pada hemat saya, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai jawatan “tutor” itu adalah jawatan Pengajar Kerjaya. Sememangnya dalam Skim Perkhidmatan Pengajar Kerjaya tidak ada peruntukan bagi kenaikan pangkat dan saya percaya pengajar-pengajar berkenaan sedar tentang hakikat ini bila mereka memohon jawatan tersebut. Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari Pengajar-pengajar Kerjaya telah pun dilantik sebagai Pensyarah di Universiti Malaya, berdasarkan kekosongan jawatan dan kesesuaian pengajian mereka. Untuk memperbaiki tanggagaji mereka, jawatan Pengajar Kerjaya ditaklukkan di bawah Skim Perkhidmatan Guru dengan tanggagaji A20, A11, A10 dan berkuatkuasa mulai 1-1-1988.

SISWAZAH UNDANG-UNDANG

24. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan jumlah graduan undang-undang dari Negeri Sabah yang telah memohon jawatan Majistret dan bilangan yang berjaya dalam permohonan tersebut dalam tahun 1985, 1986 dan 1987.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Jumlah siswazah undang-undang dari Negeri Sabah yang memohon jawatan Pegawai undang-undang dan bilangan yang berjaya dilantik dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Memohon	Bil. Dilantik
1985	4	3
1986	4	3
1987	2	—

PROGRAM PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI

25. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang mengkaji semula program pembelajaran di semua Universiti-universiti tempatan bagi mengelakkan pengeluaran siswazah yang kaku dan tidak tahu mencari pekerjaan sendiri dan mewajibkan semua siswa-siswinya menjalani latihan praktikal termasuk dalam jurusan sastera dan ekonomi.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak institusi pengajian tinggi tempatan sentiasa mengkaji serta mengubahsuai program dan kursus yang dijalankan oleh institusi masing-masing supaya bersesuaian dengan keadaan negara sekarang ini. Di samping itu pelajar-pelajar juga telah disarankan supaya mengubah sikap mereka, tidak hanya bergantung

kepada Kerajaan semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi mengamalkan sikap berdikari.

GURU SANDARAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA KELANTAN

26. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah sudah sampai ke Kementerian ini bahawa guru-guru sandaran di Sekolah-sekolah Menengah Agama di Kelantan telah mengikuti kursus KDS lebih kurang tiga tahun 1982-1984 anjuran Yayasan Islam Kelantan, sampai sekarang guru-guru itu tidak ada apa-apa pembelaan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus KDS yang dimaksudkan itu, dianjurkan oleh Yayasan Islam Kelantan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Bagi guru-guru yang telah mengikuti kursus itu, sebenarnya pihak Kerajaan sedang membuat penyemakan bagi pengiktirafan sijil kursus tersebut dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Bahagian Pendidikan Guru.

KERAJAAN SABAH— PENYIASATAN PEMBERIAN PROJEK

27. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada benar bahawa satu petisyen telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat meminta penyiasatan menyeluruh ke atas Kerajaan Sabah dalam pemberian projek;
- (ii) jika ada, sama ada penyiasatan telah dijalankan;
- (iii) adakah penyiasatan itu telah selesai; dan

- (iv) jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Polis telah dibuat mengenai perkara ini dan siasatan sedang dijalankan.

KAWASAN BEBAS CUKAI DI PULAU PINANG

28. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat sebarang lokasi di Pulau Pinang yang telah dikenalpasti bagi penubuhan kawasan-kawasan bebas cukai seperti yang telah diumumkan oleh Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini. Jika ia, berikan lokasi-lokasi tersebut dan bilakah ianya akan beroperasi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa cadangan untuk menubuhkan kawasan bebas cukai di Pulau Pinang masih lagi dalam kajian. Yang demikian, lokasi bagi penubuhan kawasan bebas cukai ini belum lagi diputuskan.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN DI MANILA

29. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab musabab Mesyuarat Kemuncak Pemimpin-pemimpin Negara ASEAN yang berlangsung di Filipina baru-baru ini begitu singkat sehingga tidak sampai setengah jam.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Izinkan saya dengan segala hormatnya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN Yang Ketiga yang diadakan di Manila pada 14 dan 15 Disember

1987 merupakan satu mesyuarat yang penting dan penuh bermakna kepada negara-negara ASEAN.

Di Mesyuarat tersebut beberapa inisiatif, pendekatan serta strategi baru untuk meningkatkan dan memantapkan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN telah dicapai oleh Ketua-ketua Kerajaan ASEAN.

Memang benar Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah mengambil masa yang singkat untuk mengambil keputusan meluluskan rangka kerjasama yang telah dibentuk oleh para Menteri Luar dan Ekonomi serta pegawai-pegawai tinggi ASEAN di Mesyuarat Sidang Kemuncak mereka. Perkara ini boleh berlaku adalah kerana, persiapan-persiapan awal telah dibuat di peringkat Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Tinggi kira-kira lapan-belas (18) bulan sebelum Sidang Kemuncak tersebut diadakan. Persediaan ini amat penting memandangkan Sidang Kemuncak Kedua telah diadakan lebih 10 tahun dahulunya.

Ketua-ketua Kerajaan ASEAN juga telah membincangkan dasar-dasar yang harus dibentuk oleh ASEAN untuk mencapai kerjasama yang kukuh dan erat pada tiap-tiap kali mereka mengadakan perbincangan sesama sendiri di dalam siri lawatan yang telah diadakan di antara mereka sebelum Sidang Kemuncak diadakan.

Dalam pada itu, Ketua-ketua Kerajaan juga diberitahu dengan sepenuhnya oleh para Menteri masing-masing tentang satu-satu dasar penting yang akan diambil pada tiap-tiap peringkat persediaan dibuat. Bagi Malaysia sendiri, garispanduan pendirian yang akan diambil oleh negara di dalam Sidang Kemuncak tersebut telah direstui oleh Jemaah Menteri dalam Mesyuaratnya pada bulan Ogos tahun 1986 lagi. Jemaah Menteri dan juga Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri sentiasa diberitahu akan segala perkembangan yang dicapai di mesyuarat-mesyuarat persediaan dari peringkat awal hinggalah Sidang Kemuncak diadakan.

Memandangkan kepada persiapan yang telah dibuat dengan teliti dan rapi dan dengan persetujuan akhir Jemaah Menteri di atas semua dasar-dasar serta ketetapan yang akan diambil oleh Ketua Kerajaan kita, sudah tentulah Ketua-ketua Negara ASEAN tidak memerlukan masa yang lama untuk upacara Sidang Kemuncak rasmi mereka.

Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN telah mengadakan perbincangan tertutup di antara mereka sendiri tanpa para-Menteri dan pegawai untuk selama satu setengah jam sebaik sahaja Sidang Kemuncak rasmi tamat. Ini bermakna Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN telah menggunakan kesempatan yang ada untuk berbincang mengenai hal-hal kepentingan bersama Sidang Kemuncak itu diadakan.

Di samping itu perbincangan-perbincangan dua-hala antara Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN juga telah diadakan semasa mereka berada di Manila.

Saya berharap dengan penjelasan yang telah diberi ini dapatlah ditekankan bahawa Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN telah mencapai kejayaan yang penuh dan menyeluruh setelah persediaan awal yang rapi dan teliti dibuat selama 18 bulan sebelumnya.

SEKOLAH SHEN JAI—BANTUAN

30. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah perjanjiannya iaitu

memperuntukan wang sebanyak \$100,000 kepada Sekolah Shen Jai, Ipoh tidak dikota.

Tuan Othman bin Abdul: Bantuan kepada Sekolah Shen Jai sebanyak \$100,000.00 telahpun dikeluarkan pada awal tahun ini melalui Pejabat Kemajuan Negeri Perak.

PENYAKIT AIDS

31. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan mangsa-mangsa AIDS yang terdapat di negara ini dan bolehkah beliau menyatakan sebab-sebab utama berlakunya penyakit tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit tersebut daripada merebak, dan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan Unit Kaunseling AIDS untuk membantu mangsa-mangsa berkenaan dan golongan risiko tinggi.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 kes AIDS di negara ini. Berdasarkan kepada maklumat yang diterima dari penyiasatan yang telah dijalankan, ketiga-tiga kes AIDS tersebut telah dijangkiti penyakit berkenaan semasa berada di luar negeri kerana mereka didapati mempunyai hubungan seks secara rambang dengan golongan berisiko tinggi yang mungkin telah dijangkiti oleh virus AIDS. Selain daripada 3 kes AIDS itu, terdapat juga 6 orang pembawa kuman AIDS (carriers).

Jawapan kepada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah merebaknya penyakit AIDS telahpun diberi kepada soalan yang sama pada 15-3-1988 dan 21-3-1988.

Makluman am mengenai penyakit AIDS dan langkah-langkah untuk mencegahnya daripada merebak adalah diberi kepada orang ramai dan golongan berisiko tinggi oleh Unit

Pelajaran Kesihatan melalui risalah-risalah, poster-poster dan melalui media masa seperti radio, televisyen, suratkhbar dan sebagainya.

Kaunseling secara individu untuk kes dan pembawa kuman AIDS dan juga kepada golongan berisiko tinggi adalah diberi oleh pegawai hospital-hospital di seluruh negara, termasuk Pakar-Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Kesihatan Daerah yang berkaitan. Cara ini didapati berkesan. Dari itu pada masa sekarang, Kerajaan berpendapat tidaklah perlu diadakan satu Unit Kaunseling yang khas.

JALAN TAIPING-IJOK— MELEBARKAN

32. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya memberitahu bilakah jalan daripada Taiping ke Ijok dan Taiping ke Selama akan dinaikkan ke taraf jalan Persekutuan. Kalau ada, bilakah jalan-jalan ini akan diperbesarkan untuk kenderaan pengangkutan, dan adakah Kementerian sedar bahawa hasil-hasil di negara ini bukannya didapati dalam bandar oleh itu jalan-jalan di pendalaman adalah lebih mustahak bagi ekonomi negara.

Dato' S. Samy Vellu: Sebenarnya jalan Taiping ke Ijok adalah jalan negeri. Saya telah difahamkan rancangan memperelokkan dan melebarkan jalan ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya Perak hingga ke peringkat rekabentuk jajaran jalan dan penyediaan dokumen meja tawaran. Peruntukan telah diminta untuk pembinaannya tetapi kelulusan belum diperolehi. Kerajaan Persekutuan belum ada cadangan untuk mengambilalih jalan tersebut sebagai jalan Persekutuan.

Berkenaan dengan jalan Taiping ke Selama, saya juga difahamkan cadangan untuk mengambilalih jalan

tersebut masih lagi di peringkat cadangan kertas kerja untuk persetujuan Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar bahawa hasil-hasil negara datangnya dari luar bandar. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan telah mengambilalih jalan-jalan utama yang perlu dan menaikkan tarafnya supaya perhubungan antara bandar-bandar dengan kampung-kampung dapat dipertingkatkan.

KEBAKARAN HOSPITAL

33. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan memberitahu apakah langkah-langkah yang telah/sedang dan akan diambil untuk kebersihan di hospital-hospital kerana masih banyak terdapat sampah sarap, tikus dan lalat hijau di setengah-setengah hospital-hospital daerah.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan memang memandang berat terhadap kebersihan hospital-hospital di seluruh negara. Arahan telah pun diberi kepada semua hospital-hospital juga telah dikeluarkan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan kebersihan di hospital-hospital. Selain daripada itu pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kesihatan dan juga daripada peringkat negeri sentiasa melawat hospital-hospital untuk memastikan yang arahan dan garispuandu itu dikuatkuasakan dan keadaan di hospital-hospital dan di sekelilingnya adalah bersih.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu boleh juga bersetuju bahawa mutu kebersihan di hospital pada masa sekarang adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Jika sekiranya Yang Berhormat tahu ada hospital-hospital yang tertentu di mana mutu

kebersihannya tidak memuaskan, saya harap dapat diberitahu kepada Kementerian Kesihatan supaya langkah-langkah yang perlu boleh diambil.

**MAS—MENAMBAH
PERKHIDMATAN ANTARA
BANGSA**

34. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) apakah perkhidmatan lain yang sedang dirancang oleh MAS selain daripada memperkenalkan perkhidmatan MAS—Eropah keenam yang merangkumi Dubai/Frankfurt/Amsterdam;
- (ii) bagaimanakah usaha MAS meningkatkan hasil tambang penumpang dan kargo;

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):

- (i) Di bawah rancangan perluasan rangkaian perkhidmatan antarabangsa MAS, pada tahun ini tiga perkhidmatan tambahan akan diadakan ke Amsterdam, Sydney/Melbourne dan Madras. MAS juga akan memperkenalkan 2 perkhidmatan baru secara operasi bersama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing iaitu operasi bersama MAS/Air Mauritius dari Kuala Lumpur ke Port Louis, Mauritius seminggu sekali pada bulan Mei 1988 dan operasi bersama MAS/Thai Airways International dari Kuala Lumpur ke Phuket dua minggu sekali pada bulan April 1988.

Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa usaha-usaha untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa MAS adalah merupakan satu perkara

berterusan yang sentiasa diberi perhatian berat oleh Kementerian Pengangkutan dan MAS. Ini adalah selaras dengan hasrat dan dasar-dasar Kerajaan yang di antara lain termasuk untuk menambahkan hasil pertukaran asing dan meningkatkan industri pelancongan negara.

- (ii) Berhubung dengan soalan mengenai pendapatan MAS daripada pengangkutan penumpang dan kargo ingin saya memaklumkan bahawa bagi tahun kewangan yang terakhir iaitu 1986/87, MAS telah mencatatkan kenaikan sebanyak 5.9% di dalam pendapatan penumpang dan kenaikan sebanyak 31.3% di dalam pendapatan kargo berbanding dengan prestasinya pada tahun sebelum itu. Perlu dimaklumkan bahawa pertambahan hasil daripada pengangkutan penumpang dan kargo ini adalah berpunca daripada sektor antarabangsa dan hasil daripada petambahan jumlah penumpang dan kargo yang dibawa oleh MAS berbanding dengan tahun-tahun dahulu. Dari segi kadar tambang penumpang dan kargo perlu dimaklumkan bahawa tidak diadakan apa-apa kenaikan.

Butir-butir mengenai prestasi MAS bagi tahun kewangan semasa belum dapat diberikan memandangkan bahawa tahun kewangan tersebut hanya akan berakhir pada Mac 1988 ini.

- (iii) sepertimana yang saya telah memaklumkan tadi, pertambahan hasil daripada kargo oleh MAS adalah disebabkan jumlah kargo yang bertambah yang dibawa oleh MAS pada tahun tersebut. Dari

segi kadar tambang Yang Berhormat mungkin ingin ambil maklum bahawa MAS tidak menaikkan kadar tambang tetapi sebaliknya pihak MAS telah memperkenalkan beberapa jenis tambang murah berdiskaun untuk kargo. Tujuan mengadakan tambang berdiskaun ini ialah untuk memberi sokongan dan galakan kepada peng-eksportan hasil barang-barang tempatan khasnya seperti barang-barang elektronik, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Pihak Kementerian bersamasama MAS sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak pengeksport berkaitan untuk menentukan keperluan ini mengikut permintaan pasaran.

JURUTERA TEMPATAN— LATIHAN PEMBINAAN PROJEK

35. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jurutera-jurutera tempatan yang telah mendapat latihan daripada pembinaan berat seperti Jambatan Pulau Pinang, Kompleks Dayabumi dan kilang PROTON SAGA. Bagaimanakah peluang pekerjaan untuk jurutera-jurutera tersebut selepas pembinaan struktur-struktur tersebut. Adakah struktur-struktur seperti yang telah dibina tanpa bantuan daripada jurutera-jurutera asing.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Sulaiman: Bilangan jurutera tempatan yang menerima latihan daripada pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang, Kompleks Dayabumi dan kilang PROTON SAGA adalah dianggarkan kira-kira seramai 94

orang); pecahannya adalah seperti berikut:

Jambatan Pulau Pinang 27 orang

Kompleks Dayabumi 17 orang

Kilang PROTON SAGA 50 orang

Jurutera-jurutera ini telah mendapat latihan sambil bekerja di projek berkenaan yang dilaksanakan dengan bantuan jurutera asing.

Dari segi peluang pekerjaan jurutera-jurutera, perlu saya nyatakan bahawa kebanyakan jurutera ini sudah pun bekerja sama ada dengan agensi yang menjalankan projek itu, sektor Kerajaan dan swasta semasa mereka ditempatkan bagi latihan di projek-projek berkenaan. Mereka ini masih lagi bekerja dengan majikan mereka yang asal selepas selesai projek-projek berkenaan dilaksanakan. Di kalangan mereka yang berhenti, kebanyakan telah membuka perniagaan sendiri. Bagaimanapun, pendedahan dan pengetahuan yang diperolehi dari latihan di projek-projek berkenaan dikira berguna di mana-mana sahaja mereka bekerja, sama ada dengan Kerajaan, swasta ataupun persendirian.

PROTON SAGA—PENGEDARAN DI AMERIKA SYARIKAT

36. Tuan Hsing Yen Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Bricklins mempunyai minat yang berbelah bagi (conflict of interest) dalam pengedaran PROTON SAGA Malaysia dan Yugoslavia Amerika Syarikat. Adakah benar bahawa pasaran "Automobile Amerika Syarikat" akan kurang mendapat perhatian jika ia dipamerkan di ruang pameran yang sama dengan Yugo kerana kereta Yugo lebih murah dan sudah membentuk nama di pasaran Amerika. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bilangan kereta PROTON SAGA yang dieksport akan meningkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Dari tindakan yang diambil oleh Bricklin untuk memasarkan kereta PROTON SAGA seperti menubuhkan sebuah syarikat pengedaran yang berasingan bernama PROTON American Inc., saya yakin bahawa ianya mempunyai minat yang tidak berbelah bagi dalam pengedaran PROTON SAGA di Amerika Syarikat.

Adalah tidak benar jika dikatakan PROTON SAGA akan kurang mendapat perhatian jika dipamerkan di ruang yang sama dengan kereta Yugo dari Yugoslavia. Ini adalah kerana PROTON SAGA mempunyai perbezaan dari segi harga dan aspek-aspek lain berbanding dengan kereta Yugo. Oleh itu bahagian pasaran PROTON SAGA juga adalah berbeza. Adalah menjadi amalan pengedar-pengedar kereta lebih dari satu jenama dan mempamerkan di bilik pamerannya dalam usaha untuk menarik pelanggan-pelanggan.

PROTON telah mengambil langkah-langkah berikut bagi meningkatkan pemasaran kereta nasional di luar negeri:

- (1) Menyebarkan maklumat serta memperkenalkan Proton Saga melalui Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan;
- (2) Mengenalpasti pengedar-pengedar yang berminat untuk menjadi wakil penjual Proton Saga;
- (3) Mendapatkan maklumat mengenai pasaran kereta motor di negara-negara tertentu seperti tender dan jualan kepada Kerajaan, peraturan/undang-undang di negara berkenaan bersabit dengan kereta motor;
- (4) Menyertai rombongan perdagangan ke luar negeri seperti yang pernah dibuat di Vancouver dan Dallas; dan

- (5) Membuat susulan untuk mendapatkan pengecualian tarif bagi kemasukan dan penjualan kereta Proton Saga ke negara-negara tertentu.

PENCEROBOHAN KAPAL PERANG ASING

37. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah pencerobohan kapal perang asing di kawasan perairan Malaysia untuk tahun 1987. Apakah strategi dan langkah-langkah ketenteraan yang telah dan sedang diambil dan bagaimana kesannya terhadap perkembangan hingga masa sekarang.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Memang terdapat beberapa kehadiran kapal perang tentera negara asing yang telah dikesan oleh Angkatan Tentera kita di sepanjang tahun 1987 di kawasan perairan negara kita. Kehadiran kapal perang tersebut bukanlah dianggap sebagai pencerobohan yang sebenar ke kawasan perairan kita kerana ianya tidak mengancam keselamatan negara. Takrif pencerobohan di dalam aspek maritim membawa maksud antara lainnya memasuki kawasan lain yang dituntut oleh Malaysia tanpa kebenaran dengan tujuan untuk mengganggu ketenteraman, merosak dan memusnah harta benda serta rakyat, mencabuli undang-undang dan kedaulatan negara.

Sepanjang tahun 1987 Angkatan Tentera kita telah mengesan 7 kali kehadiran kapal-kapal tentera negara asing memasuki perairan negara termasuk juga yang dikesan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Aktiviti-aktiviti kapal perang tersebut merangkumi laluan ikhlas (innocent passage) latihan dan lawatan ke pelabuhan di Malaysia yang tidak termasuk dalam ertikata menceroboh.

Dari segi strategi serta langkah-langkah ketenteraan yang diambil, meliputi pengawasan Maritim yang

dilaksanakan oleh kapal-kapal TLDM dan pesawat-pesawat TUDM. Pengawasan dan tinjauan tersebut dijalankan berterusan bagi membolehkan pihak berkuasa memperolehi maklumat-maklumat mengenai aktiviti-aktiviti kapal-kapal di Perairan Malaysia dan ZEE. Pengawasan yang dilaksanakan itu adalah sangat berkesan di mana segala aktiviti kapal-kapal perang asing, kapal-kapal dagang asing, bot-bot nelayan asing dan juga sasaran-sasaran yang lain (target of interest) yang memasuki perairan Malaysia dan ZEE dapat dikesan. Dengan pengesanan ini tindakan sewajarnya dapat diambil sekiranya aktiviti-aktiviti mereka ini mencabuli undang-undang dan kedaulatan negara.

PREBET ADAM JAAFAR

38. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada siasatan telah disiapkan oleh Kementerian berhubung dengan kes Prebet Adam Jaafar yang terlibat dalam kejadian menembak di kawasan Chow Kit pada bulan Oktober tahun lalu, jika ada, apakah hasil siasatan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan bagi memastikan bahawa kejadian seumpama itu yang melibatkan anggota tentera tidak akan berlaku lagi pada masa depan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tiada Lembaga Penyiasatan dijalankan oleh Angkatan Tentera mengenai kes tersebut kerana kes itu adalah di dalam siasatan polis. Pihak Kementerian hanya membantu pihak polis di dalam siasatan ini. Walau bagaimanapun satu Lembaga Penyiasatan telah ditubuhkan untuk mengenalpasti bagaimana Rjr Adam memperolehi senjata dan peluru tersebut. Mereka yang terlibat telah pun diambil tindakan tatatertib.

Segala peraturan-peraturan dan arahan-arahan memang tersedia ada untuk menentukan perkara sebegini tidak berlaku. Walau bagaimanapun tindakan untuk memperkemas lagi peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang ada termasuk kawalan yang lebih berkesan sedang diuruskan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

KERTAS PUTIH: KE ARAH MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA

3.33 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) ditangguhkan untuk membincangkan perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu berkenaan satu Kertas Putih bertajuk, "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara" yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari kelmarin iaitu 23hb Mac, 1988 di bawah Kertas Perintah 14 tahun 1988.

Kertas Putih ini bertujuan memaklumkan segala peranan dan kegiatan pihak-pihak berkenaan yang telah membawa kepada keadaan yang menjejaskan ketenteraman awam serta memudaratkan keselamatan negara dalam bulan Oktober, 1987.

Kertas Putih Kerajaan memaklumkan kegiatan-kegiatan ahli-ahli politik tertentu dan kumpulan pendesak tertentu yang mana menurut Kerajaan telah mengeksploitasikan beberapa isu sensitif dan

menyemarakkan perasaan perkauman dan ini telah disebut sebagai faktor utama yang menyebabkan keadaan tegang yang serius yang berlaku dalam tahun 1987.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana berikutan penerbitan Kertas Putih dalam media massa tempatan dan luar negeri, orang ramai mempunyai hak untuk mengetahui kebenaran atau sebaliknya akan kandungan-kandungan yang dimaklumkan dalam Kertas Putih itu yang sangat serius dan menghendaki satu perbahasan yang penuh dalam Dewan yang mulia ini untuk memastikan kesahahehan Kertas Putih itu.

Kandungan-kandungan yang disebutkan di dalam Kertas Putih terutama pertuduhan-pertuduhan yang ditujukan kepada 7 orang pemimpin DAP adalah tidak berasas, berat sebelah dan diputar-belitkan dan mempunyai motif yang tersembunyi.

Bahawa perkara ini patut dibincangkan dalam Dewan ini sebagai satu perkara kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana pertuduhan-pertuduhan yang dibuat dalam Kertas Putih itu tidak berdasarkan fakta-fakta yang benar penahanan 7 orang pemimpin DAP kerana penahanan mereka bermaksud politik.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebentar, Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini Usul Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Bahawa perkara ini patut dibincangkan dalam Dewan ini sebagai satu perkara kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana pertuduhan-pertuduhan yang dibuat dalam Kertas Putih itu tidak berdasarkan fakta-fakta yang sebenar penahanan 7 orang pemimpin DAP kerana penahanan mereka bermaksud politik dan tidak ada kena mengena dengan keselamatan negara.

Kegiatan-kegiatan politik mereka sesungguhnya menurut undang-undang dijalankan secara terbuka dan dalam lingkungan Perlembagaan Persekutuan serta selaras dengan dasar-dasar politik DAP untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang pelbagai kaum, pelbagai budaya dan pelbagai fahaman keagamaan. Sebagai Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, mereka mempunyai tugas untuk dilaksanakan bagi pihak para pengundi mereka untuk menyuarakan bantahan-bantahan terhadap dasar-dasar Kerajaan yang tidak adil dan tidak saksama serta pula bertentangan dengan kepentingan nasional dan perpaduan negara.

Ahli-ahli Parlimen DAP telah membangkitkan isu-isu yang mempunyai unsur-unsur etnik bukan dengan tujuan untuk mengeksploitasikannya atau menyemarakkan perasaan perkauman tetapi untuk mengurangnya dengan cuba menarik perhatian Kerajaan yang mana sebenarnya bertanggungjawab untuk mewujudkan isu-isu itu untuk menyedarkan betapa seriusnya isu-isu yang harus diselesaikan.

Bahawa Dewan ini patut membincang dan membahaskan Kertas Putih ini sebagai satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana mana-mana pihak yang telah dituduh secara tidak adil untuk mengeksploitasikan

beberapa isu-isu sensitif dan menyemarakkan perasaan perkauman mestilah diberikan satu peluang untuk menjawab pertuduhan-pertuduhan seperti yang terkandung dalam Kertas Putih itu dan untuk membela diri demi menegakkan kebenaran dan keadilan. Sekian. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) daripada Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye, Ahli bagi kawasan Bukit Bintang. Usul tersebut adalah berkenaan dengan satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Teks Usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat kecuali jika beliau berpuas hati iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati 3 syarat:

- (i) Perkara itu perkara tertentu;
- (ii) Perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) Perkara itu berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati ketiga-tiga syarat yang saya sebutkan tadi. (*Tepuk*)

Oleh kerana itu saya akan membenarkan supaya perkara ini dibahaskan oleh Dewan ini pada pukul 5.30 petang ini, selama satu jam. Saya akan membenarkan pihak pencadang usul mengemukakan hujah-hujahnya selama setengah jam, dan pihak Kerajaan menjawab selama setengah jam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang.

USUL

KELAYAKAN AHLI-AHLI DEWAN—PEMBATALAN MAHKAMAH

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya memohon mencadangkan bahawa Dewan ini mengambil perhatian—

- (i) bahawa Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari, Ahli bagi Sik telah dihukum bankrap oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 13hb Ogos, 1987 dan selepas itu Perintah Penerimaan dan Penghukuman itu telah dibatalkan dan dimansuhkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 17hb Mac, 1988;
- (ii) bahawa Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali, Ahli bagi Kinabatangan, telah dihukum bankrap oleh Mahkamah Tinggi Borneo di Sandakan pada 29hb Januari, 1988 dan selepas itu Perintah Penerimaan dan Penghukuman itu telah dibatalkan dan dimansuhkan oleh Mahkamah yang sama pada 1hb Mac, 1988;

maka dengan ini Majlis ini, mengikut Peruntukan Perkara 53 (1) Perlembagaan Persekutuan, membuat keputusan bahawa kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini tidak hilang kelayakan menjadi Ahli Dewan ini dan bahawa mereka terus menjadi Ahli Dewan ini.

Dengan butir-butir yang saya jelaskan tadi, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul tadi disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil perhatian—

- (i) bahawa Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari, Ahli bagi Sik telah dihukum bankrap oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 13hb Ogos, 1987 dan selepas itu Perintah Penerimaan dan Penghukuman itu telah dibatalkan dan dimansuhkan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 17hb Mac, 1988;
- (ii) bahawa Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali, Ahli bagi Kinabatangan, telah dihukum bankrap oleh Mahkamah Tinggi Borneo di Sandakan pada 29hb Januari, 1988 dan selepas itu Perintah

Penerimaan dan Penghukuman itu telah dibatalkan dan dimansuhkan oleh Mahkamah yang sama pada 1hb Mac, 1988;

maka dengan ini Majlis ini, mengikut Peruntukan Perkara 53 (1) Perlembagaan Persekutuan, membuat keputusan bahawa kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini tidak hilang kelayakan menjadi Ahli Dewan ini dan bahawa mereka terus menjadi Ahli Dewan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PERLUCUTHAKAN HARTA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (23hb Mac, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila sambung.

3.45 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya sambung, saya ingat patutlah saya jawab pertanyaan dari permintaan penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani semalam sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan, di mana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bertanya, sebab saya ada kata pada hari ini pihak Pembangkang DAP tidak boleh menjadi Kerajaan, tetapi akan jadi Kerajaan pada satu masa yang akan datang jika keadaan politik sebagaimana yang kita dapati hari ini berlarutan. Dan Ahli Yang Berhormat ada mengatakan adakah saya bermaksud bahawa hari ini saya

percaya iaitu pemerintah hari ini adalah adil. Suka saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bahawa pemerintahan Barisan Nasional hari ini bukan adil—bukan adil-sebab pemerintahan Barisan Nasional hari ini diwujudkan berasaskan kepada pemisahan kawasan-kawasan pilihanraya di mana prinsip “seorang satu undi”, dengan izin, “one man one vote”, tidak dapat diutarakan. Jika kita teliti angka undi-undi yang didapati dalam pilihanraya umum pada tahun 1986 pihak UMNO mendapat lebih kurang 1.34 juta undi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, pada hari semalam Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah meminta penjelasan adakah Yang Berhormat mengakui bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah adil. Kalau mengakui, beliau mengucapkan terima kasih. Itu sahaja. Janganlah ambil peluang ini untuk memberi satu ucapan panjang atas keadaan Barisan Nasional kerana itu lari dari Rang Undang-undang ini dan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat, kalau tidak mengakui katalah tidak mengakui dan kita bahaskan Rang Undang-undang ini.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah kata, saya tidak mengakui, iaitu “tidak adil”, tetapi beliau hendak tahu mengapa saya menganggap begitu. Tetapi jika Tuan Yang di-Pertua, suka saya teruskan, maka saya akan teruskan ucapan saya petang semalam, iaitu saya baru semalam sentuh atas kesan-kesan yang buruk akibat penagihan dadah boleh membawa kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Saya sambung sekarang iaitu sudah begitu banyak usaha Kerajaan untuk memulihkan

balik semua penagih-penagih dadah yang kita dapat kesan, tangkap dan berkas, tetapi pusat-pusat pemulihan penagih-penagih dadah sudah dapat isi dengan penuh, dan juga sudah banyak yang dikeluarkan daripada pusat itu selepas daripada mendapat pendidikan pemulihan. Tetapi setakat hari ini rancangan pemulihan itu tidak berapa berkesan, sebab kita pun mengakui sebahagian besar daripada mereka yang keluar daripada pusat pemulihan itu akan kembali kepada penagihan dadah lagi dan juga kita dapat kempen yang raksaksa melalui radio, melalui suratkhbar, melalui risalah dan poster-poster, tetapi itu pun tidak dapat disampaikan kepada mereka yang perlu pendidikan itu. Dan juga baru-baru ini kita pun ada luluskan di dalam Dewan yang mulia ini satu Akta Dadah di mana kita dapat hukuman mati kepada mereka yang ditangkap atas peruntukan undang-undang dalam Akta ini tetapi ini pun tidak berkesan dan hari ini kita perlu lagi satu pembentangan, satu rang undang-undang baru yakni “Perlucuthakan Harta” mereka yang mengedar dengan besar-besaran dadah ini.

Saya harap pihak pemerintah sedar bukan undang-undang hari ini tidak berapa cukup barangkali belum cukup 100% tetapi sudah ada banyak undang-undang dan juga ada banyak peruntukan dalam “Criminal Procedure Code” untuk tangkap, tahan, siasat dan hukum mereka yang ada bercampurtangan dalam jenayah ini. Tetapi kita kesal walaupun undang-undang sudah banyak ada terdapat hari ini wabak dadah berleluasa lagi. Mengapa? Saya akan beri sebab-sebab mengapa.

Nombor satu sebab adalah penyalahgunaan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang sedang ada dan juga penguatkuasaan undang-undang ini selalu tidak dapat berkesan. Sebab ada apa? Ada kegiatan korupsi di mana

“ikan yu, ikan besar”, lagi besar lagi banyak wang, lagi banyak besar rasuah-rasuah diberi kepada pihak berkuasa.

Walaupun saya tidak ada bukti tetapi saya anggap ini adalah kira satu berita yang kita dapat di dalam masyarakat di mana kita kadangkala ada dengar. Oh! itu orang banyak kaya sekarang. Mana dia dapat wang? Ada yang kata dia dapat daripada edaran dadah tetapi kadangkala dia kena serbu, kena tangkap tetapi selepas satu, dua minggu kadangkala, kadangkala selepas semalam mereka dilepaskan. Saya bukan tuduh dengan sia-sia sahaja.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya nampak Yang Berhormat dari Petaling Jaya jalannya begitu cerah sekali maka saya tidak nampak mengapa Yang Berhormat itu tidak menyokong usul ini kerana undang-undang dan usul Akta ini sebenarnya untuk membanteraskan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi supaya ikan-ikan besar itu tidak terlepas dari ditangkap.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya belum habis hujah-hujah saya. Dan semalam jika Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada dengar pada mula-mula hujah saya, saya sudah kata atas prinsip saya sokong-menyokong 100% tetapi saya akan beri sedikit sebab-sebab mengapa saya tidak berpuas hati dengan semua peruntukan dalam Rang Undang-undang baru ini. Saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Saya akan memberi penjelasan nanti dalam ucapan saya. Maka dalam keadaan hari ini kita dapatlah mereka yang dihukum mati. Mereka yang ditangkap dihadapkan kepada tindakan mahkamah adalah ikan kecil, ikan bilis, orang yang mengedar 1-2 gram, 3 gram, 15 gram, 200 gram, tetapi orang-orang yang ada pengaruh atas edaran beberapa kilogram tidak dapat ditangkap setakat hari ini.

Inilah tuduhan saya yang lebih besar, yang lebih kuat, yang lebih pengaruh akan dapat dilepaskan! Baik, hari ini kita dapat satu Rang Undang-undang baru bertujuan menangkap ikan yu, menangkap orang yang edar dadah dengan besar-besaran. Bagus undang-undang ini. Saya sudah kata bagus, bukan tak bagus. Saya harap Yang Berhormat dari Sungai Petani dengar. Prinsipnya semua bagus. Sebahagian peruntukan dalam Rang Undang-undang baru ini pun bagus tetapi antara peruntukan-peruntukan yang kita dapat dalam fasal-fasal 21 kepada 27 kita dapat tahu pihak Pendakwaraya, pihak Polis sudah diberi kuasa-kuasa terlalu luas, boleh kata tidak terbatas. Macam itu, bolehkah satu hari, satu ketika kuasa-kuasa yang terlalu luas ini, kuasa-kuasa yang tidak terbatas ini yang diberi kepada pihak Pendakwaraya, kepada pihak Polis, mereka yang siasat, pegawai-pegawai yang siasat, bolehkah kita jamin mereka yang siasat “ikan yu”, yang siasat mereka yang sudah ada jadi berjuta-juta ringgit kaya tidak akan dapat satu peluang dapat rasuah?

Juga kita adalah satu dalam “Doctrine pemisahan kuasa-kuasa” dalam Perlembagaan kita pun ada satu para kehakiman. Sebenarnya di negara yang berpolitik demokrasi berparlimen dengan penuh dapatlah kuasa-kuasa sebegini luas patut disahkan dengan satu “court order”, tetapi dalam fasal 21 kepada 27 kita tidak perlu pergi ke mahkamah dapat satu “court order”

sebelum dapat kuasa ini. Rampasan Pendakwa Raya semua ini tidak boleh diberi. Dan jika kuasa-kuasa ini yang terluas diberi, saya anggap adalah satu percanggahan dengan perkara-perkara dalam Perlembagaan Kebangsaan kita.

Dalam Perlembagaan kita Perkara 5, iaitu "Liberty of the person", "kebebasan individu" dapat dicanggahkan dan juga dalam Perkara 13, "The right to property" iaitu "Hak-hak mempunyai harta-harta" pun dapat dicanggahkan. Tetapi Rang Undang-undang ini hari ini dibentangkan di bawah peruntukan-peruntukan dalam Perkara 149 dalam Perlembagaan. Tetapi jika kita hendak gunakan Perkara 149 dalam Perlembagaan kita memang kita pun patut ambil perhatian peruntukan-peruntukan dalam Perkara 5 dan Perkara 13 dalam Perlembagaan; iaitu, kita pun sewajibnya beri satu penghormatan kepada para kehakiman kita pada hari ini. Saya minta dalam peruntukan-peruntukan Fasal 21 kepada 27 dipinda di mana satu "court order" perlu didapati sebelum semua rampasan atau usaha rampas harta, hak itu diberi kepada Pendakwa Raya dan Polis. Dalam Fasal 15 ada kuasa diberi "tangkap tanpa waran". Itulah saya kata bercanggah dengan Perkara 5 dalam Perlembagaan kita, iaitu "Liberty of the person" (kebebasan individu). Ini pun perlu satu "court order", bukan pihak Prosecutor, Pendakwa Raya, pihak Polis, pegawai yang siasat dapat hak ini sahaja kerana ini akan disalahguna akan dapat penyelewengan, barangkali pun kegiatan rasuah.

Fasal 20 kita dapat hak yang diberi kepada Pendakwa Raya lagi, kepada Polis lagi di mana mereka boleh "tap" telefon, buka surat dan semua "correspondence" dirujuk kepada seorang yang sudah disyak sangka atau disyaki. Inilah semua ada satu "invasion of the privacy of the individual", dengan izin, dan saya

harap kegiatan ini perlu juga satu "court order" sebelum Prosecutor, sebelum pihak Polis dapat hak ini buat begitu.

Fasal 9 dan 10 ada kata seorang yang disyaki perlu beri sebab-sebab mengapa "he is not guilty until proved innocent". Prinsip-prinsip perundangan adalah "a person is innocent until proven guilty", dengan izin, tetapi atas peruntukan Fasal 9 dan 10, "a person is already guilty and he must prove his innocence", dengan izin, dan itu pun ada didapati dalam Fasal 35. Saya harap kita dapat satu penelitian atas tuduhan saya, atas pendapat saya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya beralih kepada perkara keluarga, kawan-kawan, orang yang ada persaudaraan, "associates" orang yang disyaki. Dalam hal ini Polis, Pendakwa Raya, pihak yang siasat pun diberi sama-sama kuasa rampas atau "forfeit" harta-harta ahli-ahli keluarga, ahli-ahli yang ada persaudaraan, kawan-kawan, rakan-rakan perniagaan, "associates". Saya anggap kuasa-kuasa sebegini pun terlalu luas dan tidak terbatas, akan disalahgunakan pada satu ketika yang akan datang dan akan dapat kegiatan rasuah ditingkatkan. Saya harap semua fasal ini akan dapat satu kajian semula.

Semalam Pemangku Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada cadangan kita sepatutnya serahkan Rang Undang-undang baru ini kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk satu kajian teliti, lebih mendalam, di mana kita patut beri penghormatan kepada hak-hak individu, dan penghormatan kepada hak-hak kehakiman kita, para Judiciary kita. Saya sangat kesal baru kita dapat dalam Dewan yang mulia ini satu pembentangan Rang Undang-undang baru buat pindaan kepada

Perlembagaan Negara kita di mana hak-hak Kehakiman pun dikurangkan dan diberi kepada pihak Eksekutif. Dalam Rang Undang-undang yang baru ini berkenaan dengan perlucuthakan harta orang yang disyaki jadi pengedar besar dadah, kita pun sudah tak cukup beri penghormatan kepada hak-hak individu dan hak-hak Kehakiman kita.

Dalam satu negara yang kita amalkan demokrasi berparlimen, kita memang hormat pemisahan kuasa-kuasa. Pihak pemerintah kita tak patut rampas semua hak ini. Jika semua hak ini dirampas, apakah guna kita perlu hari ini satu mahkamah, seorang hakim, apakah guna? Tidaklah guna lagi satu kehakiman. Saya harap jika kita akan beri kuasa-kuasa seperti dibentang dalam peruntukan Rang Undang-undang ini, saya harap kita akan beri kuasa-kuasa ini dengan syarat semua kuasa ini diberi selepas disahkan dengan satu "court order" daripada para Judiciary.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun kesal juga sebab bukan sahaja wabak dadah yang akan merosakkan masyarakat kita, yang akan putus-memutus pertalian keluarga, persaudaraan, yang akan membawa kesan buruk kepada masyarakat, kepada individu, kepada perniagaan, kepada imej negara, lain-lain jenayah pun patut kita utamakan dengan satu pembentangan Rang Undang-undang sebegini. Jika ini diluluskan untuk tangkap mereka yang disyaki bersabit dengan jenayah-jenayah CBT, iaitu pecah amanah, dengan mereka yang tipu-menipu rakyat sebagai dalam kes Bank Pusat Koperasi (BPK) atau Central Co-operative Bank (CCB) di mana pada tahun 1986 sudah kita dapat tahu bank ini melalui penyelewengan-penyelewengan atau kegiatan-kegiatan yang tidak halal di antara pihak pengarah, kakitangan bank itu dengan orang-orang yang pinjam wang dengan pinjaman besar-besaran, dalam angka

\$741 juta hutang lapuk, adalah juga pemimpin-pemimpin besar politik, adalah Tan Sri dan Dato di mana hari ini kita tahu sudah rugi \$334 juta pada tahun 1986 dan akan rugi dalam tahun 1987 dan 1988 lagi \$741 juta lagi, jika usaha-usaha dapat kembalikan pinjaman-pinjaman lapuk ini tidak berjaya. Dan juga kita dapat tahu dalam beberapa bulan yang lepas berita-berita bahawa Tan Sri-Tan Sri, Dato-Dato, bekas Menteri dan Timbalan Menteri yang sudah dapat hukuman-hukuman penjara, tetapi ada lagi banyak seperti Dato Tiong Hong, Dato Yap Peng dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu ada kes dalam mahkamah, Yang Berhormat jangan sentuh.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak sentuh atas keputusan atau apa. Baiklah, itu ada *sub judice*, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua ambil perhatian saya.

Saya harap kita akan pada satu ketika akan datang akan buat pindaan kepada undang-undang kita atau bentang satu Rang Undang-undang yang baru seperti hari ini kita bentang dalam Dewan yang mulia ini bertujuan lucuthakan harta yang mereka edar dadah dengan secara besar-besaran. Saya harap adalah satu undang-undang yang akan elakkan orang-orang besar, orang-orang kenamaan jadi tipu-menipu, jadi orang yang kuat kegiatan rasuah dan kegiatan penyelewengan di mana rakyat lebih rugi.

Tadi saya sudah nyatakan kepada Dewan yang mulia ini \$334 juta sudah rugi, dan akan rugi lagi \$741 juta. Saya kesal sikap tidak berapa betul, jika kita hendak satu masyarakat yang bersih, cekap, amanah, kita sepatutnya beri teladan yang bersesuaian dengan cogan kata ini, "bersih, cekap dan amanah" dan kita pun patut bertanggungjawab atas hal ini. Dan saya kesal sangat, fasal

dalam Dewan ini sudah dua, tiga hari saya kena perintah keluar Dewan, perintah duduk, jangan timbulkan apa-apa. Atas apa? Bukan saya suka buat itu. Sebagai seorang Ahli Parlimen, memang saya mahu image saya baik juga, berbau wangi juga, tetapi atas tugas-tugas saya di mana sudah lebih kurang 2 tahun saya suarakan soal ini, hal ini dalam Dewan yang mulia ini kepada pihak pemerintah supaya dapat satu keputusan, dapat satu penjelasan yang tepat, yang adil. Selepas kes ini sudah dilaporkan kepada Polis, kepada pihak ACA juga (Biro Pencegah Rasuah), tetapi sampai hari ini sudah 2 tahun kita tidak ada satu jawapan dan bukan tidak ada jawapan, dia tolak-menolak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah bersangkutan sentuh dengan benda yang di hadapan kita ini?

Dr Eng Seng Chai: Ini bersangkutan dengan Rang Undang-undang yang melucuthakan harta, saya di sini dalam perbahasan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Okay, saya pulang balik. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap undang-undang yang kita bahas hari ini akan digunakan dengan keadilan dan keadilan bukan untuk orang-orang yang ada pertalian dengan pihak pemerintah sahaja. Rang Undang-undang seperti ini melucuthakan harta rakyat, ini sepatutnya digunakan tanpa mengambil kira orang yang disyaki, boleh dia seorang kenamaan, bolehlah dia seorang Tan Sri dan Dato', tetapi saya harap apa-apa siasatan, apa-apa tuduhan, apa-apa tindakan Mahkamah akan diberi saksama dengan tindakan yang diberi kepada orang yang tidak ada nama, yang tidak ada pertalian kepada pihak pemerintah.

Saya sangat suka kata saya pun sokong Rang Undang-undang ini, tetapi dengan syarat ini, sepatutnya diserahkan lagi kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk satu kajian yang lebih dalam dan lebih teliti atas satu tujuan di mana kita akan meneliti bolehkah semua peruntukan yang diberi hari ini boleh disalahgunakan, bolehkah semua peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, mereka menimbulkan lebih banyak kegiatan rasuah.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, semua pendapat saya akan mendapat satu perhatian, dan saya harap dengan Rang Undang-undang ini jika diluluskan tanpa apa-apa pindaan, tanpa apa-apa rujukan kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang kita cadangkan, jika tanpa semua ini, saya harap, jika Rang Undang-undang ini diluluskan, pihak pemerintah akan gunakan semua peruntukan dengan adil, dengan patut dan kita akan dapat satu ketika yang akan datang wabak dadah, penagihan dadah akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sepatah dua dari saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahar sama Akta Dadah Berbahaya ini. Sebelum saya menarik pandangan anggota Dewan petang ini, suka saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan, khususnya kepada Menteri berkenaan yang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Saya mengucapkan terima kasih kerana pihak Kerajaan nampak begitu berhasrat untuk membanteras najis dadah ini. Kerajaan telah bersusah payah dan telah beberapa kali

meminda Akta ini yang bermula dari serendah-rendah hukuman sampailah kepada setinggi-tinggi hukuman iaitu mati di tali gantung dan sekarang Kerajaan membentang lagi Akta 1988 bagi membolehkan pihak berkuasa merampas dan mengambil harta perjenayah dadah ini.

Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dari Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, tetapi tidak cukup kuorum, saya ingin melihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat supaya pandangan PAS boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha, sila bilang—20. Tidak cukup kuorum. Bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup kuorum, sila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang ada lagi dalam kepala Kerajaan dan Menteri yang bertanggungjawab sekiranya Akta ini gagal dan pihak yang terlibat tidak mengindah bila diluluskan nanti dan zaman pemerintahan Perdana Menteri sekarang adalah zaman Akta.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bencana dadah ini telah begitu mencemaskan dan Kerajaan pun amat merasa kecemasan ini dan inilah saya anggap punca yang menyebabkan Akta ini dibentang lagi dalam Dewan yang mulia pada petang ini. Saya dalam membahas Akta ini bukanlah tegap sebagai Pembangkang dan jangan juga pihak Kerajaan menganggap sokongan penuh dapat saya berikan. Walau bagaimanapun saya ingin menarik perhatian Dewan ini untuk sama-sama

kita renung, meneliti dan mengkaji punca-punca yang menyebabkan dadah ini telah menjalar dan merebak begitu meluas ke seluruh negara, bahkan ia telah melanda kesemua benteng-benteng pertahanan negara seluruh dunia dan ia sudah berada ditahap yang paling bahaya. Kalau seketika dahulu najis dadah ini dapat mengancam dan menggoda golongan muda-mudi dan pelajar-pelajar sekolah sahaja, tetapi hari ini ianya telah berjaya meredah pagar-pagar golongan orang-orang dewasa dan melibatkan askar-askar, anggota-anggota Polis, Pegawai Kerajaan dan sebagainya dan ribuan angka disenaraikan, bahkan meningkat hampir-hampir setengah juta mengikut banciaan.

Apakah ini, Tuan Yang di-Pertua, ia berlaku begitu sahaja dengan sewenang-wenangnya atau sewaktu perancangan rapi dari musuh-musuh negara untuk melemahkan Kerajaan kita dan mengapa pula maka golongan pelajar-pelajar, askar-askar, polis-polis dan Pegawai Kerajaan menjadi sasaran utama najis dadah ini dan apakah ianya dapat dipertahankan dan dihalangi dengan akta-akta yang telah diluluskan dan akan diluluskan sekejap lagi dalam Dewan yang mulia ini?

Bagi saya soal manusia mahu kaya cepat dan mahu wang banyak tidak berbangkit, kerana kita semua mahu begitu dan Kerajaan sendiri pun lebih memerlukan harta banyak dan kaya cepat, tetapi tidak ada siapa pun yang berani mencampakkan diri ke dalam api sekiranya ianya benar-benar mengetahui api itu panas dan membakar.

Najis dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya tidak akan terhapus dengan mudah dengan hanya Kerajaan meminda akta dan meluluskan beberapa akta. Cuma kita boleh berbangga dan boleh mendedahkan kepada dunia supaya

mereka tahu bahawa kita ada kerja, kita buat kerja dan kita telah menghukum rakyat kita dengan seberat-beratnya sampai ke tali gantung dan sampai harta-benda pun kita rampas hasil dari akta-akta yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga kiranya Kerajaan dapat memperincikan dari satu tahap ke satu tahap hasil daripada pindaan akta satu demi satu dan sejauh mana dapat dilihat kejayaan kita melalui pindaan-pindaan yang kita lakukan. Saya menyokong usaha-usaha Kerajaan mewujudkan akta-akta dan meminda akta-akta, tetapi saya dukacita kalau Kerajaan sendiri tidak mengenalpasti punca-punca penyakit dan tidak tepat pula menggunakan ubat-ubat untuk penyakit. Tidakkah kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyakit ini berpunca daripada manusia yang rosak akhlak, rosak peribadi dan runtuh moral, manusia yang telah hilang pedoman hidup dan sesat jalan petunjuk?

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang terlibat dengan najis dadah ini hanya dua golongan manusia sahaja—pertama, pengedar dan kedua, pengguna. Cuba kita senaraikan sepenuhnya manusia ini dan kita kaji latar belakang mereka masing-masing, sama ada golongan pertama sebagai pengedar atau golongan kedua sebagai pengguna. Adakah mereka ini dari jenis orang-orang yang berakidah, beriman, bersembahyang, berakhlak tinggi, pelajar-pelajar pondok, kaki-kaki masjid, guru-guru agama, mubaligh-mubaligh dan sebagainya kalau dia Islam, atau mereka sebenarnya terdiri dari mereka yang tidak berakidah, tidak beriman, tidak bersembahyang, tidak bermoral, tidak belajar pondok dan agama, tidak kaki masjid, tidak guru agama, tidak mubaligh dan, dan, dan.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini semuanya adalah terdiri dari golongan orang yang sudah rosak akhlak dan runtuh peribadi dan mereka telah hilang segala-gala jalan petunjuk dan ini berpunca dari Kerajaan sendiri tidak bermoral dan berakhlak. (*Tepuk*) dan Kerajaan tidak ada matlamat bernegara. Kalau Kerajaan masih tidak mengenalpasti latar belakang satu persatu manusia-manusia yang terlibat dengan najis dadah ini, maka Kerajaan pula tidak akan mengenalpasti punca-punca penyakit yang dihadapi oleh masyarakat dan sekali lagilah Kerajaan menggunakan ubatnya tidak tepat, maka tidak akan sembuhlah penyakit-penyakit dan banyaklah Kerajaan terpaksa mengorbankan masa, harta dan nyawa manusia. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang berlaku dalam Islam walaupun zahirnya nampaknya ngeri dan mengajar seperti "hudud", yakni hukum bunuh yang Kerajaan tidak mahu menjalankan hukum Islam kerana takut bunuh, tetapi bunuh juga seperti hukuman dadah. Tetapi hakikatnya ia menghidupkan manusia seperti Ayat al-Qashash yang berbunyi: "Walakum fil qisaasi hayatun ya ulul albab".

Tuan Yang di-Pertua, sejak hukuman mati Akta Dadah Berbahaya dijalankan di negara kita, apakah Kerajaan telah melihat dan sejauh mana hasil dan kejayaan telah diperolehi? Saya percaya kita telah gagal dengan semua akta-akta yang telah lulus dan kita jalankan. Contohnya yang terdekat, kalau kita berjaya tentulah kita tidak perlu lagi kepada suatu akta baru seperti yang dibentangkan pada hari ini. Kalau segala-galanya kita telah berjaya, mengapa lagi kita mahu rampas harta-harta mereka sedangkan mereka sudah mati dan telah dihukum gantung?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlucuthakan harta mengikut Bahagian III dan IV dalam Rang

Undang-undang ini, saya tidak tahu adakah pihak Kerajaan telah membuat kajian secara mendalam dan telah mendapat fatwa-fatwa yang sah dan jelas dari Mufti-mufti Kerajaan sendiri atau dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pusat mengenai perampasan harta-benda orang yang terlibat dengan dadah ini kerana setahu saya mengikut pandangan Islam, setiap harta yang dimiliki oleh kita, bila kita mati maka putuslah hakmiliknya dan ia dengan sendiri telah menjadi harta pusaka waris, yakni "tariqah" dan tiada sesiapa yang berhak mengganggunya. Maka bagaimana pihak Kerajaan mahu rampas harta pusaka manusia suku-sakat dan kalau Kerajaan Islam tentunya ia tidak akan bertindak demikian tetapi Kerajaan hari ini bukan Islam, cumanya mengaku sahaja, barangkali bolehlah ia buat apa sahaja yang ia suka dan ini pernah berlaku seperti Loteri Kebajikan Masyarakat dan juga ASN kerana Kerajaan buat dahulu tidak payah minta fatwa dan bila didapati salah atau tidak boleh, bercanggah dengan hukum syarak, maka Kerajaan jadi pekak telinga, jangan hendak ditarik balik bahkan ditegur pun tidak boleh dan Kerajaan marah-marah pula.

Itulah yang timbul baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, sehingga saya tidak dapat menyebut perkataan-perkataan "haram" dan "najis" dalam Dewan yang mulia ini kerana dihalang oleh Tuan Speaker dan diganggu oleh budak-budak UMNO haram terutama sekali budak Tanah Merah. Tanyalah, Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya yang datang dari Azhar, saya cuma datang dari Pengkalan Chepa sahaja. Saya bimbang dan takut berlaku seperti Akta ISA. Niat Kerajaan baik, untuk komunis sahaja, kita pun sokong. Tetapi bila diluluskan Akta itu, Kerajaan telah salahgunakan menyebabkan orang-orang yang tidak berdosa disapu sama sekali. (*Tepuk*) Begitulah Akta Dadah

ini nanti, bagaimana pihak Kerajaan boleh menentukan harta haram halal, apa bukti dan kenyataannya sedangkan kuasa diberi lebih kepada pihak yang tertentu. Saya tidak mahu terlibat sama ataupun bersubahat dengan perkara haram yang dilakukan oleh Kerajaan.

Oleh kerana najis dadah ini sudah sampai ke tahap merbahaya, maka beberapa hari yang lepas kita telah mendengar satu suara ucapan yang tegas beralunan sedih dari Timbalan Menteri berkenaan melalui siaran radio dan televisyen merayu, menyeru dan mengajak kerjasama semua khatib-khatib, imam-imam surau dan masjid-masjid serta paderi-paderi gereja supaya menerangkan kepada orang ramai tentang bahaya najis dadah dan ancaman-ancaman yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau penyakit ini tidak begitu parah, mengapa Timbalan Menteri berkenaan mengambil tindakan yang begitu rupa dan inilah julung-julung kali suara seperti ini terdengar yang melibatkan seruan secara terbuka memohon kerjasama penuh dari seluruh khatib-khatib, imam-imam dan paderi-paderi melalui surau-surau, masjid-masjid, gereja-gereja dan sebagainya dan beliau telah menjelaskan bahawa bencana najis dadah ini lebih merbahaya daripada arak yang diharamkan Allah. Saya tidak tahulah dari sudut mana andaian ini beliau buat bandingan, mungkin dari tetapi arak sudah pun dinaskan oleh al-Quran tentang haram dan bahaya-bahayanya sekali yang menjadi punca segala maksiat, seperti ayat: *Innamal khomru wal maisir*. Tetapi dadah ini belum ada nas yang sahih dalam al-Quran dan hadis tentang haram dan najisnya. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan hendak meminda ayat al-Quran dan hendak mengubah hukum Allah pula? Tolong jelaskan, kalau boleh.

Walau bagaimanapun, kalau itulah punca yang menimbulkan hasrat Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang (Perlucuthakan Harta) 1988 ini, maka saya cuba mengambil pandangan Kerajaan setingkat lagi, sebagai contoh, khususnya kepada Timbalan Menteri berkenaan supaya melihat lebih jauh lagi bahawa di sana ada satu lagi perkara yang lebih merbahaya dari dadah, iaitu kenyataan seorang yang bernama Kassim Ahmad. Beliau telah berkali-kali mengeluarkan pendapat sambil menyeru umat Islam supaya menolak hadis dan jangan percaya kepada hadis Nabi s.a.w. kerana itu adalah ciptaan manusia, cukuplah kita jadi orang Islam dengan berpegang kepada kitab suci al-Quran nul-karim sahaja. Beliau telah berani mengeluarkan buku untuk menegakkan hujah-hujahnya dan ini lebih merbahaya daripada najis dadah yang merbahaya, di mana kalau umat Islam terpengaruh dan mempercayai dakwaan ini, maka imannya akan rosak, syuhadahnya akan batal dan dirinya akan jadi murtad, wal'iya zubillah. Mengapa hal seperti ini tidak diperhitungkan sama, mengapa undang-undang murtad tidak dibentangkan sama, mengapa Kerajaan masih berdiam, membisu seribu bahasa, mengapa Kerajaan menjadi pekak dengan yang lebih merbahaya dan menyentuh akidah umat Islam secara langsung?

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, Encik Kassim Ahmad ini dahulunya menjadi salah seorang dari anggota UMNO haram, tetapi sekarang saya tidak tahu entah beliau menjadi ahli UMNO Baru atau tidak, entah UMNO Baru terima ataupun tidak, tetapi Tengku Tan Sri Razaleigh sudah diisytiharkan UMNO Baru tidak menerima, boleh jadi beliau lebih merbahaya dari dadah dan Encik Kassim Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perhatian Dewan petang ini, saya cuba

menyenaraikan beberapa perkara seperti di bawah ini.

- (i) kalau benar-benar dadah ini merbahaya dan mengancam, Kerajaan hendaklah berusaha mempertingkatkan akhlak rakyat dan masyarakat supaya hidup mereka dalam keadaan bermoral dan bermaruah.
- (ii) Kerajaan hendaklah berani memperbetulkan asas pendidikan rakyat dan bersedia memutarakan jarum pentadbiran negara ini dari bentuk secular kepada suatu pendidikan yang boleh memupuk nilai-nilai kerohanian dan membina insan yang kamil dan bertaqwa.
- (iii) pandangan berat dan kerjasama sepenuhnya dari Menteri Pendidikan untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti ini amat diperlukan.
- (iv) mintalah petua segera dari mana-mana pihak yang berwajib untuk mendapat penjelasan yang sebenar mengenai Bahagian III dan IV dalam Akta yang sedang diperbahaskan hari ini sebelum ianya diluluskan dan hendaklah ditangguhkan sekiranya ragu-ragu.
- (v) janganlah Kerajaan menyeru dan mengajak Khatib-khatib, Imam-imam dan sebagainya untuk menerangkan bahaya najis dadah di surau-surau, di masjid-masjid dan sebagainya sahaja, tetapi hendaklah Kerajaan melakukan berbagai-bagai usaha dan aktiviti yang positif bagi membolehkan rakyat mendekati masjid-masjid, surau-surau itu sendiri serta bersembahyang dan menerima syariat sembahyang yang

menjadi benteng yang paling kukuh untuk mempertahankan gejala-gejala maksiat dan mungkar sebagaimana ayat yang berbunyi "Inna solatatanha anilfahsa wal mungkar", sepatutnya Menteri berkenaan mengisytiharkan dalam Dewan ini, inilah senjata yang benar-benar dapat mencegah seluruh gejala-gejala buruk dalam negara hari ini.

- (vi) Kerajaan sendiri mestilah bermoral, berakhlak dan tentukan matlamat kepimpinannya dengan jelas dan nyata kepada rakyat. Jangan Kerajaan dengan pendidikan dan pelajaran selama 30 tahun hanya masih lagi dalam percubaan tidak menentu dan baru nama sahaja ditukar dari Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan, dan Kerajaan sendiri pula kelakuannya berhasrat mengejar dan membolot kekayaan semata-mata sehingga pemimpin-pemimpin dapat dilihat dengan amat ketara menjadi buaya kemewahan dan ratu penyelewengan.
- (vii) Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau Kerajaan dapat mengumpul orang-orang yang terlibat dengan najis dadah ini dan meletak mereka di mana-mana suatu pulau, adalah lebih baik daripada Kerajaan merampas harta-harta mereka, dan saya cadangkan Kerajaan berbuat demikian supaya mereka dapat mereka memulih satu kehidupan baru.

Saya rasa cukuplah peluang yang dapat saya guna untuk menarik pandangan Kerajaan pada hari ini dan

saya berharap khususnya Menteri berkenaan supaya menyedari hakikat ini supaya kita benar-benar dapat melihat kejayaan kita semua suasana masyarakat akan berada dalam keadaan yang tenteram dan sebagainya.

Saya tidak nampak sebagai usaha walau Akta dibentang, Akta dilulus, Akta dipinda dan kita akan kaya dengan Akta-akta, tetapi hakikatnya kita gagal dengan Akta. Ini sudah terbukti dengan Akta Dadah Berbahaya dari awal-awal sehingga sampai ke peringkat Akta merampas harta benda. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

Seorang Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab, saya minta maaf kerana kita ada empat Rang Undang-undang lagi yang hendak dihabiskan pada besok hari. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyampaikan berbagai pendapat, pandangan, ulasan dan teguran mengenai Rang Undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat dari Kluang, Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Yang Berhormat dari Padang Terap, Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Pasir Mas, Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan akhirnya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Sebelum saya terlupa tentang apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya sungguh mengucapkan terima kasih. Sungguhpun dadah telah melanda Pasukan Polis dan Tentera, tetapi

peratusannya terlalu kecil dan dalam kajian kita bahawa dadah melanda Polis dan Tentera, bukan semasa mereka dalam Pasukan Polis dan Tentera, tetapi telah dibuktikan bahawa mereka ini sebelum masuk Polis dan Tentera telah pun terlibat dengan dadah. Dengan sebab itu apabila mereka masuk Pasukan Polis dan Tentera kegiatan mereka itu diteruskan secara sembunyi-sembunyi sehinggalah dapat dikesan.

Kerajaan juga mempunyai perangkaan dari manakah dan golongan manakah yang terlibat dengan dadah iaitu 60% daripada keluarga yang pincang, 30% kepada ibu bapa yang berpisah, 20% daripada golongan yang tidak tahu langsung beragama, tetapi tidak juga saya nafikan bahawa ada anak-anak pak imam, anak-anak tok guru agama, anak-anak ketua kampung, anak-anak keluarga yang baik-baik yang terlibat dengan dadah ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut anak-anak tok guru, anak-anak pak imam, bukan tok guru, bukan pak imam, tidak begitu? Jadi apakah dihujah dengan anak-anak sedangkan ucapan saya tadi, orang yang terlibat ini, orang yang tidak berakidah, boleh jadi anak tok guru masih belum berakidah, sebab itu tidak jadi tok guru, tetapi kalau dia itu berakidah sama dengan tok guru. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, tetapi sebagai anak tok guru, anak tok imam sepatutnya kuah tumpah ke mana?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya harap Yang Berhormat itu tolong faham, kalau anak tok guru

tak mungkin jadi baik, macam mana, anak tidak tok guru!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada anak bukan tok guru tidak hisap dadah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sudahlah, sudah cukup, tidak boleh macam itu, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab terus.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga telah mengatakan bahawa agama merupakan satu faktor yang penting untuk belia-belia kita, tetapi sebagai Wakil Rakyat yang menyedari hakikat peranan agama ini, saya hendak tanya berapa kali Yang Berhormat telah memberi ceramah di Pusat-pusat Pemulihan? Saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri bersedia untuk menyediakan masa kalau Yang Berhormat sudi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya balik, berapa kali Yang Berhormat jemput saya? (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, benda yang baik ini jangan tunggu dijemput, patut kita tawar diri kalau kita tahu ilmu itu ada dalam dada itu, tidak payahlah hendak jemput, ini bukan soal kenduri kahwin yang mana kalau dia pergi berdosa. Ini buat pahala.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sudah cukuplah. (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Inilah masalah saya kata arak dan dadah ini, saya tidak sekali-kali mengatakan bahawa arak itu tidak haram. Saya kata arak itu haram dan

saya mengakui itu dalam ceramah-ceramah saya, tetapi dari kacamata kasar orang yang meminum arak dengan mengambil dadah keadaannya yang mengambil dadah itu lebih dahsyat, kita tidak pernah tengok orang tonggang-langgang kerana minum arak di Jalan-jalan Tunku Abdul Rahman, di Jalan Chow Kit, di mana-mana, tetapi kita boleh melihat orang yang mengambil dadah tidur di kaki lima, tidur di bawah jambatan, mandi tidak pernah, kuku panjang, rambut panjang, kotor, jadi keadaannya dari kacamataanya lebih dahsyat. Jadi kalau sebab tidak jumpa Nas kita hendak biarlah benda ini, saya tidak tahulah, saya yang bukan guru agama ini lagi susahlah, orang guru agama pun tidak boleh hendak membasmi benda yang seperti ini. Adakah kita hendak biarkan? Jadi saya harap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani, ya sila.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam Sejarah Islam bahawa dadah tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w, dengan sebab itu tidak ada hukum, terbit di zaman Rasulullah s.a.w dan hukum dadah itu telah diambil daripada "Kias" atas peristiwa-peristiwa yang lain sepertimana tersebut di dalam Al-Quran Walataqtulu anfusakum—yang bermaksud: "Janganlah kamu membunuh diri kamu". Jadi berdasarkan kepada Nas ini maka Ibnu Taimiah telah menghukum bahawa dadah itu haram. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Yang Berhormat dari Sungai Petani. Sepatutnya inilah saya harapkan daripada Wakil Pengkalan Chepa. Sekarang teranglah saya bahawa dadah itu membunuh orang dan saya setuju. Terima kasih.

Saya tidak mahulah hendak panjangkan

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Berhormat dari Pengkalan Chepa!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak bercanggah pandangan saya dengan Yang Berhormat itu, tidak payah diputarbelit—tidak bercanggah. Saya menyokong dadah, tetapi kerana dia hendak cari jawapan supaya nampak kebenarannya, itulah dia pusing. (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang yang saya menjawab soalan-soalan Yang Berhormat, saya tidak mengerti hendak putarbelit, tetapi selama saya duduk di sini, tiap-tiap kali Yang Berhormat bercakap memang pandai putarbelit. Jadi, jangan kata saya putarbelit. Kita fikir siapa yang pandai putarbelit. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat tadi. Bercakap fasal dadah, tetapi fasal Tengku Razaleigh pun timbul. Siapa yang putarbelit?

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa pengecualian telah menyokong Rang Undang-undang ini pada prinsipnya. Ini patutlah dibanggakan dan sangat wajar, memandangkan masalah wabak dadah yang begitu besar yang melanda negara ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukanlah negara pertama yang bercadang mewujudkan satu undang-undang yang membolehkan pihak berkuasa

melucuthakan atau menyita harta yang diguna bagi pengedar dadah atau yang diperolehi dari kegiatan itu. Sebahagian dari negara-negara Barat telah pun mempunyai undang-undang tersebut, manakala sebilangan negara-negara lain telah mengumumkan hasrat mereka untuk mewujudkan undang-undang yang sama. Amerika Syarikat, Britain, Australia dan Kanada adalah antara negara-negara yang sedia mempunyai undang-undang demikian. France dan Itali pula adalah negara-negara yang sedang giat mempertimbangkan undang-undang yang serupa. Pihak Bangsa-bangsa Bersatu sendiri iaitu United Nations Commission on Narcotic Drugs, dengan izin, telah menggesa sejak tahun 1984 lagi supaya undang-undang demikian dipertimbangkan di negara-negara yang menghadapi masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang akan bersetuju bahawa Bangsa-bangsa Bersatu dan juga negara-negara yang saya sebutkan tadi itu terkenal sebagai badan dan negara-negara yang menghormati dan melindungi dengan tegas hak asasi manusia. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang, tidak termasuk Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh mendakwa bahawa dengan mewujudkan undang-undang yang bermaksud sama, Malaysia mencabul hak asasi manusia.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan pihak DAP, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mendakwa bahawa Rang Undang-undang ini terkeluar dari maksud Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dan melanggar hak asasi mengenai harta yang diperuntukkan oleh Perkara 13 Perlembagaan. Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah

juga sempat membaca Perkara 149 (1) Perlembagaan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 149 (1) seperti yang dibaca oleh beliau itu telah dipinda dalam tahun 1978 telah mewujudkan perenggan baru (f) di bawah Perkara 149 (1) yang berbunyi seperti berikut, "yang mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dalam, atau keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya,".

Sebagaimana kita semua maklum, pengedaran dadah telah diakui sebagai satu aktiviti yang memudaratkan ketenteraman awam. Oleh itu, wajar dan tepatlah Rang Undang-undang ini diperbuat di bawah Perkara 149.

Berikut dengan pindaan pada tahun 1981 pula bahagian akhir Perkara 149 (1) sekarang berbunyi seperti berikut, "maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang dimaksud untuk diberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan Perkara 5, 9, 10 atau 13," iaitu Perkara yang berkaitan dengan hak asasi mengenai harta. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah sah di sisi Perlembagaan.

Yang Berhormat Wakil dari Kluang dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menekan bahawa sungguhpun undang-undang kita begitu ketat dan keras, namun penyalahgunaan dadah baik dari segi penagihan dan pengedarannya masih bertambah. Perlu saya nyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa ini adalah tidak tepat kerana telah saya nyatakan penagihan yang pertama sejak 1983 hingga ke hari ini telah menurun iaitu 14,624 orang pada 1983 kepada hanya 7,598 orang pada 1987. Begitu juga dari segi pengedaran, jumlah yang ditangkap adalah berkurangan. Pada tahun lepas walaupun kita menangkap 250 pengedar asing tetapi tidak seorang pun yang menggunakan Malaysia

sebagai transit. Ini menunjukkan bahawa dengan adanya undang-undang kita yang ketat dan keras ini dapat membantu dalam membanteras kegiatan dadah. Namun begitu, kita masih belum berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen sama juga seperti bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dahulu. Sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, pada hakikatnya bahawa Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang adalah berlainan dari Akta Dadah 1985 itu dalam beberapa aspek. Pertama Rang Undang-undang ini tidak memperuntukkan tahanan cegahan atau tahanan tanpa perbicaraan seperti Akta 1985 itu. Segala tindakan yang diambil akan dibawa ke mahkamah terbuka.

Kedua, Rang Undang-undang ini telah dirumus dengan teliti setelah kajian mendalam dilakukan selama lebih daripada dua tahun.

Ketiga, draf awal Rang Undang-undang ini telah dirujuk kepada Majlis Badan Peguam. Majlis tersebut telah menyokong Rang Undang-undang ini pada prinsipnya. Sebahagian daripada ulasan dan cadangan terperinci Majlis tersebut telah diterima dan sedia diambil kira dalam Rang Undang-undang terakhir ini.

Oleh kerana sebab-sebab ini, Kerajaan berpendapat bahawa adalah tidak perlu bagi Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga khuatir tentang kuasa-kuasa luas yang diberi di bawah Fasal 8, Fasal 16 dan

Fasal 20. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan mudah bagi Pendakwa Raya mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi di bawah Fasal 8. Permohonannya hendaklah disertakan dengan affidavit yang perlu memuatkan semua butiran-butiran yang diwajibkan oleh Sub-seksyen 2. Mahkamah Tinggi hendaklah berpuas hati dengan permohonan tersebut dan apabila berpuas hati, notis menunjukkan sebab, dengan izin, notice to show cause pula perlu dikeluarkan pada orang berkenaan. Orang itu pula diberi peluang di bawah Fasal 10 untuk memberi keterangan di Mahkamah.

Mengenai Fasal 16 pula saya memberi jaminan bahawa pihak Polis akan menggunakan kuasa ini dengan penuh tanggungjawab. Harus diingat di sini bahawa kuasa ini hanya diberi kepada Pegawai Kanan Polis, bukan kepada semua pegawai Polis dan Pegawai Kanan itu perlu mempunyai sebab-sebab yang munasabah sebelum bertindak menggunakan kuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang sama juga diberi mengenai kuasa Polis di bawah Fasal 20. Dalam hubungan ini saya ingin tegaskan bahawa pihak Polis tidak boleh menjalankan kuasa ini selagi tidak ada kebenaran dari Pendakwa Raya bagi setiap kes memintas.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga meminta jaminan bahawa perlucuthakan harta tidak akan dilakukan berdasar kepada syak wasangka. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat ini belum memahami peruntukan undang-undang ini dengan secukupnya. Tidak ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang membolehkan pihak berkuasa melucuthakan harta sewenang-wenangnya berdasarkan syak wasangka semata-mata. Seperti yang saya telah jelaskan tadi permohonan yang disertakan dengan

affidavit yang lengkap perlu dibuat kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi harus berpuas hati, Mahkamah Tinggi harus mengeluarkan notis untuk menunjukkan sebab-sebab dan orang berkenaan boleh memberi keterangan. Hanya sesudah perbicaraan baru harta boleh dilucuthak. Begitu juga mana-mana harta yang disita di bawah Bahagian 4 hanya akan dilucuthak sesudah prosiding melucuthak diambil di bawah Fasal 8 ataupun apabila tidak ada tuntutan diterima pada mana-mana orang bahawa dia berhak menurut undang-undang ke atas harta itu dan bahawa harta itu tidak boleh dikenakan, dilucuthakan di bawah Rang Undang-undang ini.

Satu perkara yang sungguh menarik perhatian saya ialah sikap DAP dalam hal pindaan Akta ini. Kedua-dua Wakil DAP iaitu dari Bukit Bintang dan juga Petaling Jaya mengakui bahawa ancaman dadah adalah sungguh serius dan membimbangkan. Kedua-dua mereka mengaku dadah mengancam keselamatan negara. Dasarnya mereka menyokong pindaan-pindaan ini tetapi sokongan itu dengan bersyarat. Syarat itu adalah kerana DAP sebagai Pembangkang terpaksa mencari helah di sana sini di atas topeng hak-hak asasi manusia dan rakyat. Jadi, pendirian DAP sungguh kabur kerana di samping mengetahui bahawa landaan dadah sungguh serius, dadah mengancam keselamatan negara, namun di dalam Dewan yang mulia ini suara mereka adalah suara yang sumbang dalam memperkatakan tentang Akta ini. Jadi, sikap DAP adalah seperti kata orang sekarang, "benci tetapi rindu."

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menanyakan sama ada pihak berkuasa mempunyai senjata yang cukup untuk memerangi pengedar-pengedar yang akan semakin berani dan sofistiked dalam senjata dan alat mereka. Saya ingin yakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak berkuasa terutamanya polis

mempunyai segala kemudahan dan senjata yang perlu bagi bertindak terhadap mereka ini. Mengenai mengarakkan mayat pengedar dadah yang telah menjalani hukum mati, saya kira langkah-langkah seperti demikian belum perlu di ketika ini.

Banyak juga Wakil-wakil seperti Wakil dari Padang Terap, Marang dan Pasir Mas yang menyuarakan bahawa adakah sistem pemulihan dan rawatan kita benar-benar berkesan. Perlu saya jelaskan di sini bahawa dalam pendekatan kita dalam memerangi najis dadah ini, ia dibahagikan kepada beberapa bahagian.

(1) Undang-undang pencegahan dan hukuman termasuklah pengintipan, tangkapan, pendakwaan, rampasan dadah, hukuman dan sebagainya.

(2) Pendidikan pencegahan yang melibatkan semua pihak termasuk petugas Anti Dadah, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pemulihan Dadah Kementerian Dalam Negeri, PEMADAM yang menjalankan gerakan ini di seluruh negara dan di seluruh lapisan masyarakat terutamanya di kalangan belia-belia.

(3) Rawatan dan pemulihan dadah ini adalah dijalankan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Pada masa ini pusat-pusat rawatan telah dilipatgandakan dari 7 kepada 14 dan jika beroperasi penuh boleh menampung lebih kurang 5,400 orang penagih dalam satu masa. Selain dari itu terdapat beberapa pusat swasta yang boleh menampung kira-kira 350 orang. Pusat-pusat ini berjalan dengan baik dan sungguh berkesan. Bilangan pusat yang sedia ada ini akan ditambah mengikut keperluan dan kemampuan Kerajaan.

(4) Rawatan lanjutan dikendalikan oleh PEMADAM bersama-sama dengan Bahagian Anti Dadah, Kementerian Dalam Negeri.

Bagi perkara 1, 2 dan 3, ia berjalan dengan baik, tersusun dan berkesan dan mendapat pujian dari banyak negara termasuk Amerika Syarikat kerana kita dapat menjalankan satu pendidikan yang sebegitu rupa. Tetapi bagi perkara (4) iaitu rawatan lanjutan, inilah satu perkara yang sungguh sukar di mana bekas-bekas penagih dadah yang telah keluar dari pusat-pusat pemulihan adalah terdedah kepada masyarakat. Semasa mereka berada di pusat-pusat pemulihan ada acara-acara yang tersusun iaitu bila hendak tidur, bila hendak makan, bila hendak berkawat, bila hendak bekerja dan sebagainya. Ada tempat mereka untuk mengeluarkan perasaan dan ada pula pihak yang ingin mendengar kegelisahan mereka. Kawan-kawan ramai, sembahyang tidak tinggal, ceramah agama dan ceramah sivik diadakan. Badan mereka sihat serta dengan itu dadah dilupakan.

Namun apabila mereka keluar dan berazam untuk menempuh hidup cara baru, mereka dapati bahawa dunia luar adalah sungguh berbeza. Ibu-bapa memandang serong kepada mereka. Adik-beradik tidak mahu lagi bercampur-gaul dan bermesra. Masyarakat kampung berbisik-bisik jika mereka masuk ke surau atau masjid. Ini membunuh semangat mereka untuk bertukar menjadi manusia yang baik. Kalau tidak dikawal mereka akan kembali ke jalan yang lama.

Sukalah saya jelaskan bahawa bukan semua penagih dadah boleh dan perlu dihantar ke pusat pemulihan. Setengah daripada mereka hanya perlu rawatan secara pengawasan selama dua hingga tiga tahun. Pada masa ini seramai 13,158 orang penagih dalam program pengawasan. Oleh itu bantuan semua pihak dialu-alukan.

Satu program sedang dirancang oleh Kementerian dan juga PEMADAM dan program ini mestilah dibantu oleh semua pihak iaitu

Kerajaan-kerajaan Negeri, pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli sukarela serta juga ahli-ahli politik termasuk daripada parti Pembangkang. Insya Allah, dengan cara ini dapat kita mengurangkan keperluan atau demand of production terhadap najis dadah ini.

Mengenai masalah perkhidmatan kaunseling yang dibangkitkan, pada masa ini Kerajaan mempunyai 322 orang pegawai pemulihan dadah yang terlatih di pusat-pusat pengajian tinggi kita ataupun yang sedang menjalani latihan sambil belajar yang diberi oleh pakar-pakar dari Amerika Syarikat. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kaunseling ini.

Berhubung dengan lagu-lagu Jamal Abdillah dan juga apakah yang harus kita lakukan kalau ada lagi penagih-penagih yang ala-Jamal Abdillah, perkara ini akan dipanjangkan kepada Kementerian Penerangan dan juga pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji kekesanan menggunakan mereka ini dalam aktiviti mencegah dadah.

Untuk menjawab tiga rangkap pantun dari Wakil Rakyat Pasir Mas, maka saya akhirnya pantun yang telah pun diutarakan oleh Wakil Pasir Mas, iaitu:

Musuh negara sudah dicam
Akta digubal serta dipinda
Keselamatan negara memang
terancam
Kita bertindak seperti dikata

Negara ini negara pusaka
Harus dibangun cara bersama
Tanpa berpadu dan berwaspada
Dadah durjana bermaharajalela

Dadah meresap ke urat saraf
Zuriat dilahirkan tidak bermaya
Anak muda haruslah insaf
Janganlah jadi bangkai bernyawa

Tuan Yang di-Pertua, buat
mengakhiri sekali lagi saya ucapkan
terima kasih

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta sedikit daripada Yang Berhormat Dato sebagai terima kasih saya:

Pantun Dato' sedap bunyinya

Bila didengar rasa terlena

Kalau benar sebagai bunyinya

Tentulah bahagia rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita hendak mengikut peraturan. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri sekali lagi saya ucapkan terima kasih ke atas semua pihak yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas Rang Undang-undang ini. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya akan memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada satu ketinggalan daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun hendak minta apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Hendak minta jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penerangan? Minta penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dalam ucapan saya tadi mengenai Bahagian 111 dan 1V, saya kata atas perkara ini adakah Kerajaan sudah dapat penjelasan mengenai fatwa ataupun sebagainya tentang pengambilan harta ini. Jadi saya tidak dapat jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak menjawab

berkenaan dengan pengambilan harta, adakah mengambil fatwa tentang rampasan harta itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita telah rujuk kepada semua pihak yang bersangkutan, yang kita percaya dapat memberi nasihat-nasihat yang berguna sebelum Akta ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-pertua,

saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambilalih Perkhidmatan Bomba daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dengan pindaan Perlembagaan melalui Akta A354 dan Akta A514. Ekoran daripada pindaan-pindaan tersebut, Kerajaan memerlukan satu undang-undang khas untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut. Pada masa kini, Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia hanya berfungsi sebagai penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa-pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Adalah didapati keadaan yang sedemikian tidaklah memuaskan. Oleh itu, Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba, 1988 adalah sangat perlu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan lebih berkesan lagi tanpa apa-apa keraguan dengan berasaskan perundangan dan perlindungan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 9 Bahagian yang mengandungi 63 Fasal. Saya tidak berniat menghuraikan satu-persatu tentang Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba, 1988 kerana saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat bahawa Rang Undang-undang ini hanya menyelaraskan fungsi dan tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba yang sedia ada dan yang telah diamalkan selama ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengutarakan beberapa ciri utama yang penting yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Antara lainnya ialah satu Pasukan Bomba Bantuan seperti di Fasal 4. Perlantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan bagi tiap-tiap negeri adalah dirasakan perlu pada ketika ini kerana Jabatan Perkhidmatan Bomba memerlukan lebih ramai lagi kakitangan untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang kian bertambah dan meningkat. Tambahan pula cara-cara mencegah kebakaran dan melawan kebakaran memerlukan teknik-teknik dan peralatan-peralatan yang moden di samping mempunyai kakitangan yang secukupnya di tahap operasi. Adalah diharapkan lantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan akan dapat menampung keperluan tenaga manusia yang sangat-sangat diperlukan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Di samping itu dengan perlantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan ini, Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

Yang kedua, Pasukan Bomba Sukarela seperti di Fasal 62. Sepertimana yang disebutkan tadi, pencegahan dan melawan kebakaran memerlukan bukan sahaja kakitangan yang cekap dan peralatan yang moden malah diperlukan juga kerjasama dan sokongan rakyat terhadap usaha ini. Mengikut Fasal 62, Menteri diberi kuasa untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela di organisasi persendirian, institusi pendidikan sukarela. Dan di samping itu Menteri juga diberi kuasa untuk menubuhkan organisasi keselamatan kebakaran di premis-premis yang diperlukan.

Adalah diharapkan dengan strategi ini Jabatan Perkhidmatan Bomba bukan sahaja akan dapat mengurangkan kecelakaan kebakaran, malah akan lebih berkesan lagi langkah-langkah mencegah kebakaran

dengan sokongan dan bantuan orang ramai. Dengan secara tidak langsung ianya boleh menjimatkan lagi perbelanjaan Kerajaan.

Perkara yang ketiga yang dianggap penting ialah Tabung Kebajikan Bomba seperti di Fasal 48. Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa ahli-ahli Bomba yang berkhidmat setiap masa dan setiap hari untuk mencegah dan memadamkan kebakaran semata-mata untuk melindungi manusia dan memelihara harta benda orang-orang awam menghadapi risiko-risiko kerja yang merbahaya.

Mengenai hakikat ini, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa mereka seharusnya diberi penghargaan, sanjungan dan penghormatan di atas jasa-jasa mereka. Sebagai tanda penghargaan dan demi untuk memelihara kebajikan mereka jika berlaku apa-apa kemalangan atau kecelakaan, satu Tabung yang bernama Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba akan diwujudkan mengikut Fasal 48. Kumpulanwang ini akan digunakan bagi:

- (a) memberi kemudahan kebajikan kepada anggota-anggota Perkhidmatan Bomba yang tercedera semasa melawan kebakaran dan semasa menjalani latihan;
- (b) memberi kemudahan kepada keluarga anggota-anggota Bomba apabila anggota ini meninggal dunia atau tidak lagi boleh melaksanakan tugas-tugas disebabkan kecederaan pada masa bertugas; dan
- (c) membantu mereka di dalam kesusahan-kesusahan tertentu seperti kematian atau kemalangan. Dengan wujudnya Tabung ini adalah diharapkan semua pegawai Bomba akan

lebih berperangasng dan tidak lagi teragak-agak menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat awal-awal lagi, Jabatan Perkhidmatan Bomba tidak mempunyai kuasa tersendiri dan hanya berfungsi sebagai penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Melalui Rang Undang-undang ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada semata-mata untuk melindungi manusia dan harta benda daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan berkaitan. Misalannya, Fasal 8 memberi notis menghapuskan bahaya kebakaran di dalam mana-mana premis.

Fasal 22 penstoran air dalam premis untuk menentang kebakaran dan Fasal 28 pengeluaran perakuan bomba dalam mengawal penggunaan premis. Adalah diharapkan dengan adanya kuasa-kuasa tersebut operasi melawan dan operasi kebakaran akan dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira memadailah setakat ini bagi saya menerangkan dengan serba ringkas rasional, tujuan dan betapa mustahaknya mengapa Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk

melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya hendaklah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Gopeng.

5.12 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988, ingin saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan kerana menggubal Rang Undang-undang ini yang bertujuan menjadikan perkhidmatan bomba lebih cekap dan berkesan dan seterusnya memberi perlindungan kepada nyawa serta harta manusia daripada bahaya kebakaran. Saya tidak berhajat untuk bercakap panjang lebar cuma dua, tiga perkara sahaja yang ingin saya kemukakan di sini.

Perkara yang pertama berhubung dengan keperluan untuk perakuan bomba dalam Bahagian V. Saya bersetuju perakuan bomba diperlukan di premis yang tertentu kerana ini ialah untuk kepentingan dan keselamatan para pengguna premis itu serta juga kepentingan orang ramai. Dalam Rang Undang-undang ini meskipun hak merayu diberi kepada mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perakuan bomba, namun satu had tempoh tidak ditentukan untuk mengeluarkan perakuan itu.

Pada pandangan saya ini satu perkara yang mungkin akan mengakibatkan berbagai masalah seperti kelengahan, kurangnya kecekapan, malah penyelewengan. Jadi untuk mengelakkan masalah-masalah yang saya sebutkan itu, saya ingin mencadangkan kalau boleh satu had tempoh ditetapkan untuk

membuat pemeriksaan premis dan juga mengeluarkan perakuan bomba itu dan sekiranya dalam had tempoh itu pemeriksaan tidak dilakukan maka permohonan itu patut dianggap sebagai sudah diluluskan. Langkah ini saya percaya sedikit-sebanyak juga dapat memudah dan mempercepatkan industri pembinaan di negara kita.

Rang Undang-undang ini juga menyebut bahawa satu bayaran dikenakan berhubung dengan perakuan bomba di dalam Fasal 31. Saya fikir satu bayaran maksima yang berpatutan sebaik-baiknya ditetapkan. Ini ialah untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa. Saya bukan tidak percaya kepada Ketua Pengarah tetapi dalam hal ini langkah mencegah lebih baik daripada langkah untuk mengubat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua berhubung dengan penubuhan Kumpulanwang Kebajikan. Saya rasa ini satu perkara yang patut diberikan penghargaan. Di samping menjaga kebajikan para pegawai Jabatan Perkhidmatan Bomba, peruntukan ini juga berfungsi sebagai satu insentif ataupun dorongan kepada mereka. Dengan cara demikian diharap prestasi mereka dapat dipertingkatkan lagi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perkara yang ketiga berhubung dengan kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah amat luas. Sebagai contoh dalam Fasal 41 Ketua Pengarah diberikan kuasa untuk melantik pegawai bomba bantuan bagi setiap negeri dan dalam Fasal 22 (1) beliau mempunyai kuasa mengeluarkan arahan kepada mana-mana pihak untuk memastikan adanya bekalan air yang cukup di suatu premis bagi tujuan menentang kebakaran dan Fasal 29 kuasa mengeluarkan perakuan bomba. Fasal 46 kuasa untuk mengambil milik premis dan

harta lain yang dirosakkan atau dimusnahkan oleh api dan Fasal 50 berhubung dengan kuasa-kuasa lain seperti memberi kuasa kepada mana-mana pegawai untuk menjalankan tugas khas di mana-mana premis, vesel, kenderaan dan sebagainya serta juga memasuki mana-mana premis menjalankan penyiasatan berhubung dengan bahaya kebakaran dan juga menangkap tanpa waran orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 47. Dengan kuasa yang begitu luas itu, saya berharap bahawa perlantikan Ketua Pengarah itu serta juga pegawai-pegawai lain di bawahnya dibuat dengan cara yang berhati-hati. Saya rasa hendaklah kita memastikan yang dilantik itu benar-benar berkelayakan, benar-benar berkaliber, berpengalaman, berdedikasi dan amanah. Dalam hal ini saya bukan tidak percaya kepada Menteri yang melantik Ketua Pengarah itu. Ini cuma satu pandangan, satu ingatan untuk memastikan segala-galanya berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang akhir kata saya ingin mengemukakan dua cadangan berkaitan dengan perkhidmatan bomba ini.

- (1) Saya mencadangkan supaya lebih banyak lagi balai bomba ditubuhkan di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar seperti di Kampung Baru.
- (2) Saya mencadangkan supaya semakan yang lebih kerap diadakan ke atas pili bomba serta juga tekanan air pili bomba yang sedia ada itu. Ini ialah untuk memastikan semua pili bomba itu berfungsi dengan baiknya.

Saya membuat cadangan ini dengan harapan kerja Jabatan Perkhidmatan Bomba dapat dilakukan dengan lebih baik dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan itu, saya memohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.20 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 (DR 5/88) ini yang mana sebentar tadi telah pun diterangkan Fasal demi Fasal oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan yang mana mengandungi 9 Bahagian dan 63 Fasal di dalam Rang Undang-undang yang kita hendak bahas dan luluskan ini.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan, khususnya kepada Kementerian berkenaan yang telah menggubal Undang-undang Perkhidmatan Bomba ini, iaitu bagi kepentingan awam yang mana keperluan ini sangat diperlukan oleh manusia, khususnya di kawasan-kawasan yang selalu kerap kebakaran dan sebagainya. Dalam soal ini kita mengharapkan supaya undang-undang ini sebagaimana yang telah diterangkan tadi dapat dijalankan dan di samping itu saya mengharapkan pihak-pihak yang berkenaan, terutama di Kuala Lumpur ini kerap berlaku kebakaran-kebakaran yang mana kita dapat tahu pihak-pihak bomba kadangkala amat sukar untuk mendapatkan tempat untuk mengambil air pili-pili bomba yang sedia ada, kadangkala pili-pili bomba itu tidak dapat dibuka kerana telah lama tidak dipakai dan kadangkala menyusahkan pihak-pihak bomba. Oleh itu, saya mengharapkan supaya pihak yang berkenaan supaya tiap-tiap

kawasan yang ada pili-pili bomba ini sentiasa diperiksa bagi memudahkan jikalau kebakaran-kebakaran yang berlaku senang pihak-pihak bomba akan dapat di mana bekalan-bekalan air untuk diambil untuk mencegah kebakaran-kebakaran yang berlaku. Perkara ini berlaku di kawasan saya memang kerap kali, umpama di Jalan Kelang Lama, selalu perkara-perkara ini berlaku kerana kekurangan air mengakibatkan kebakaran, kalau lekas rasa saya kebakaran itu tidak akan merebak tetapi oleh kerana kekurangan air ini kadangkala begitu panjang saluran air itu diambil daripada sungai sedangkan api telah begitu bersemarak membakar dan keadaan inilah yang selalu berlaku kerugian yang begitu banyak oleh pihak-pihak yang kena kebakaran.

Dalam soal yang lain saya juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan juga khidmat Kerajaan yang mana mewujudkan tabung kebajikan kepada ahli-ahli bomba yang akan menghadapi keadaan, umpamanya terjatuh, meninggal dunia, kecederaan dan sebagainya. Dengan tabung ini dapat memberikan sedikit bantuan kepada mereka sebagaimana yang telah diterangkan, umpamanya kematian dan seterusnya. Dalam soal ini saya mengharap juga supaya tabung ini dapat juga memberikan bantuan kepada anak-anak mereka jikalau pegawai-pegawai bomba ini telah menjalankan tugas meninggal dunia supaya tabung ini juga dapat membiayai pelajaran anak-anak mereka, kalau boleh sehingga ke pelajaran menengah ataupun ke universiti kerana kita tahu jikalau mati ahli-ahli bomba ini tidaklah begitu banyak imbuhan ataupun gantirugi dan sebagainya yang telah didapat oleh ahli-ahli keluarganya. Oleh itu, dalam keadaan ini kadangkala menjadikan kesulitan kepada keluarga-keluarga mereka yang meninggal dan mengandungi anak yang banyak.

Dalam soal lain saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu di kawasan saya di Taman Tun Dr Ismail. Apa yang saya tahu di kawasan itu telah pun disediakan oleh pihak pemaju perumahan UDA-Sea Park untuk menyediakan tapak bomba, tetapi apa yang dimusykilkan sekarang ini dan penduduk-penduduk yang berkenaan juga sekarang ini tempat itu telah pun diambil oleh satu Kelab West Point yang ada di Taman Tun Dr Ismail itu telah pun dibuat kolam renang, tempat simpan kereta dan seterusnya sehinggakan tapak itu tidak boleh lagi hendak digunakan bagi pihak bomba sedangkan di kawasan itu saya pandang amat perlu buat masa ini satu balai bomba diadakan bagi menjaga keselamatan kerana Taman itu begitu luas, bukan di kawasan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan sahaja tetapi kawasan itu bersempadan kepada kawasan di Shah Alam, iaitu di Petaling Jaya dan seterusnya. Oleh itu, saya ingin bertanya apa sebabnya Taman atau kawasan itu yang telah diperuntukkan sekarang ini telah pun diberi kepada satu Kelab West Point yang ada pada masa sekarang ini.

Selain daripada itu juga di Kuala Lumpur ini kita melihat keadaan ini apabila keramaian dan seterusnya di pekan Kuala Lumpur boleh kita lihat begitu banyak warna-warni lampu-lampu yang telah dipasang. Ini juga kemungkinan akan merbahaya tetapi dalam keadaan ini saya rasa memang penjagaan begitu rapi, tetapi apa yang saya lihat sekarang ini di kelab-kelab snooker yang begitu berselerak di Kuala Lumpur ini. Kelab-kelab ini kita lihat tidak nampak atapnya tetapi sekarang atapnya berganti dengan lampu warna-warni. Saya takut dengan adanya ini kerana lampu-lampu yang kecil-kecil ini kalau adalah sekiranya orang-orang yang jahat memaling batu ataupun besi di atas atap yang berwarna-warni ini, kemungkinan

perkara kebakaran berlaku dan kemungkinan juga berlakunya kemalangan kepada orang yang lalu-lalang. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan apakah tindakan, adakah undang-undang telah diberi kepada mereka ini dengan begitu meluas mengadakan lampu-lampu hingga ke sempadan jalan, umpamanya Jalan Imbi di sana, saya pun tak tahu apa namanya kelab snooker itu, tetapi kita lihat banyak kelab snooker ini menggunakan tenaga ini, kita takut sungguhpun cantik dipandang, tetapi kita takut dalam masa ini keselamatan orang ramai dan kebakaran akan berlaku bila-bila masa sahaja dengan keadaan yang tidak terjaga ini. Oleh itu, dalam masalah ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan juga menyokong di atas Rang Undang-undang ini demi kepentingan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.27 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan Wakil Rakyat yang lain, saya mengucap syabas kepada Kementerian yang berkenaan kerana menggubal satu Rang Undang-undang yang menyeluruh dan dengan ini memberi perhatian yang mencukupi kepada perkhidmatan bomba. Saya haraplah seperti Wakil Rakyat dari Gopeng tadi berkata apabila Rang Undang-undang ini dilulus dan dilaksanakan besok, pihak bomba akan menggunakan budibicara baiknya dan menimbang permohonan oleh pemaju-pemaju perumahan dan sebagainya dengan teliti, dengan tujuan bukan hendak menyusahkan

mereka tetapi memberi pertimbangan kepada keperluan mereka dan juga keselamatan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin mengambil peluang memberi penghargaan kepada kakitangan bomba di seluruh tanahair kita. Untuk Pasukan Keselamatan, untuk askar-askar, negara kita mengadakan Hari Pahlawan; untuk guru ada Hari Guru, tetapi saya rasa bahawa tepatnya negara kita, penduduk tanahair kita pun patut mengingatkan jasa baik dan perkhidmatan cemerlang yang dijalankan oleh kakitangan bomba.

USUL

KERTAS PUTIH:

Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menangguhkan perbahasan atas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 selama satu jam sehingga 6.30 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(2), saya membenarkan pihak pencadang Usul atas satu Kertas Putih bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara" untuk membahaskan sebagai pencadang selama setengah jam. Selepas itu pihak Kerajaan setengah jam lagi.

Saya jemput Yang Berhormat dari Bukit Bintang meneruskan usul.

5.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan

terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan Usul saya dibincang dan dibahas pada petang ini dan di samping itu saya ingin menggunakan kesempatan ini bagi pihak DAP untuk menyentuh beberapa perkara yang penting yang terkandung dalam Kertas Putih bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara".

Kertas Putih yang dikeluarkan pada hari kelmarin oleh Kerajaan sebagai satu dokumen maklumat yang menyalahkan ahli-ahli politik pembangkang, kumpulan-kumpulan agama dan kumpulan-kumpulan pendesak yang lain kerana telah mengeksploitasikan isu-isu sensitif dan menyemarakkan perasaan perkauman hingga ke satu peringkat di mana pertumpahan darah mungkin berlaku dan penahanan 106 orang di bawah Operasi Lalang menjadi perlu. DAP telah mengkaji Kertas Putih Kerajaan, terutamanya pelbagai pertuduhan yang dibuat terhadap pemimpin Pembangkang dari DAP dan kami terpaksa menolak dan membantah sepenuhnya pertuduhan-pertuduhan yang tidak berasas, (*Tepuk*) sengaja diputar-belitkan sebagaimana yang terkandung dalam Kertas Putih.

Kertas Putih ini ialah satu percubaan melemahkan Parti DAP di saat apabila parti telah berjaya mendapat sambutan politik yang memberangsangkan dalam pilihanraya umum yang lalu dan apabila DAP telah mula meneroka jalan ke kawasan-kawasan luar bandar bagi menyuarakan aspirasi golongan-golongan miskin di luar bandar seperti yang terbukti oleh kejayaan kami baru-baru ini menubuhkan cawangan-cawangan DAP dalam rancangan-rancangan tanah FELDA. Kertas Putih juga bertujuan menyekat atau menghapuskan pembantahan sebagaimana yang terbukti menerusi pertuduhan-pertuduhan yang tidak berasas yang dibuat terhadap

kumpulan-kumpulan pendesak dan badan-badan pendidikan Cina yang bertujuan untuk memperjuangkan hak-hak berperlembagaan rakyat jelata.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Lam Thye: Saya tidak dapat memberi jalan kerana masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan. Teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Zubir bin Embong: Takut.

Tuan Lee Lam Thye: Bukan takut. (*Disampuk*) Apa yang saya cadang untuk berbuat di sini ialah menjawab pelbagai pertuduhan yang dibuat terhadap DAP dengan menuduh secara tidak adil dan tidak tepat bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP telah mengeksploitasikan Akta Pelajaran, isu pembangunan Bukit China, isu kerugian Koperasi Pengambilan Deposit, ikrar di sekolah, matapelajaran pilihan di Universiti Malaya, isu penggunaan bahasa di papan tanda dan penempatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang yang tidak mempunyai kelayakan Mandarin di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sehingga menimbulkan ketegangan kaum.

Satu kajian yang teliti terhadap pertuduhan-pertuduhan yang dibuat itu ke atas tuduhan-tuduhan DAP akan menunjukkan bahawa pertuduhan-pertuduhan itu adalah sengaja diputar-belitkan, berat sebelah dan mempunyai motif yang tersembunyi. DAP menolak atau

menafikan sepenuhnya pertuduhan-pertuduhan ini yang tidak berasas langsung.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, point of order mana.

Tuan Zubir bin Embong: Tertib mesyuarat.

Tuan Lee Lam Thye: Apa itu tertib mesyuarat?

Tuan Zubir bin Embong: Bila saya bangkit soal tertib mesyuarat, maka Yang Berhormat dari Bukit Bintang kena duduk. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36 (10) (b) yang berbunyi: "Seorang ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh (*Disampuk*)"

Tuan Lee Lam Thye: Ini Kertas Putih yang melibatkan

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (b). saya silap tadi.

Beberapa Orang Ahli: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, mengenai dengan apa?

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (b). Ucapan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang seolah-olah mempertikaikan "findings", dengan izin, yang dibuat oleh Pegawai-pegawai yang membuat penyiasatan ke atas kes-kes yang telah dibentangkan sebagaimana yang ada terkandung di dalam Kertas Putih ini. Pertikaian yang dibuat itu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, okay, saya faham.

Tuan Lee Lam Thye: Saya harap Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya faham. Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Lee Lam Thye: Saya harap Yang Berhormat jangan membazir masa, biar Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Zubir bin Embong: Saya duduk juga?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, duduk.

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi saya belum menerangkan apakah hujah saya berkenaan dengan apa yang saya membangkitkan berkenaan Peraturan 36 (10) (b).

Tuan Lee Lam Thye: Masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zubir bin Embong: Soal masa atau tidak masa itu soal lain, tetapi saya membangkitkan soal tertib mesyuarat. Saya belum lagi menghujah kepada Tuan Yang di-Pertua (*Disampuk*). Apakah Tuan Yang di-Pertua menyuruh saya duduk, maka saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, saya minta duduk. Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak ada berkenaan. Jadi Yang Berhormat dari Bukit Bintang boleh teruskan. (*Tepuk*)

Tuan Lee Lam Thye: Ada berkenaan. Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak menggunakan peluang ini untuk membela diri bagi pihak parti

DAP tentang berbagai-bagai tuduhan yang telah disebutkan dalam Kertas Putih.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa kegiatan-kegiatan politik DAP dan 7 orang pemimpin DAP di bawah tahanan adalah dijalankan secara menurut undang-undang, dijalankan dalam cara yang terbuka dan dalam lingkungan Perlembagaan Persekutuan. Kegiatan-kegiatan tahanan-tahanan DAP adalah selaras dengan dasar-dasar dan prinsip DAP yang mengamalkan prinsip sebuah negara Malaysia yang berbagai kaum, berbagai budaya dan berbagai fahaman keagamaan. Sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, ketujuh-tujuh orang Ahli Parlimen DAP mempunyai satu tugas yang penting untuk dilaksanakannya bagi pihak para pengundi mereka untuk menyuarakan bantahan-bantahan terhadap dasar-dasar Kerajaan yang didapati tidak adil dan bertentangan dengan kepentingan nasional dan perpaduan negara.

Oleh kerana Malaysia ialah berasaskan di atas lunas-lunas sistem demokrasi berpelembagaan, maka adalah hak dan tanggungjawab seseorang ahli Pembangkang DAP untuk mengkritik mana-mana dasar Kerajaan yang melanggar hak-hak rakyat dan jaminan Perlembagaan. Atas alasan-alasan ini sebagai latar belakang, maka saya suka menjawab satu persatu pelbagai pertuduhan yang dibuat terhadap DAP seperti mana yang tercatat dalam Kertas Putih.

Yang pertama atas tuduhan yang kononnya mengeksploitasi isu-isu sensitif. Kertas Putih menyalahkan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang daripada DAP kerana telah mengeksploitasi pelbagai isu-isu sensitif dan menyemarakkan perasaan perkauman dan ini telah disebut sebagai sebab utama yang membawa keadaan yang tegang dalam tahun

1987. DAP menyatakan di sini bahawa parti kami bukanlah parti perkauman dan tidak mempercayai dalam mengeksploitasi isu-isu meskipun ia berunsurkan etnik, untuk memperolehi sokongan politik. DAP telah menganggap isu-isu yang disebutkan dalam Kertas Putih yang meliputi dari isu Bukit Cina hingga kepada isu Koperasi Pengambilan Deposit sebagai perkara yang tidak sensitif kerana ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan ada kaitan dengan hak-hak mereka yang dijamin dalam Perlembagaan. *(Tepuk)*

Sebagai Ahli Parlimen, 7 orang tahanan DAP yang telah dihubungi oleh para pengundi mereka mempunyai hak untuk membangkitkan perkara-perkara ini untuk perhatian pihak berkuasa berkenaan bagi maksud mendapatkan perlindungan ataupun penyelesaian. Malah jika isu-isu yang disebutkan itu dianggap sebagai sensitif oleh Kerajaan, kami dalam DAP telah membangkitkan bukan dengan maksud untuk mengeksploitasi tetapi meredakannya menerusi percubaan menarik perhatian Kerajaan supaya menyelesaikannya kerana semua ini adalah ditimbulkan oleh Kerajaan sendiri. *(Tepuk)* Dengan berbuat demikian, DAP tidak sahaja melaksanakan tugas-tugasnya sebagai pembangkang dan jurucakap rakyat tetapi juga membuat sumbangannya untuk membantu Kerajaan menyelesaikan masalah-masalah dan tidak sesekali mengeksploitasikannya.

Isu-isu yang disebutkan itu telah dibangkitkan oleh Kerajaan sendiri baik di peringkat Persekutuan atau peringkat Negeri dan DAP terpaksa campurtangan untuk meredakan ketegangan kaum yang tentunya melemahkan perpaduan nasional dan persefahaman jika isu-isu ini dibenarkan untuk meracuni fikiran rakyat seterusnya.

Yang kedua, atas isu Bukit China. Menurut Kertas Putih, DAP telah menggunakan isu Bukit China menjadi isu perkauman dengan tujuan untuk memprovok perasaan-perasaan orang-orang Cina membenci dan memusuhi Kerajaan dan orang-orang Melayu. DAP menafikan pertuduhan ini yang memang berat sebelah (*Tepuk*) dan tidak benar sama sekali. DAP tidak patut dipersalahkan kerana isu Bukit China. Jika terdapat mana-mana orang yang mesti memikul tanggungjawab yang sepenuhnya untuk membenarkan isu Bukit China memburukkan lagi polarisasi kaum, maka beliau, tidak lain dan tidak bukan, ialah Ketua Menteri Melaka (*Tepuk*) yang telah merancang untuk meratakan Bukit China bagi maksud pembangunan tanpa mengambil kira kepentingan sejarah, budaya dan agama tentang Bukit China.

Selama empat ke lima abad, Bukit China telah menjadi harta amanah masyarakat Cina bagi maksud-maksud agama dan terdapat 12,500 kubur di atas bukit perkuburan lama itu. Memandangkan keadaan dan kepentingan Bukit China yang menjadi lambang akar-umbi kebudayaan rakyat Malaysia berketurunan Cina di Malaysia dan sumbangannya kepada pembangunan Malaysia pada hari ni, maka ia tidak patut diratakan dan dibungkam.

Apa yang DAP telah berbuat dalam kontroversi Bukit China ialah meminta Kerajaan Negeri Melaka memahami bahawa keperluan menghormati sensitiviti pelbagai budaya dan agama dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia merupakan kepada kejayaan pembinaan negara. Malah, bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah mengulas dalam suratkhbar *The Star* dalam bulan Disember 1984, dan apa yang telah dikatakan oleh beliau saya quote di sini:

“Bukit China adalah sangat sensitif kepada masyarakat Cina dan

Melaka ialah penempatan awal rakyat Malaysia keturunan Cina. Oleh itu, jika mayat-mayat terpaksa dipindahkan, adalah lumrah masyarakat Cina akan membantahnya. Terdapat banyak tempat dalam Melaka yang boleh digunakan untuk maksud pembangunan. Cara yang terbaik untuk mengatasi isu Bukit China ialah dengan tidak menyentuhnya lagi”. (*Tepuk*)

Perkara yang ketiga ialah mengenai isu budaya, kaum dan agama. Adalah dinyatakan, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kertas Putih bahawa DAP telah mencipta ketakutan dan kebimbangan di kalangan orang-orang bukan Melayu serta menyemarakkan perasaan anti-Kerajaan dan anti-Melayu dengan mengungkit-ungkit isu bahawa Kerajaan mempraktikkan dasar satu bahasa, satu kebudayaan. Tidak boleh dinafikan bahawa dasar “satu bahasa, satu budaya” diisytiharkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam Mesyuarat Pertama Parlimen yang diadakan selepas pilihanraya umum 1982.

DAP telah mengkritik sekeras-kerasnya dasar “satu bahasa, satu budaya” kerana dasar ini tidak mengindahkan hakikat dan kepekaan berbilang kaum dan berbilang bahasa di Malaysia. Dasar “satu bahasa, satu budaya” telah melanggar semangat dan bertentangan dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia yang dengan jelasnya menyatakan bahawa sementara Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi dan kebangsaan, namun pengajaran, pembelajaran, penggunaan dan pengajian bahasa-bahasa lain diberi jaminan dan pengiktirafan dari segi Perlembagaan.

Bagaimanakah dasar “satu bahasa, satu budaya” Kerajaan boleh “menyemarakkan perasaan perkauman” sedangkan ianya diutarakan mengikut lunas-lunas demokrasi berparlimen dan

berperlembagaan tanpa menghasut dan menggalakkan sesiapa ke arah keganasan?

Perkara yang keempat di dalam isu Koperatif Pengambilan Deposit. Kertas Putih telah menuduh DAP sebagai “mengeksplotasikan” isu Koperasi Pengambilan Deposit tanpa “menghiraukan kesannya terhadap perhubungan antara kaum dan ketenteraman kaum”. Ini adalah tidak berasas dan tidak benar. DAP telah membangkitkan isu koperasi kerana dua sebab:

Pertama, hendaklah ditegaskan di sini bahawa isu KPD bukanlah satu isu perkauman. Isu ini melibatkan seramai 588,000 para pendeposit dan ramai daripada mereka terdiri dari golongan berpendapatan rendah seperti penjaja, suri-suri rumahtangga, buruh dan peniaga-peniaga kecil. Mereka telah hilang seluruh simpanan mereka akibat salah pengurusan dan pecah amanah yang melibatkan pengarah-pengarah KPD yang mempunyai pertalian dengan MCA, parti komponen Barisan Nasional.

DAP terpaksa membongkarkan isu ini kerana terdapat percubaan-percubaan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin tinggi Barisan Nasional untuk menutup skandal tersebut dengan menyatakan bahawa segala-galanya adalah baik berkait dengan KPD apabila krisis KPD itu sampai ke puncaknya. Sungguhpun ramai daripada mangsa berkenaan yang ditipu itu terdiri daripada rakyat keturunan Malaysia, namun ia bukanlah satu isu perkauman atau ethnik sama sekali. Ia adalah satu kes di mana salah satu kaum di masyarakat kita ditipu oleh kononya pemimpin-pemimpin dan ahli perniagaan masyarakat yang termasyhur.

DAP telah memperjuangkan isu koperatif sehebat isu dan kebajikan peneroka FELDA. Memang, DAP

telah menyalahkan MCA kerana ramai pesalah-pesalahnya adalah bekas pemimpin-pemimpin MCA (*Tepuk*) seperti Datuk Kee Yong Wee, Tan Tiong Hong dan Tan Koon Swan.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): (*Bangun*)

Tuan Lee Lam Thye: DAP juga telah menyalahkan.

Tuan Chua Jui Meng: Kalau berani, beri jalan. Berilah, jangan takut! MCA-MCA

Seorang Ahli: Nanti, nanti.

Tuan Chua Jui Meng: Saya hendak minta penjelasan, kalau berani beri jalan!

Tuan Lee Lam Thye: Saya ada banyak hujah lagi hendak saya sampaikan.

Tuan Chua Jui Meng: Saya hendak minta keterangan oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Kedua-dua sekali duduk! Yang Berhormat, kalau kita hendak membahaskan Usul ini dengan baik, supaya memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak menghujah dan menjawab, kita harus bertenang. Saya jemput Yang Berhormat dari Bukit Bintang meneruskan ucapan. (*Tepuk*)

Tuan Lee Lam Thye: Pihak DAP juga telah menyalahkan Kerajaan kerana tidak menyelamatkan Koperatif-koperatif Pengambilan Deposit dengan cara berkesan seperti ia berbuat dengan menyelamatkan Bank Rakyat dan Bank Bumiputera. Kami telah menuduh Kerajaan sebagai mempraktikkan “double standards”. Itulah pendirian kita pada ketika itu dan masih menjadi pendirian kami buat ketika ini.

Mengenai isu matapelajaran pilihan. Kertas Putih merujuk kepada eksploitasi isu matapelajaran pilihan oleh DAP di Universiti Malaya yang telah menyumbang terhadap ketegangan dan polarisasi antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu. Biarlah saya menafikan sekeras-kerasnya tuduhan ini.

DAP telah berucap mengenai keputusan Senat Universiti Malaya mengenai kursus pilihan kerana kami ingin mengeksploitasikan isu ini tetapi untuk mengingatkan Senat Universiti Malaya tentang sensitiviti bahasa dan budaya dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia. Apa yang dinyatakan oleh DAP ialah Senat Universiti Malaya hendaklah bertanggungjawab terhadap polarisasi kaum baik di dalam atau di luar kampus memandangkan keputusannya itu yang amat provokatif dan tidak wajar untuk mengharamkan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar bagi kursus-kursus pilihan.

Berhubung dengan demonstrasi di luar Universiti Malaya, haruslah dititikberatkan bahawa demonstrasi tersebut diadakan secara aman yang harus dibenarkan dalam mana-mana negara demokrasi. Namun, masalah tersebut tidak akan timbul sekiranya Senat Universiti Malaya telah memberi perhatian sewajarnya terhadap sensitiviti sebuah negara berbilang bangsa dan seterusnya membatalkan keputusannya dan membenarkan bahasa Cina dan Tamil dikekalkan menjadi bahasa pengantar bagi kursus-kursus pilihan.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, DAP sekali lagi ingin menafikan sekeras-kerasnya tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap pemimpin-pemimpin DAP yang terkandung dalam Kertas Putih. DAP menafikan sekeras-kerasnya para pemimpin kami ada membangkitkan perasaan perkauman. Rekod DAP

dan penglibatannya dalam perjuangan pelbagai kaum adalah jelas dan diketahui oleh semua. Setiap tindakan DAP khusus digerakkan dan dirangsang oleh perasaan cinta kami terhadap negara dan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. (*Tepuk*)

Mereka yang patut ditangkap dan ditahan ialah mereka yang benar-benar menyemarakkan perasaan perkauman dan telah mengancam keselamatan negara (*Tepuk*) seperti setengah-setengah Menteri, Menteri Besar, Ahli-ahli Parlimen dan setengah-setengah Ahli EXCO daripada Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Penangkapan dan penahanan Ahli-ahli DAP adalah berakibat daripada politik Barisan Nasional. Mereka menjadi mangsa krisis semasa dalam komponen-komponen parti Barisan Nasional. Sekian. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.50 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Pemangku Ketua Pembangkang bahawa Kertas Putih ini ditolak sama sekali kerana ianya merupakan hanya, dengan izin, fabrications and lies sahaja.

Saya mahu memberi notis terlebih dahulu bahawa saya tidak akan memberi jalan kerana masa terhad, tetapi sekiranya sesiapa daripada Barisan Nasional merasa saya takut ataupun DAP takut, saya mencabar di sini mengadakan suatu perbahasan terbuka di antara DAP dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional bila-bila pun boleh luar dari Dewan ini. Cabaran sudah dikeluarkan, bila-bila boleh terima, okay? Kalau tidak, shut up and listen.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tengok cameramen dari RTM pun ada hadir, tetapi sekarang sudah lari. Kalau pihak Kerajaan ikhlas membahaskan isu ini biarlah RTM menyiarkan proceeding hari ini bagi satu jam seperti liputan luas diberikan semalam, supaya membuktikan RTM bukan "Radio Televisyen Mahathir."

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit!

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak bagi, luar boleh, mengadakan satu public debate any time, okay? Cari masa sesuai.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dia mahu publisiti kerana bertanding sebagai Setiausaha Agung Parti DAP.

Tuan Sim Kwang Yang: Apa mahu takut? Saya cadangkan supaya RTM beri liputan proceeding hari ini supaya membuktikan RTM bukan "Radio Televisyen Mahathir," tetapi sebenarnya Radio Televisyen Malaysia. *(Tepuk)*

Tuan Zubir bin Embong: *(Bangun)*

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kertas Putih ini? Ini hanya.

Tuan Zubir bin Embong: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak bagilah. Saya suka beri notis.

Tuan Zubir bin Embong: Takut!

Seorang Ahli: Buat "RTM" sendiri!

Tuan Sim Kwang Yang: Takut! Anytime public debate, apa takut lagi?

Tuan Zubir bin Embong: Anytime I accept your challenge, dengan izin.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jangan berbahas, hadapkan ucapan kepada saya dan kalau tidak benarkan orang menyampuk, Yang Berhormat teruskan ucapan dan jangan melayan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan yang dikemukakan secara Kertas Putih ini satu perkataan utama telah digunakan beberapa kali iaitu "pengeksploitasian", DAP mengeksploitasikan soal perkauman, komunis parti, mengeksploitasikan sana-sini, semua pengeksploitasian, hanya Kerajaan tidak ada eksploitasian, seolah-olah Barisan Nasional mempunyai hak eksklusif untuk memperjuangkan dengan keikhlasan sahaja. Semua orang kata niat jahat. Inilah saya tidak dapat terima sama sekali kerana soal-soal politik di dalam negara kita tidak dapat dibahaskan tanpa menyentuh kepada faktor-faktor perkauman kerana "Nation Building Programme" adalah berdasarkan kepada soal perkauman, asalkan kita boleh berbincang soal-soal negara kita tanpa mencero bohi hak bangsa lain tidak apa. Maka perbincangan ini terbuka boleh dijalankan, tidak ada apa-apa bahaya sama sekali.

Kita memeriksa, banyak pernyataan DAP di sini sudah dimasuk. Tetapi adakah pernah DAP ataupun pihak lain yang ditahan ini adakah mereka mencadangkan bahawa hak istimewa Orang Melayu diperkecilkan? Tidak. Adakah mereka mencadangkan bahawa kedudukan agama Islam diperkecilkan? Tidak! Adakah mereka cakap bahawa Bahasa Malaysia tidak dapat dicintai? Tidak! Mereka hanya memberi articulation kepada masalah-masalah mereka sendiri. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada muka surat 7, ada menyebut bahawa sepanduk-sepanduk yang mengandungi ungkapan-ungkapan berikut

telah dipamerkan oleh DAP di luar daripada Universiti Malaya:

MIC, MCA dan GERAKAN—
JANGAN MENGGADAI
MARUAH”
“MIC, MCA—SLEEPING
BEAUTIES”
“MCA dan MIC—LETAK
JAWATAN”
“MENGAPA MIC JADI
PENDIAM”
“MCA TIDAK BERBUAT
APA-APA”
“MIC, MCA JUAL MARUAH”

Mana boleh ini menimbulkan perasaan perkauman? Mungkin menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan MCA, MIC sahaja. (*Tepuk*) Tetapi kita melihat ungkapan-ungkapan yang keras telah dipamerkan dalam perhimpunan UMNO pada 11hb Oktober itu seperti berikut:

“LUCUTKAN KERAKYATAN
PENENTANG DYMM RAJA-
RAJA MELAYU”—ini tidak
banyak fasal, tetapi—

“ANWAR JANGAN TAKUT
DENGAN CINA”

“13 MEI KINI BERMULA”—ini
UMNO punya ungkapan.

“BASAH IA (KRIS) DENGAN
DARAH CINA”

Kertas Putih ini bukti bahawa UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO mula menimbulkan perasaan perkauman dengan menimbulkan suasana tegang pada ketika itu. Tetapi sekarang mereka yang mempamerkan ungkapan ini menjadi Menteri, mereka yang tidak salah masuk jel. Adakah ini adil? Bukan kita mahu mempertahankan pihak DAP sahaja, tetapi kita boleh melihat “Liberation Theology”, pada muka surat 14. Tengok kenapa Theresa Lim Chin Chin ditangkap. Objektif utama URM (Urban Rural Mission) seperti yang diterangkan oleh Theresa

Lim, seorang pekerja sosial gereja, ialah berbunyi seperti berikut:

“ untuk menganjurkan dan “conscientize” rakyat jelata iaitu pekerja estet dan kilang serta setinggan-setinggan dengan tujuan untuk membentuk satu pergerakan rakyat jelata yang meluas yang mampu untuk menentang secara radikal struktur masyarakat, termasuk perbezaan kelas yang wujud dalam masyarakat, sistem politik, sosio-ekonomi, dasar Kerajaan dan sebagainya.”

Apakah salah ini? DAP hari-hari cakap begitu dalam Dewan ini. Kalau begitu semua orang pun buat salah—dalam Dewan yang mulia ini datang dari DAP. Satu lagi iaitu tentang Theresa Lim Chin Chin di mana beliau dituduh mengatakan seperti berikut dalam “Lenten Campaign.” Ini menurut Theresa Lim Chin Chin:

“Saya cuba mencapai matlamat berikut: membentuk atau menubuhkan secara perlahan-lahan satu persatuan Kristian yang berani dan lantang mengkritik Kerajaan mengenai isu-isu yang melibatkan ketidakadilan” dan sebagainya.

Apakah salah ini? Kristian pun orang warganegara, mereka pun mempunyai hak asasi untuk mengkritik Kerajaan, kalau ada apa-apa salah di bawah Akta Hasutan, hadapkan mereka ke mahkamah, kenapa melaksanakan ISA ini? (*Tepuk*)

Saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti, adakah benar bahawa Yang Berhormat Lim Kit Siang dipersoalkan dalam masa soal-siasat selama 60 hari, adakah beliau disoal-siasat tentang perkara U.E.M.? Adakah benar bahawa beliau disoal-siasat tentang ucapannya dalam Dewan yang mulia ini? Kalau jawapannya “ya” pihak Polis sudah melanggar

Privilege Dewan yang mulia ini, oleh kerana kita diperlindungi oleh Privilege Parliamént dan kita tidak dapat dipersoalkan kecuali di bawah Akta Hasutan sahaja. Adakah beliau tidak dipersoalkan tentang apa-apa yang beliau telah dituduh di dalam Charge Sheet sehingga bila lihat Charge Sheet beliau terkejut. Beliau tidak pernah disoal tentang tuduhan-tuduhan yang telah dikemukakan. Maka, Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih ini bukan Kertas Putih, ini "Kertas Hitam". (*Tepuk*) dia merupakan satu titik hitam di dalam conscience Malaysia ini dan saya menyokong Usul Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya menolak publicised "fabriciations and lies" ini, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr Chen Man Hin (Seremban):
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, satu minit.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tunjuk di sini bahawa Kertas Putih ada banyak tuduhan kepada DAP tetapi Kerajaan sudah miss, tidak tulis dalam lain-lain faktor, atau satu perasaan genting pada masa itu. Nombor satu faktor ialah skandal-skandal yang banyak masa itu, rasa tidak puas hati dengan Kerajaan dan masalah kedua ialah keadaan UMNO, UMNO struggle, faktor itu sangat penting, apa sebab tidak sebut dalam Kertas Putih ini? Saya mahu bertanya, itulah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.02 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam

perbahasan Usul yang telah dibawa oleh Pemangku Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang oleh kerana perkara-perkara yang dimasukkan dalam Kertas Putih ini membabitkan juga secara tidak langsung penglibatan saya di waktu isu ini timbul dan penangkapan beramai-ramai baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, nama saya tidak ada dalam Kertas Putih ini, tetapi saya juga ditangkap di bawah ISA baru-baru ini yang menjadi dua kali pengalaman saya di bawah tahanan ISA. Walau bagaimanapun, kita bukan membahaskan Rang Undang-undang ISA. Kita hanya membahaskan apa yang terkandung dalam Buku Putih ini. Saya dapati buku ini colour putih, bukan colour hitam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal apa yang telah diterangkan dalam Kertas Putih ini, saya ingin memberi pandangan berbahas sepertimana kata saya selalu secara intelektual, kerana Dewan yang mulia ini adalah Dewan yang mewakili rakyat. Dewan yang mulia ini bukan kandang haiwan, (*Tepuk*) kerana bercakap secara berpekik-pekik yang emosional selalu kata orang tua-tua, "orang yang tidak bersalah selalu tenang, orang yang salah selalunya melompat." (*Tepuk*) Inilah kaedah peribahasa dan pepatah Melayu. Dalam hal ini saya mempunyai pandangan saya sendiri, kalau tanya perasaan saya mengenai saya ditangkap oleh ISA, tentu saya merasa amat kecewa sekali. Sudah barang tentu saya mempunyai hujah-hujah yang boleh saya pertahankan, kenapa saya ditahan di bawah ISA. Tetapi peristiwa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, dalam Buku Putih ini telah menghuraikan dengan panjang lebar bersabit dengan soal-soal isu perkauman, masalah proses kegiatan kristianisasikan orang-orang Melayu dan kegiatan-kegiatan lain termasuklah perkara Hishamudin Rais yang merupakan Presiden UMSU satu

ketika dahulu yang bergiat dalam Persatuan Pelajar pada tahun-tahun 70an.

Urutan daripada sejarah yang ditulis dalam Kertas Putih ini hanya sekadar memaparkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada negara kita. Soal tahanan, soal lain, soal yang kita hendak bicara dalam Kertas Putih ini yang dibentangkan ialah perkara-perkara urutan yang berlaku. Saya terpaksa bercakap perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya adalah bekas EXCO bekas Pergerakan Pemuda UMNO (lama) dahulu yang turut terlibat dalam mempertahankan isu-isu yang telah dibawa oleh DAP. Saya turut ditangkap kerana Pemuda UMNO pada waktu itu terpaksa berdepan bagi mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu dalam negara ini. Memang bagi saya, apabila saya bertindak demikian, saya sudah sedia menerima risiko. Sebagai seorang pejuang seperti kata pepatah "kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai".

Kita seorang ahli perniagaan, kita mesti menerima apa-apa risiko. Kalau takut berjuang, tak usah berjuang. Sebab itu pernah saya menyatakan, memang betul saya mempunyai pandangan dan sikap peribadi saya sendiri mengenai dengan ISA. Tetapi kita sebagai seorang ahli perjuangan, kalau ISA, ISAlah, kalau kita yakin bahawa perjuangan kita itu benar. Apa yang kita bimbang sangat?

Saya tahu bahawa perkara yang dibangkitkan oleh DAP itu semata-mata dari segi konteks kepentingan politik DAP, bukan dalam konteks kepentingan perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan. Saya hendak tanya pihak DAP, di dalam satu Seminar ALIRAN di Pulau Pinang pada 1987, Ketua Pembangkang DAP yang berada dalam tahanan hari ini bersama dengan Dr Tan Cheng Beng

telah buat memorandum kepada Kerajaan agar perlembagaan dikaji semula kerana orang bukan Melayu tidak puas hati tentang hak istimewa orang-orang Melayu. Bukankah ini isu yang dibawa sebagai asas perkauman yang telah menggugat keamanan negara?

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh beri jalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya boleh beri jalan, bukan macam DAP. Kita orang gentleman. *(Tepuk)*

Tuan Sim Kwang Yang: Serupalah. Kalau Ketua Pembangkang telah melanggar privilege Dewan yang mulia ini dengan menyentuh kepada satu perkara sebegitu dengan melanggar Akta Hasutan, rujukkanlah dia kepada Privilege Committee, itu sahaja. Jangan banyak bunyi daripada action. Ujilah dia!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita pun tidak cukup masa. Kalau hendak bercakap soal dalam Kertas Putih bersabit dengan isu perkauman, isu Bukit China, isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang dibangkitkan dahulu, saya tidak payah berpekik. Atas nama peribadi, saya bersetuju menerima cabaran DAP untuk berdebat secara terbuka. Saya mohon daripada Kementerian Dalam Negeri supaya membenarkan perdebatan ini di atas isu semata-mata atas apa yang dibangkit mengenai isu perkauman, sebab DAP yang bangkitkan seperti dalam Kertas Putih ini. DAP kononnya hendak mempertahankan isu Bukit China, kerana nama bukit itu nama "Cina". Sayang sangat nama Cina. Cuba duduk di negeri Thailand, cuba duduk di negeri Indonesia ataupun di Singapura. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, nanti sekejap, dia hendak penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak penjelasan lagi? Okay, no problem.

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau Yang Berhormat sanggup untuk mengadakan satu perbahasan terbuka, jikalau Yang Berhormat boleh memohon untuk mendapati permit Polis mengadakan satu tempat besar dan menentukan satu masa dan tarikh tertentu, bolehlah bila-bila. Okay? Sekarang cakap, sanggup atau tidak sanggup?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Oleh kerana pihak DAP yang mencadangkan perdebatan terbuka pihak DAPlah minta permit dan sila mengundang saya di mana sahaja, malah di Dewan Perhimpunan Cina pun saya sanggup hadir, insya Allah. Sila minta dan kemukakan permit dan saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri mengeluarkan permit ini. Tetapi yang meminta, ialah pihak DAP.

Kita bercakap soal pokok bagaimana perkauman ini boleh berlaku, bagaimana soal isu Bukit Cina, bagaimana soal cerita Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Saya sendiri tidak bererti bahawa saya mengiakan semua apa yang dibuat oleh Kerajaan. Saya sendiri memberi teguran/kritik secara terbuka. Tetapi saya tidak bersetuju dengan cara DAP dengan menolak asas-asas kebenaran bagaimana masalah perkauman itu telah berlaku dalam negara kita ini. Prinsip ini yang saya hendak pertahankan, sebab saya turut bertanggungjawab. Saya tidak akan melenting. Pergerakan Pemuda UMNO dahulu, dalam parti UMNO lama dahulu tidak akan bertindak, tidak akan bersuara kalau DAP tidak bangkitkan dahulu isu-isu seperti ini. Kami juga ada maruah, kami anak

watan bangsa Melayu yang akan mempertahankan tanahair sampai ke titisan darah yang terakhir. Kami sudah berikrar atas asas ini. Kalau pihak DAP memahami. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun atas apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Fasal Ayahanda saya, tidak mengapa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bukan saya hendak meminta penjelasan dengan dia. Saya hendak minta penjelasan dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat ruling tadi masa satu jam sahaja untuk pencadang dengan pihak Kerajaan. Adakah masa ini boleh dibuka, sebab saya sendiri pun boleh bercakap dan saya tidak terima Kertas Putih ini. Jadi kalau satu jam, satu jamlah, kalau tidak, tutup.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, duduk!.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tutup terus, senang. Saya boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini, elok. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, nanti sekejap. Saya hendak menerangkan apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya beri peluang kepada pihak pencadang setengah jam dan pihak Kerajaan setengah jam. Belum sampai

masa lagi pihak Menteri menjawab, kita beri kepada penyokong beberapa minit. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah ini masalah besar dan banyak pihak hendak mengambil bahagian dan DAP telah pun mencadangkan perdebatan terbuka, eloklah kalau boleh DAP, PAS, mana-mana parti lagi, ambil bahagian mengadakan debat terbuka bersabit dengan bagaimana mengatasi masalah perkauman ini. Okay. Beres. Sebab kita hendak meluahkan pendapat.

Saya menyatakan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin tidak perhimpunan Pemuda pada bulan Oktober di Stadium TPCA? Kenapa perkara ini berlaku? Saya sendiri tidak ingin perkara ini berlaku tetapi kalaulah tidak ada mana-mana pihak pun boleh menafikan ucapan-ucapan di Dewan Perniagaan Cina yang diadakan sebelum itu, ceramah-ceramah yang dibuat oleh DAP, sentiasa mengaitkan hak istimewa orang Melayu. Mereka pernah membuat ucapan dengan mengatakan bahawasanya ada di kalangan kepimpinan Melayu dahulu dan sekarang hendak membenamkan kepentingan orang-orang Cina.

Saya penuh yakin kalaulah benar seperti isu-isu yang dituduh sebelum ini yang akhirnya menimbulkan pergolakan di kalangan kaum di negara kita, kalaulah benar, saya ulang, sudah barang tentu nama Yang Berhormat dari Bukit Bintang Lee Lam Thye tidak ada nama lagi. Namanya Ibrahim Ali, Bukit Bintang, nama Melayu macam di Indonesia. Saya lama sudah sokong cara-cara ini, sebab itu saya kadangkang dituduh sebagai seorang kononnya ekstrimis. Saya tidak ekstrimis. Bagi saya hendak menyelesaikan masalah perpaduan. Selagi mana DAP membangkitkan isu-isu kepentingan orang-orang Cina, sudah tentu orang-orang Melayu akan menjawab. Tetapi kita sudah putuskan

dalam Perlembagaan tahun 1957—Perjanjian Jus Soli dahulu. Ingat tak lima perkara?

Pertama, Islam sebagai agama rasmi negara.

Kedua, kedudukan ke bawah Duli Raja-raja Melayu tidak boleh dipersoalkan.

Ketiga, Bahasa Malaysia bahasa rasmi.

Keempat, hak istimewa orang-orang Melayu tidak boleh dibangkitkan, hak tanah dan sebagainya.

Kelima, hak kerakyatan orang-orang Cina tidak boleh dibangkitkan.

Dan kita tidak pernah mengeluarkan memoranda kepada Kerajaan untuk menarik balik kerakyatan orang-orang Cina, tidak sama sekali. We love you like our brothers in this country, because we want you to live peacefully, dengan izin, cakap orang putih, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan kita berkelahi, tidak ada, tidak timbul soal perkelahian kita, tetapi kita membangkitkan perkara ini, sebab kita rasa bertanggungjawab, kita tidak mahu melihat jenerasi muda nanti terus menerus berperang soal perkauman.

Kalau soal-soal bab politik, soal-soal cara Kerajaan bertindak kita tidak bersetuju, itu boleh kita beri pandangan. Tetapi bukan soal dalam kontek politik semata-mata.

Saya yang menjadi Ahli dalam Barisan Nasional, saya tidak akan membiarkan diri saya sama sekali untuk menyokong apa yang tidak betul yang dilakukan oleh Kerajaan. Walaupun apa akan jadi pada saya pada masa hadapan dalam perjuangan

dan karier politik. Tetapi bagi saya yang benar tetap benar, yang salah tetap salah.

Jadi, pihak DAP mesti terima hakikat politik ini. Jangan bermain politik. Macam ayahanda saya dari Pengkalan Chepa itu lain. Saya cukup faham beliau berjuang, PAS berjuang kerana Islam dalam kontek dan nadanya di Kelantan. Itu kita terima juga pandangan-pandangan yang baik. Saya sentiasa membaca ucapan mana-mana yang baik, saya kata baik. Wah! ini pandangan daripada DAP yang baik, saya terima. Wah! ini pandangan Wakil PAS yang baik, saya terima. Tetapi ini telah melampau—tidak betul, saya kata tidak betul. Bukankah ini cara kita menjadikan Dewan yang mulia ini satu Dewan yang dihormati. Bukan circus, bukan haiwan. Malu kita dengan orang ramai. Hari-hari kanak-kanak sekolah datang melihat Ahli-ahli Dewan bermesyuarat. Bila tengok sahaja pihak Pembangkang bercakap tidak lebih seperti dalam circus haiwan, malu saya. (*Tepuk*) Biarlah kita menjaga integrity dan intelektual kita. Mari kita berbahas, soal masa hadapan politik, itu soal Allah taala. Soal keyakinan kita, soal perjuangan kita, tetapi kita harus berpegang kepada perkara yang betul, tetap betul. Perkara yang salah, tetap salah.

Saya minta sangat kepada pihak DAP supaya apabila isu-isu seperti ini berbangkit, bercakap jangan melulu, jangan emotional supaya pandangan-pandangan yang baik oleh DAP itu boleh diterima oleh Kerajaan, supaya pandangan kita itu boleh diterima oleh Kerajaan. Itu cara kita. Saya pun tidak sedap, Tuan Yang di-Pertua, hendak ajar orang-orang tua ini, saya muda. Tetapi kalau sudah bodoh sangat, macam mana, saya hendak kena ajar sesiapa sahaja. (*Tepuk*) Saya terpaksa bercakap begitu.

Dr Eng Seng Chai: Point of order. Sangkaan jahat kata kita bodoh. Dia pandaikah? Macam hujah binatang.

Tarik balik sangkaan jahat itu. Buktikan macam mana kita bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuju kepada siapa-siapa, saya kata bodoh tadi tetapi cara dia bercakap tadi, bo-bo-bo, itulah nama dia bodoh. Saya tarik balik, cuma saya kata, itulah cara bodoh. Saya tarik balik lagi, saya kata itulah cara bodoh. Saya tarik balik. (*Ketawa*) Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Bahasa ini harus diberhentikan. (*Boo!*) Kalau cakap bodoh, tarik balik. Bodoh sekali lagi, tarik balik apa, apa maksud tarik balik ini? Tidak ada maruah. (*Disampuk*) You binatang, saya tarik balik; you binatang, saya tarik balik. (*Disampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: You are also a bloody fool.

Tuan Sim Kwang Yang: Oh! you cara bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa kita harus bertenang, sebab soal ini penting dan tajuknya amat penting kepada kita semua. Saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidaklah, saya ingat masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membangkitkan sedikit kasar oleh kerana dia provok, itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dan ini pernah

dilakukan oleh pihak DAP. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah, saya ingat cukuplah itu.

6.12 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sekali lagi DAP telah menunjukkan belang mereka. (*Tepuk*)

Mereka cuba-cuba menegakkan benang yang basah setelah Kertas Putih dikeluarkan oleh Kerajaan, DAP menyangkal isi kandungannya. Bukan itu sahaja, DAP menganggap Kertas Putih ini berat sebelah, tidak berasas, ada niat yang tersembunyi oleh pihak Kerajaan. Semua Yang Berhormat tahu, semua rakyat tahu bahawa peristiwa penangkapan telah berlaku hampir lima bulan. Sebelum peristiwa ini keadaan negara kucar-kacir. Keselamatan negara terancam, pelabur-pelabur asing merasa curiga. Ketenteraman awam benar-benar terjejas. Ini jelas dibuktikan dalam Kertas Putih, Kerajaan telah menunaikan janjinya untuk mengeluarkan Kertas Putih. Rakyat ingin tahu sebab musababnya. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, harapan dan permintaan rakyat telah terlaksana.

Selama lima bulan ini keadaan negara adalah tenteram. Perpaduan rakyat adalah baik dan mesra, tidak lagi wujud kekeliruan, ketenteraman awam adalah terjamin. Tetapi nampaknya DAP tidak suka semua ini berlaku. Luka yang lama hendak dibuka kembali, perasaan rakyat hendak dibakar kembali. Tidakkah DAP inginkan keamanan, inginkan kesentosaan rakyat, inginkan suasana yang tenteram. Kalau benar-benar DAP jujur dan ikhlas, inginkan ini semua, mengapakah pekung yang lama

hendak dibuka kembali. Ingin melihat pekung itu berdarah kembali. DAP cuba menidakkan penglibatan mereka terhadap apa yang berlaku sebelum 27hb Oktober, 1987. Tetapi bagaimana pula hari ini sehingga sanggup memanaskan kembali perkara yang telah sejuk. Perkara yang telah pun sepi dan saya sungguh terkejut mendengar cabaran dari Wakil dari Bandar Kuching untuk mengadakan public debate, semata-mata untuk mewujudkan kembali suasana tegang di kalangan rakyat supaya keadaan negara akan menjadi kucar-kacir kembali, supaya pelabur-pelabur asing akan keluar, lepas itu DAP akan menghentam Kerajaan dan akhirnya negara ini menjadi hancur. Kementerian Dalam Negeri tidak akan ingin bersubahat untuk menghancurkan bangsa dan negara. (*Tepuk*)

Untuk kepentingan negara, untuk menjamin kesejahteraan rakyat, untuk membangunkan ekonomi dan sosial bangsa. DAP diharap jangan menutup mata dan pekakkan telinga, kerana apa yang diterangkan dalam Kertas Putih adalah nyata, tempatnya, tarikhnya dan apa yang dikata. Bukanlah direka-reka dan setengahnya adalah pengakuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan keselamatan di Semenanjung Malaysia menjelang bulan Oktober, 1987 adalah sungguh tegang sehingga boleh membawa kepada keadaan huru-hara dan purak-peranda dan pertumpahan darah jika tidak dibendung dan dipulihkan dengan serta-merta.

Keadaan ketegangan yang wujud ini adalah akibat beberapa perkembangan yang berlaku dalam satu jangka masa dan yang kait-mengait antara satu dengan lain. Perkara yang utama yang telah menimbulkan keadaan ini ialah kegiatan mengeksploitasikan isu-isu

sensitif oleh berbagai pihak, terutamanya parti-parti politik dan badan-badan pendesak yang tertentu.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Putih ini, DAP sejak tahun 1983 lagi terlibat secara aktif dan berterusan dalam usaha mengeksploitasikan isu-isu yang telah membangkitkan perasaan perkauman dan menimbulkan ketegangan antara kaum, walaupun perkara-perkara yang disentuh itu telah pun dipersetujui oleh majoriti rakyat dari semua kaum sejak merdeka lagi. Di samping itu, pihak DAP begitu ghairah mengeksploitasikan sebarang isu untuk menghakiskan kewibawaan Kerajaan dan menimbulkan kebencian rakyat terhadap Kerajaan. Walaupun perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah perkara biasa sahaja seperti doa di sekolah-sekolah di Melaka di mana ditegaskan dalam Kertas Putih ini dalam satu ucapan yang dibuat oleh salah seorang daripada pemimpin DAP di mana perkataan Allah ada tetapi kalau kita tengok teks yang sebenarnya perkataan Allah itu tidak ada. Apakah tujuannya perkataan itu dimasukkan adalah semata-mata untuk mewujudkan perasaan benci kaum bukan Islam terhadap rakyat Islam?

Tuan Yang di-Pertua, Wakil-wakil Rakyat berhak dan berpeluang mengkritik dan membangkitkan apa-apa isu asalkan cara yang digunakan itu adalah sah di sisi undang-undang. Dalam hubungan ini, DAP diperhatikan telah begitu aktif mengadakan kegiatan-kegiatan yang tidak menghormati undang-undang dan keselamatan awam seperti menganjurkan perhimpunan-perhimpunan haram berkali-kali, walaupun telah dinasihatkan oleh pihak Polis supaya tidak melakukannya, seperti mana kalau kita lihat sanggup mengadakan demonstrasi di depan kanak-kanak, sanggup mengeluarkan kata-kata "balik ke Indonesia" selepas itu timbul daripada kanak-kanak itu "balik ke

Tongsan". Bukankah mewujudkan suasana yang tegang dan diajar kanak-kanak yang masih lagi di peringkat universiti untuk mewujudkan suasana yang tegang ini.

Mengenai penahanan tujuh orang Ahli DAP, saya ingin menegaskan bahawa penahanan mereka adalah berasaskan kepada kegiatan mereka yang memudaratkan keselamatan negara. Pihak Kerajaan adalah mengikuti kegiatan-kegiatan politik dari sudut keselamatan termasuk kegiatan tujuh anggota DAP yang dimaksudkan itu. Berdasarkan penyiasatan yang teliti, pihak Kerajaan berpuas hati bahawa penahanan mereka adalah perlu bagi kepentingan keselamatan. Dakwaan Ahli yang Berhormat bahawa pertuduhan-pertuduhan ke atas tujuh pemimpin DAP adalah tidak berasas, berat sebelah dan diputarbelitkan dan mempunyai motif yang tersembunyi, adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini fakta-fakta pertuduhan yang dibuat ke atas seseorang yang akan ditahan diserahkan kepadanya sebelum perintah tahanan dikeluarkan. Ini adalah untuk memberi peluang kepadanya membela diri di hadapan Lembaga Penasihat yang bertanggungjawab meneliti pertuduhan-pertuduhan itu sama ada berasas atau tidak. Pertimbangan Lembaga Penasihat ini adalah bebas dari sebarang pengaruh politik dan tidak mempunyai motif yang tersembunyi. Kalaupun ada motif dari pihak Kerajaan, adalah semata-mata untuk menjaga ketenteraman awam, memastikan hidup rakyat rukun damai dan negara dapat membangun.

Bila Kerajaan bertindak tegas, orang-orang ini ditangkap dan ditahan, negara pun aman dan demokrasi berparlimen dapat diteruskan sehingga semua Wakil-wakil Rakyat, terutama Wakil-wakil Rakyat dari DAP dapat menghadiri persidangan, dapat

berhujah berapi-api, dapat membaca Kertas Putih dan memahami keadaan yang sebenarnya.

Sedarkah pihak DAP bahawa jika Kerajaan tidak bertindak, negara akan kucar-kacir, pergaduhan kaum akan berlaku, bunuh-membunuh akan terjadi. Akhirnya, demokrasi berparlimen akan mati. Wakil-wakil Rakyat DAP entah ke mana. Tetapi DAP adalah parti yang tidak tahu bersyukur, tidak tahu mengucapkan terima kasih. Apa yang penting pada DAP, guna apa sahaja kesempatan untuk mengeruhkan suasana hatta rakyat bergaduh dan berbunuh, negara kucar-kacir dan hancur sama sendiri. Dengan niat itulah DAP mengemukakan cadangan untuk mengeksploitasikan Kertas Putih ini, agar negara jangan aman, rakyat jangan senang-lenang.

Saya tidak berniat jahat, saya bercakap atas fact kerana perkara ini kalau kita biarkan keluar akan meletus pergaduhan yang lebih dahsyat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah menyangkakan niat jahat pihak DAP bahawa DAP mahu menumpahkan darah atau mahu menimbulkan peperangan. Itu niat jahat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan yang di-Pertua, point of order nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Arau, harap duduk.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, sedarlah wakil daripada Bandar Kuching, pengalaman-pengalaman kita daripada apa yang telah berlaku, kalau kita hangat-hangatkan berlaku pergaduhan. Sedarlah, harap kita sedar akan keadaan ini. Mengapakah

berlaku peristiwa Mei 13? Dan mengapa berlaku ketegangan bulan Oktober terjadi macam ini dan kita tahu sebab-sebabnya.

Mengikut DAP, semua Wakil Rakyat DAP itu ditahan adalah menjalankan kegiatan politik mereka sesungguhnya menurut undang-undang, tetapi tidakkah DAP sedar apa yang telah dilakukan dan dikatakan oleh orang-orang ini boleh mencetuskan suasana ketegangan di kalangan rakyat dan mengancam ketenteraman awam.

Bukan isu menjadi soal, semua orang boleh bercakap isu, tetapi bagaimanakah ayat-ayat yang digunakan atas isu itu yang penting, yang boleh mencetuskan pergaduhan. Kita boleh bercakap seribu isu, kita boleh bercakap "tidak" kepada semua orang tanpa menggunakan perkataan "tidak" supaya orang itu berpuas hati tetapi sengaja kita mewujudkan ayat-ayat menggunakan satu-satu isu yang boleh menyakitkan hati orang lain, yang boleh menimbulkan suasana yang tegang. Kita tidak menimbulkan soal DAP tidak boleh membincangkan isu tetapi bagaimana isu itu diperbincangkan. Itulah perkara yang penting.

Tuan Lee Lam Thye: Boleh saya minta jalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya ada tiga minit sahaja lagi, Yang Berhormat. Dan saya duduk diam sahaja apabila Yang Berhormat bercakap tadi.

Untuk pengetahuan DAP, Barisan Nasional tidak pernah takut dan tidak akan takut untuk menghadapi DAP dalam arena politik. *(Tepuk)* Janganlah sebab mendapat 24 kerusi daripada 177 kerusi dalam Dewan ini sudah berlagak sombong dan bongkak.

Tahun 1969 sejarah gemilang DAP telah berlaku sehingga tercetusnya 13 Mei. Tetapi Barisan Nasional tidak

pernah gentar dan takut dan Barisan Nasional menang dengan cemerlang dalam tiap pilihanraya umum yang diadakan. Jadi penangkapan itu tidak sekali-kali melibatkan politik tetapi semata-mata untuk menjaga keselamatan negara, ketenteraman awam, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Lee Lam Thye: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta jalan, boleh dua minit.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, ada satu perkara yang mustahak saya hendak bertanya Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan. Soal yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah.

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, duduk dulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis bercakap.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, sila, bolehlah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan hujah-hujah yang telah disebutkan dalam Kertas Putih adalah benar dan teratur dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri mempercayainya seratus-peratus apa yang telah disebutkan dalam White Paper (Kertas

Putih) itu, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan sanggup mengadakan satu Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat apa yang terkandung dalam Kertas Putih bagi tujuan untuk menetapkan kesahihan ataupun kebenaran ini kandungan yang disebutkan dalam Kertas Putih itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat, saya ingat Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk mengemukakan dalam Dewan ini, kalau sekiranya pendapat dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu menang, kita ikutlah.

Berkenaan soalan yang ditanyakan oleh—saya terlupa tadi, nanti wakil daripada Bandar Kuching tak boleh tidur pula, betulkah Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah disoal-siasat atas masalah UEM. Pihak Polis tidak pernah menyoal-siasat kegiatan mana-mana tahanan atau mana-mana Wakil Rakyat atas aktiviti dalam Dewan ini—tidak pernah, tetapi kalau aktiviti itu di luar Dewan, kita siasat. Dalam Dewan kita tak siasat. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4), Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sekarang.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini dikemuka bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4), Dewan ini mengikut Peraturan

Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.